

[Dokumen ini belum disemak]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 48**

**Selasa**

**5 Oktober 2004**

---

### **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Maksud B.13

(Halaman 23)

Maksud B.20

(Halaman 101)

**USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2005

**Jawatankuasa:-**

Maksud P.13

(Halaman 23)

Maksud P.20

(Halaman 101)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Selasa, 5 Oktober 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

***mempengerusikan Mesyuarat***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kesan lawatan YAB. Perdana Menteri ke Eropah dan Amerika Syarikat baru-baru ini dapat mengatasi salah faham masyarakat Barat terhadap Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri daripada Parit Buntar kerana mengemukakan soalan sulung pada pagi ini.

Dalam lawatan ke Amerika Syarikat, Republik Perancis dan United Kingdom daripada 18 hingga 24 Julai 2004, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berpeluang untuk memperbaharui jalinan hubungan peribadi dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush, Presiden Republik Perancis, Jacques Chirac dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu kepentingan bersama termasuklah memperbetulkan tanggapan kurang tepat masyarakat Barat terhadap Islam.

Secara tidak langsung, pertemuan tersebut telah memberi kesan yang positif dengan penerangan yang jelas, yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai persepsi negatif terhadap umat Islam oleh sesetengah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pertemuan dengan pemimpin-pemimpin ketiga-tiga negara tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperjelaskan tentang kejayaan Malaysia mewujudkan masyarakat Islam yang sederhana dan progresif dalam negara majmuk yang maju, membangun, dengan rakyatnya hidup

dalam suasana aman, damai, sentosa dan harmoni, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah memperjelaskan dasar-dasar negara dan pendirian Malaysia selaku Pengerusi NAM dan OIC berhubung isu-isu antarabangsa seperti pergolakan di Timur Tengah, Palestin dan Iraq, keganasan serta jurang perbezaan persefahaman masyarakat terhadap Islam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha Malaysia ini telah diiktiraf oleh ketiga-tiga pemimpin yang memuji peranan penting yang dimainkan oleh Malaysia dalam usaha mempertingkatkan persefahaman dan kerjasama di antara negara-negara Islam dan negara-negara Barat.

Pemimpin-pemimpin pertubuhan Islam di United Kingdom juga turut menghormati kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin Islam yang berjaya membangunkan ummah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Sebelum saya membuat soalan tambahan, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah diiktiraf sebagai Menteri Kewangan Terbaik di Asia tahun 2004. *[Tepukan gemuruh]* Bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan Yang Kedua.

Malaysia sebagai Pengerusi OIC, peranan Malaysia untuk memperjelaskan Islam yang sebenarnya kepada seluruh dunia, kerana dunia sentiasa memandang serung dan salah faham tentang Islam yang sebenarnya.

Saya amat berbangga dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC, tetapi apa peranan OIC yang berkesan setakat ini, yang boleh memulihkan pandangan dan perhatian dunia Barat kepada kebenaran Islam itu sendiri yang memang mempelopori keamanan, kesejahteraan dan kedamaian dunia.

Walaupun sesetengah orang Islam ada melakukan perkara-perkara yang tidak diingini, tetapi itu sebenarnya tidak bersesuaian dengan ajaran Islam yang sebenarnya, itu lebih banyak didorong oleh kehendak individu, bukan oleh kehendak Islam

Jadi, saya lihat peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC begitu hebat, tetapi peranan negara-negara lain, ada 56 negara Islam yang menjadi anggota OIC, forum ini

....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...forum ini, forum-forum OIC ini ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, semua Ahli Yang Berhormat sedang menunggu .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, saya akan masuk Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .... soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, soalan sedang berjalan ini Tuan Yang di-Pertua, sedang dilancarkan, soalan sedang .....

**Seorang Ahli:** Sedang masuk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalan sedang lancar. *[Ketawa]* Bukanlah, you salah dengar itu. Sedang dilancarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalan sedang dilancarkan. Bukanlah begitu, you salah fahamalah Bintulu.

Jadi, bagaimana peranan OIC dalam memulihkan pandangan yang serung negara Barat, Malaysia mempelopori, Malaysia memang hebat peranannya, tetapi negara-negara lain saya tengok macam acuh tak acuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hmm, baiklah. Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang memang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sedikit-sedikit, tetapi soalan itu panjang, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua tidak suka panjangkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk Yang Berhormat, sangkaan jahat nanti. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yalah. Okey Tuan Yang di-Pertua, saya patuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya cukup kagumlah dengan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading ini, bukan sahaja prihatin tentang masyarakat di Sri Gading, orang di luar bandar di Malaysia, tetapi juga nasib umat Islam di seluruh dunia.

Malaysia kadang-kadang berasa berseorangan dan bersendirian dalam memelopori usaha mengajak masyarakat antarabangsa menyokong apa yang kita sarankan terhadap penyelesaian isu Palestin dan Iraq.

Walaupun kita akan berseorangan, kita tetap akan terus membawa panji-panji merayu, menyeru dan menggesa seluruh masyarakat dunia supaya mereka prihatin terhadap penyelesaian isu di Iraq dan juga Palestin dan isu-isu lain yang menyentuh masalah umat Islam di seluruh dunia.

Kita ikhlas, kita prihatin, kita bersungguh-sungguh dan kita akan mengorak langkah untuk membetulkan keadaan, walaupun kita berasa kadang-kadang berseorangan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi suara kita sebenarnya didengar, suara kita dihormati dan kita menerima banyak sanjungan dan pujian terhadap usaha kita kerana kadang-kadang ada orang yang terpaksa mendahului, *we have to lead*, dan kita sebagai Pengerusi NAM dan OIC bercadang akan terus berikhtiar, berusaha mencari jalan ke arah penyelesaian umat sejagat dan seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, beliau akan terus mengadakan lawatan ke negara-negara seluruh dunia dalam tahun ini dan tahun hadapan hinggalah akhir tempoh kita sebagai Pengerusi NAM dan OIC untuk memastikan masyarakat dunia terus diberitahu, digesa dan dirayu untuk menyelesaikan masalah yang timbul di Iraq, Palestin dan di lain-lain tempat. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen. Tanggapan buruk Barat terhadap Islam ini sebenarnya adalah hasil daripada perbuatan sesetengah orang Islam sendiri, misalnya semalam saya menonton dalam CNN, dia menceritakan bagaimana Kumpulan Musab Al-Zarqawi menyembelih tawanan-tawanan tebusan seperti binatang katanya, *they slaughter man like animals*.

Soalan saya ialah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dulu dan yang sekarang selalunya berjumpa dengan pemimpin-pemimpin antarabangsa, pemimpin-pemimpin kerajaan, tetapi persepsi buruk Islam ini bukan sahaja datang daripada pihak kerajaan, persepsi buruk ini sebenarnya datang daripada majalah-majalah antarabangsa, daripada stesen-stesen TV seperti CBS, seperti CNN dan juga penulis-penulis berpengaruh dan tulisan-tulisan mereka termasuklah dalam *Asia Week*, *Far Eastern Economic Review*, selalu melihat Islam daripada sudut yang berbeza.

Apakah kita sebagai Pengerusi OIC tidak bercadang untuk menjemput penulis-penulis ini, mereka yang berpengaruh ini, untuk memberi gambaran yang sebenar, kita berjumpa dengan Presiden, Presiden faham tetapi di bawah tidak faham.

Jadi, pada saya adalah langkah yang lebih baik untuk kita sebagai Pengerusi OIC, memberikan gambaran yang sebenar mengenai Islam, Islam yang syumul, Islam yang adil, Islam yang mencari keamanan, Islam sebagaimana namanya, kepada mereka yang berpengaruh ini terutama stesen-stesen TV antarabangsa supaya mereka ini mendapat persepsi yang sebenar tentang Islam. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebenarnya, untuk makluman Dewan yang mulia ini, setiap kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan lawatan di luar negara, berjumpa dengan Presiden dan Perdana Menteri di negara-negara asing, tetap ada satu slot ataupun satu masa di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjumpa dengan stesen-stesen televisyen yang terkemuka dan juga surat-surat khabar yang terkemuka di negara-negara tersebut.

Jadi, maknanya selain daripada kita berjumpa dengan pemimpin, kita juga berjumpa dengan pihak media, beri penjelasan, beri penerangan. Kadang-kadang disiarkan dengan betul, kadang-kadang tidak begitu mendapat liputan meluas, jadi niat baik Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh itu memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu lakukan, tetapi kita tidak menguasai media Barat, kadang-kadang dilaporkan dengan baik, kadang-kadang dilaporkan separuh dan kadang-kadang tidak dilaporkan langsung. Terima kasih.

**2. Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan adakah kementerian bercadang menyediakan peruntukan khas disalurkan ke persatuan sejarah atau jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung untuk menjalankan program penulisan sejarah tokoh dan pimpinan negara, daerah dan tempatan supaya jasa-jasa, pengalaman serta perjuangan mereka dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan buat masa ini tidak menyediakan satu peruntukan khas untuk disalurkan kepada Persatuan Sejarah di peringkat negeri atau daerah bagi melaksanakan program penulisan mengenai tokoh dan pemimpin negara tempatan.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 2002, kementerian telah mula memberi bantuan kewangan tahunan kepada pengurusan dan pentadbiran kepada Persatuan Sejarah Malaysia peringkat kebangsaan dan beberapa bantuan lain kepada Persatuan Sejarah Negeri yang disalurkan berdasarkan permohonan yang diterima.

Di bawah kementerian, program untuk mengimbuu jasa, pengalaman dan perjuangan tokoh-tokoh negara dilaksanakan sebagai aktiviti oleh agensi di bawah kementerian khususnya Jabatan Arkib Negara melalui Program Pengesahan Tokoh dan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti melalui penganjuran pameran bertema. Sehubungan dengan ini, kementerian akan mengambil langkah untuk memperkukuhkan kerjasama dengan Persatuan Sejarah Malaysia ke arah penghasilan lebih banyak penulisan yang berautoritatif mengenai tokoh bukan sahaja dari kalangan pemimpin politik malah merangkumi tokoh seni dan budaya, ketua masyarakat serta tokoh-tokoh lain masa kini dan silam yang penting dalam sejarah negara.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Said Haji Yusof kerana begitu prihatin dengan tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebagai pelindung warisan negara. Sekian.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita telah merdeka 47 tahun dan semasa menyambut merdeka dahulu kita lihat orang kampung ramai yang berduyun-duyun pergi melihat bagaimana *Union Jack* dan ketika Perdana Menteri kita yang pertama hendak menuntut kemerdekaan dahulu ramai di antara tokoh-tokoh kampung sanggup bergolok bergadai, bagi emas, bagi wang ringgit, gadai tanah dan sebagainya untuk melihat bahawa Malaya ketika itu merdeka. Rata-rata orang-orang ini masa kini berumur 60 hingga 70 tahun. Saya kira sampailah masanya kementerian menyalurkan sedikit bantuan kepada peringkat daerah supaya tokoh-tokoh yang ini dapat kita tonjolkan dan menjadi idola kepada anak-anak kita yang sedang membangun seperti mereka yang ada berada di belakang ini supaya mereka berbangga dengan tokoh-tokoh tempatan.

Di Jasin banyak tokoh-tokoh. Ada namanya Mad Dabal, Hassan Bulan, ada tokoh-tokoh tertentu kerana Jasin bukan 'koman'. Hari ini di dalam Dewan yang mulia ini enam orang Ahli Parlimen berasal dari Jasin. Yang melebamkan mata Timbalan Perdana Menteri pun orang Jasin, yang dikehendaki di Indonesia yang mengebom itu pun anak Jasin. Itu bukan maksud saya tetapi orang-orang yang sanggup berjuang,

dalam darurat, orang-orang yang menyertai Congo dahulu, panji-panji Bangsa-Bangsa Bersatu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Soalannya ialah setuju atau tidak ataupun bolehkah kementerian menyalurkan sedikit peruntukan untuk kita mengetengahkan tokoh-tokoh tempatan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat dari Jasin terhadap keprihatinan sumbangan tokoh-tokoh daerah tempatan, daerah kampung dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, JKKK merupakan kerajaan aras ke empat. Boleh dikatakanlah merupakan kerajaan aras ke empat dan tugas-tugas mereka ialah untuk menjaga penghidupan penduduk kampung. Pada umumnya tugas JKKK juga adalah untuk menjaga keselamatan kampung dan juga membantu membangunkannya.

Penulisan sejarah tokoh dan pemimpin negara, daerah dan tempatan biasanya bukan bidang tugas JKKK. Oleh yang demikian, JKKK jarang sekali melibatkan diri dalam penulisan sedemikian yang memerlukan pengkhususan yang khas. Tugas ini boleh diambil oleh Persatuan Sejarah Peringkat Kebangsaan atau peringkat negeri. Kementerian saya ada menyalurkan peruntukan kepada persatuan-persatuan yang saya nyatakan tadi. Sekian, terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menumpang soalan Jasin. Saya memang setuju bahawa penulisan sejarah tokoh dan pimpinan negara itu adalah perkara yang penting tetapi saya ingin bertanya yang saya rasa pelik. Di lobi Parlimen, potret bekas-bekas Perdana Menteri yang saya dapat lihat Tunku Abdul Rahman memegang jawatan dari 31 Ogos 1957 hinggalah 24 November 1970. Allahyarham Tun Abdul Razak memegang jawatan dari 22 September 1970 sehinggalah 14 Januari 1976. Soalannya kenapa pula mengikut potret itu dalam tarikh yang sama 62 hari yang sama itu kita mempunyai dua orang Perdana Menteri. Adakah ini bercanggah *Federal Constitution* – Perlembagaan Persekutuan ataupun itu satu fakta sejarah yang salah yang perlu diperbetulkan. Kalau tidak percaya tengoklah di luar 62 hari yang saya rasa pelik dua orang Perdana Menteri di mana ketika itu saya hanya berumur 2 tahun. Saya tidak tahu, ini kejahilan saya. Saya minta bagi satu fakta yang betul. Apa yang betul. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat dari Ayer Hitam telah yang begitu prihatin terhadap sejarah negara dan juga mereka meneliti dengan mikroskop. Beliau adalah seorang jurutera. Kalau ada apa-apa kesilapan saya akan rujuk kepada Arkib Negara di bawah bidang tugas kementerian saya dan akan membetulkan kesilapan ini. Sekian, terima kasih.

3. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan;

- (a) bilakah Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya akan diasingkan kepada IPD Utara dan IPD Selatan; dan
- (b) ketua-ketua daerah masing-masing akan dilantik dan bilangan anggota yang akan ditempatkan serta berapakah jumlah bahagian yang terlibat sama ada bangunan baru untuk IPD Petaling Jaya Selatan akan dibina dan berapakah kosnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang di atas soalan yang dikemukakan pada hari ini. Bagi menjawab soalan;

- (a) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Serdang iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya secara pentadbirannya telah pun diasingkan kepada dua *sub-district* iaitu Petaling Jaya Utara dan Petaling Jaya Selatan mulai pada 15 Mac 2003 yang lalu.

Cadangan untuk memecahkan Ibu Pejabat Daerah Polis Petaling Jaya ini kepada dua daerah yang berasingan iaitu IPD Utara dan IPD Selatan sedang dalam tindakan PDRM dan akan dikemukakan kepada kementerian dalam masa yang terdekat ini.

- (b) Pelantikan Ketua-ketua Polis Daerah bagi kedua-dua *sub-district* tersebut telah pun dilaksanakan pada 15 Mac 2003. Ibu Pejabat Polis Petaling Jaya Utara adalah diketuai oleh Ketua Polis Daerah Berpangkat *Senior Assistant Commissioner II* dan Ibu Pejabat Polis Petaling Jaya Selatan pula diketuai oleh Timbalan Ketua Polis Daerah berpangkat *Assistant Commissioner of Police*.

Bilangan anggota bagi Ibu Pejabat Polis Petaling Jaya Utara adalah seramai 1,809 orang sementara bagi Ibu Pejabat Polis Petaling Jaya Selatan pula adalah seramai 1,495 orang. Pentadbiran kedua-dua Ibu Pejabat ini mempunyai enam bahagian iaitu Pengurusan, Siasatan Jenayah, Cawangan Khas, Narkotik, Logistik dan Trafik.

Kementerian ini mempunyai cadangan untuk membina kompleks pentadbiran yang berasingan bagi Ibu Pejabat Polis Petaling Jaya Selatan dengan anggaran kos sebanyak RM70 juta dan cadangan ini akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kawasan Petaling Jaya merupakan satu kawasan paling padat di Lembah Klang. Oleh kerana itu kes jenayah pun banyak. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, nisbah polis dengan penduduk di Petaling Jaya Selatan dan Petaling Jaya Utara dan cara mana untuk menambah dan menyesuaikan nisbah antara polis dengan penduduk di kawasan ini.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian tidak menafikan bahawa nisbah bagi penduduk dan anggota polis bagi Petaling Jaya Utara dan Petaling Jaya Selatan memang tinggi jika dibandingkan dengan ibu negeri-ibu negeri di dalam negara kita. Seperti di Kuala Lumpur nisbahnya, satu anggota polis 694 orang penduduk, di Johor Baharu 1 anggota polis 1,014 orang penduduk, di Ipoh 1 anggota polis 1,056 orang penduduk, di George Town 1 anggota polis 426 orang penduduk dan di Shah Alam 1 anggota polis 700 orang penduduk, di Klang 1 anggota polis 887 orang penduduk tetapi bagi Petaling Jaya Utara nisbahnya begitu ketara sekali di mana 1 anggota polis 1,161 orang penduduk. Bagi Petaling Jaya Selatan 1 anggota polis 1,713 orang penduduk.

Dalam mengatasi masalah ini itulah sebabnya di mana Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling dipecahkan kepada dua kawasan. Apabila kita pecahkan kepada dua kawasan maka kementerian ataupun pihak polis akan mempunyai penumpuan untuk membuat perancangan dan untuk memastikan supaya pentadbiran lebih berkesan. Dalam keadaan ini kita akan membuat perancangan yang terperinci untuk

mengurangkan nisbah yang terlalu tinggi jika dibandingkan dengan nisbah di ibu negeri-ibu negeri Malaysia kita seperti mana yang telah saya nyatakan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai betulkah ada soalan tambahan, ini Petaling Jaya punya. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bersimpati dengan penduduk di Petaling Jaya Selatan dan Utara dan masalah ini saya fahami dan pihak pasukan polis menghadapi masalah yang sama begitu juga di Jerai, Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya sama kerana satu ketika dahulu kerajaan menswastakan sebidang tanah yang besar di Sungai Petani untuk *cross* subsidi dan syarikat Nice Saga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat terkeluarlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak keluar, dia IPD juga, IPD, IPD, ini keselamatan. Setelah diberi developer telah develop kawasan itu sudah 100% siap dengan keputusannya ambil tanah ini dan dibina 3 buah IPD, ha ini IPD Tuan Yang di-Pertua. Satu IPD Sungai Petani, IPD Pendang dan IPD Yan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ini soalan spesifik. Kerajaan boleh pilih tidak mahu jawab tau.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak pa, tak pa tetapi saya hendak beritahu. Kalau tidak boleh jawab secara lisan jawab secara bertulis kepada saya. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pihak jabatan ataupun Kementerian Dalam Negeri kena mengkaji balik setelah projek *cross* subsidi ini dibuat di mana IPD Yan dan IPD Pendang? Tidak siap hingga hari ini dan IPD Sungai Petani rumah dia macam Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pergi, macam kandang kambing yang kita hendak bubuh pasukan polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk keselamatan Tuan Yang di-Pertua dan untuk kita semua ini. Kita kena memastikan bahawa projek-projek penswastaan yang diberi oleh pihak Kementerian Dalam Negeri ikut peraturannya. Sekarang saya minta pihak kementerian supaya cari balik Taman Lagenda, di Sungai Petani sudah siap di mana IPD Yan di mana IPD Pendang. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat boleh jawab, jawab tak boleh bertulis mai kat saya.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri juga begitu resah sebagaimana keresahan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Jerai tadi. Dalam konteks kes ini Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa ada masalah dalam penswastan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Jerai ini. Jadi ada masalah-masalah teknikal yang mana pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sedang mengkaji berkaitan dengan kes ini.

**4. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan prestasi Tribunal Tuntutan Pengguna dan implikasi keputusan boleh dikaji semula oleh Mahkamah Tinggi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat bagi Dungun yang bertarikh 14 Oktober 2004 kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, prestasi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia amatlah menggalakkan. Sejak ditubuhkan pada 15 November 1999, peningkatan bilangan tuntutan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Tuntutan</b>
2000	291
2001	1,155
2002	2,649
2003	4,150
2004 (sejak 1 Okt.)	3,836

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 116 Akta Perlindungan Pengguna 1999 ataupun Akta 599 setiap *award* tribunal adalah muktamad. Ini dengan sendirinya menjadi sekatan kepada keputusan tribunal disoal di peringkat Mahkamah Tinggi. Namun demikian, mengikut undang-undang pentadbiran ataupun *administrative law*, khususnya yang melalui *relieve* secara semakan kehakiman Mahkamah Tinggi boleh menimbang semula keputusan tribunal. Akan tetapi kajian semula itu seharusnya terhad kepada persoalan prosedur dan bidang kuasa. Dasar Akta Perlindungan Pengguna 1999, adalah keputusan Tribunal dibuat berpandukan fakta-fakta yang

terlibat dalam sesuatu transaksi antara pengguna dan peniaga. Mengikut undang-undang mantap (*settle law*), perkara-perkara berkaitan dengan pertikaian fakta seperti diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999, tidak akan dipersoalkan oleh Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dapat diperolehi dengan bayaran atau fi pemfailan yang murah iaitu RM5 sahaja. Bagi pihak-pihak yang membawa kes-kes tribunal seterusnya ke Mahkamah Tinggi, ianya akan melibatkan perbelanjaan yang lebih tinggi. Memandangkan nilai tuntutan yang difailkan di tribunal adalah kecil ianya memang tidak kos efektif untuk pengguna dan peniaga mempertikaikan *award* di tribunal ke Mahkamah Tinggi, sekian terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walau pun keputusan tribunal adalah suatu keputusan muktamad, tetapi apabila pihak defendan yang mampu mencabar membawa kes-kes ini ke Mahkamah Tinggi tetapi pihak pengguna tidak mampu membela kes-kes yang dibawa. Jadi adakah kerajaan atau tribunal yang membuat *reward* atau membuat keputusan itu bersedia dan boleh mewakili pengguna-pengguna apabila kes-kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi kemudian?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, keputusan tribunal memang sudah muktamad, cuma Mahkamah Tinggi boleh menimbang semula keputusan tribunal tentang prosedur dan bidang kuasa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes-kes yang rujuk kepada Mahkamah Tinggi memang bilangannya yang cukup kecil. Kementerian melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia memang melihat perkara ini dan kita cuba mengadakan cara-cara untuk kita membuat keputusan ini supaya Mahkamah Tinggi dapat bersetuju dengan apa yang diputuskan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya rasa setakat ini kebanyakan kes yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia 100 kes misalnya. Sebenarnya apabila failkan tuntutan ini 40% selesai selepas peniaga dapat notis untuk mengadakan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, memang 40% selesai secara automatik. Bererti peniaga akan terus bayar pampasan itu kepada pengadu dan 20% selepas kita mengadakan perundingan dapat juga kita selesaikan cuma 40% untuk pendengaran.

Jadi saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kementerian sentiasa melihat perkara ini dan mudah-mudahan dengan adanya langkah-langkah yang diambil kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Tinggi dapat dikurangkan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bentong.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen yang telah dapat menjelaskan keadaan sebenarnya masalah keputusan tribunal dikaji semula oleh Mahkamah Tinggi. Ini satu soalan pokok, satu perkara yang amat penting dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk mengembalikan keyakinan pengguna terhadap Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia ini. Adakah kementerian akan mengadakan lebih banyak seminar ataupun taklimat di seluruh pelosok negara berhubung dengan tuntutan pengguna dan fungsi-fungsi tribunal ini untuk mengembalikan keyakinan dan juga memberitahu pengguna kita tentang pentingnya tribunal ini dan perjalanan tribunal ini? Saya yakin melalui seminar-seminar yang dianjurkan oleh kementerian ia dapat memberi bantuan untuk menyebarkan maklumat yang sebenarnya dan bukan dipesongkan oleh sesetengah pihak.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Tuan Yang di-Pertua, satu, dua kes yang dirujuk kepada Mahkamah Tinggi tidak menjejaskan keyakinan para pengguna kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Seperti yang saya sebutkan tadi tiap-tiap tahun memang ada peningkatan kes tuntutan yang dibawa kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Misalnya tahun 2003 pun 4,000 lebih kes yang melibatkan nilai *award* RM5 juta. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat supaya mengadakan banyak lagi seminar atau pun bengkel untuk menerangkan tentang peranan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan saya percaya di bawah Seksyen 116, Akta Perlindungan Pengguna Malaysia 1999, dapat kita melindungi para pengguna di Malaysia ini. Jadi saya sendiri sebenarnya telah pun menjalankan banyak seminar di seluruh Malaysia. Saya sendiri telah pun hadir di beberapa buah negeri supaya kita sama-sama mengadakan kesedaran di kalangan masyarakat supaya lebih memahami tentang apakah peranan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, sekian terima kasih.

5. **Datuk Abdul Rahim Bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah Institusi Bretton Woods (World Bank dan IMF) memiliki autoriti pengaruh dalam pembentukan polisi makro-ekonomi Malaysia khususnya berkaitan dasar penswastaaan, kewangan, liberalisasi dan deregularisasi perdagangan. Jika ya, apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan institusi ini tidak menekan kita untuk melaksanakan dasar yang bercanggah dengan kepentingan nasional.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat, bahawa pembentukan polisi makro-ekonomi negara Malaysia terutamanya dasar penswastaaan, dasar kewangan, regularisasi dan deregularisasi perdagangan adalah digubal tanpa dipengaruhi oleh pihak luar termasuk IMF atau Bank Dunia. Dasar-dasar tersebut digubal berdasarkan keperluan pembangunan negara. Di samping mengambil kira kebolehlaksanaannya dalam konteks tahap pembangunan, cabaran luar dan dalaman dan juga aspirasi masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Selain dari itu, kerajaan juga mengambil iktibar *with best practices* dengan izin, di dunia dan pengalaman dan di negara lain supaya manfaat yang maksimum diperoleh. Ini jelas terutama sekali semasa Malaysia dilanda krisis kewangan.

Negara telah memperkenalkan langkah-langkah tertentu dan kurang dipersetujui oleh kedua-dua institusi. Malaysia bernasib baik kerana adanya sumber-sumber kewangan dalaman, negara tidak perlu bergantung kepada IMF dan Bank Dunia untuk diselamatkan. Justeru tidak tertakluk kepada syarat-syarat Bank Dunia dan IMF seperti mana kebanyakan negara-negara lain yang menghadapi krisis dan terpaksa meminjam daripada kedua-dua institusi berkenaan. Dari itu adalah mustahak bagi Malaysia menguruskan ekonominya dengan bijaksana bagi mengelakkan negara terpaksa berhutang kepada Bank Dunia dan IMF untuk memulih dan membangunkan ekonomi yang mana dalam proses akan tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat dan menekan.

Sungguhpun begitu sebagai ahli Bank Dunia dan IMF semenjak tahun 1998, Malaysia terus berinteraksi dengan kedua-dua institusi berkenaan. Ini adalah penting bagi memastikan Malaysia turut mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan, perubahan struktur dan fokus kedua-dua institusi ini untuk Memelihara kepentingan negara kita.

Di Samping itu, melalui konteks globalisasi Malaysia sebagai sebuah negara yang terbuka ekonominya perlu memantau dasar dan strategi negara-negara lain

khususnya negara maju kerana ianya mempunyai impak ke atas kita dan negara kita juga perlu menggubal dasar strategi bagi memastikan ekonomi negara sentiasa kukuh dan berdaya saing.

**Datuk Abdul Rahim Bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah setakat ini berapakah jumlah pinjaman luar negara, negara kita Malaysia yang diperolehi melalui kedua-dua institusi ini dan semenjak krisis 1997 sehingga sekarang adakah Malaysia menerima saranan-saranan IMF dan World Bank khususnya pengwujudan *free market forces system* di Malaysia yang nyata bercanggah dengan amalan *affirmative action policy* iaitu Dasar Ekonomi Baru kita?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak Merdeka tahun 1958 dahulu, Malaysia pernah meminjam sebanyak USD3 bilion untuk projek-projek pertanian, perindustrian, pendidikan, tenaga dan bekalan air, jalan dan infrastruktur. Sebanyak 100 projek semuanya telah dibiayai dengan pinjaman tersebut. Tetapi sejak kebelakangan ini Malaysia tidak lagi meminjam secara aktif daripada Bank Dunia semenjak 1993 dan terus berhenti meminjam sejak selepas 1999, bermakna tidak ada lagi pinjaman daripada Bank Dunia ataupun IMF maka kita tidak tertakluk kepada mana-mana dasar yang ditentukan IMF dan Bank Dunia.

**Datuk James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dalam tahun 1970an dan 1980an banyak kajian telah pun dijalankan dan dilaksanakan oleh Institusi Bretton Woods ini seperti World Bank dan IMF di negara kita di dalam sektor-sektor tertentu termasuk sektor pengurusan perhutanan dan juga sektor pertanian. Adakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sekarang dan kaedah-kaedah yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan ini mengikut *recommendation* ataupun syor-syor yang diberikan oleh Bank Dunia ini dan IMF?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebagai ahli kepada Bank Dunia dan IMF bermakna segala dasar juga Malaysia mengambil bahagian dalam menentukan dasar-dasar yang telah dibuat oleh IMF dan juga Bank Dunia, maka sedikit sebanyak apa yang telah dijalankan oleh Bank Dunia dan IMF juga telah diikuti oleh Malaysia. Pada masa itu memang Malaysia juga meminjam kepada IMF, tetapi sekarang ini seperti saya sebut tadi bahawa kita telah pun tidak lagi meminjam maka kita tidak lagi perlu mengikut 100% apa yang disarankan oleh IMF dan juga Bank Dunia Tuan Yang di-Pertua.

6. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah yang menyebabkan harga besi kian meningkat di negara ini. Adakah langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, produk *steel bar* dan *billet* adalah merupakan barangan kawalan yang dikawal di bawah Akta Kawalan Bekalan 1991. Pada 15 April 2004 Kerajaan Malaysia telah meluluskan kenaikan harga siling *billet* sebanyak RM419 satu tan metrik. Dan harga siling runcit, *steel bar* sebanyak RM356 satu tan metrik.

Kos pengeluaran *steel bar* adalah bergantung kepada elemen-elemen kos bahan mentah seperti besi lusuh (*scrap iron*), kos buruh, kos elektrik, kos air dan bahan bakar seperti diesel dan petrol, kos perkilangan, kos pengedaran dan margin pengedar. 68% dari bekalan besi lusuh adalah diimport dari negara-negara luar seperti Jepun, Korea, Rusia dan Amerika Syarikat. Oleh itu sebarang perubahan permintaan besi lusuh di peringkat antarabangsa akan mempengaruhi kos pengeluaran dan harga *steel bars* domestik, misalnya dalam awal tahun 2004, harga besi lusuh di pasaran dunia telah meningkat kepada RM988 se tan metrik ataupun USD260.

Kenaikan ini adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi oleh negara-negara seperti Turki dan Republik Rakyat China dan langkah Kerajaan Amerika Syarikat untuk mengurangkan eksport besi lusuh, penurunan nilai US Dollar berbanding dengan nilai mata wang EURO, kenaikan kos pengangkutan dan penggunaan besi lusuh dalam negeri yang meningkat di Ukraine dan Rusia yang selama ini mengeksport besi lusuh dengan kuantiti yang besar di pasaran dunia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan pihak industri besi keluli untuk membincangkan isu bekalan *steel bars* di pasaran tempatan. Dalam mesyuarat tersebut, para pengilang mengesahkan bahawa bekalan *steel bars* dan *billet* dalam pasaran tempatan adalah mencukupi dan pengeluaran *steel bars* masih kekal di paras normal.

Bagi memastikan bekalan *steel bars* di dalam pasaran adalah mencukupi, kerajaan telah pun mengambil langkah iaitu mengeluarkan arahan melarang eksport *steel bars* sehingga akhir tahun 2004. Sebagai langkah untuk menentukan aliran pengedaran *steel bars* adalah teratur dan bekalan *steel bars* sampai kepada pihak-pihak yang memerlukannya, maka kementerian telah menguatkuasakan peruntukan di bawah Seksyen 8(1) iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan mengarahkan pihak pengeluar supaya mulai 1 Jun 2004 mengemukakan maklumat-maklumat berhubung dengan jadual pengeluaran, penyata bulanan pelan perancangan pengedaran ataupun (*pre plan delivery*) dan harga jualan *steel bars* kepada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, mungkin menyedari bahawa sejak lebih kurang dua atau tiga bulan yang lalu ramai kontraktor industri pembinaan mengeluh sebab mereka mengalami kerugian di mana kontrak yang mereka perolehi pada ketika itu, tiba-tiba harga besi meningkat, harga paku, zink dan sebagainya, simen pun meningkat. Sementara kontrak mereka tidak boleh *direview* sebab itu telah ditandatangani.

Apakah langkah-langkah yang wajar sebab kenaikan harga besi ini berlaku di seluruh dunia di mana di Thailand kalau kita lihat, dia punya tiang atau apa sahaja besi di dalam bandar termasuk jambatan kena potong, tiang lampu (*traffic light*) pun kena potong, besinya kena ambil sebab harga besi begitu meningkat tinggi. Kalau fenomena ini berlaku di negara kita, apa akan terjadi, apakah langkah-langkah kawalan daripada kementerian untuk memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku, sebab kalau harga besi sudah meningkat naik, silap-silap kita punya pagar pun dipotong orang dan dijual besinya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Menyampuk*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Bagaimana cara kementerian dan kerajaan mengawal keadaan ini. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Perkara yang kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang macam mana kita hendak jaga supaya pintu besi ataupun sebagainya tidak dicuri atau hilang begitu sahaja kerana kenaikan harga besi. Jadi, kementerian akan bersama-sama dengan agensi-agensi yang lain khususnya PDRM dan sebagainya untuk memastikan supaya perkara ini tidak berlaku.

Mengenai masalah kontraktor ini, saya fikir maksud Yang Berhormat tentang kontraktor ini, mungkin kontraktor yang mengambil kontrak ataupun kerja daripada kerajaan. Kementerian dan juga kerajaan memang sedar tentang masalah mereka ini. Berhubung dengan kesan kenaikan harga besi kepada kontraktor binaan, sebenarnya kerajaan telah pun memastikan, misalnya Kementerian Kerja Raya. Saya dimaklumkan bahawa bagi kontrak-kontrak projek pembinaan kerajaan memang menggunakan borang Jabatan Kerja Raya, iaitu mempunyai peruntukan *variation of price (VOP)* untuk menangani perubahan harga bahan-bahan binaan.

Oleh itu pihak kontraktor boleh memohon supaya pihak kerajaan membuat bayaran pampasan mengikut kenaikan kos projek yang disebabkan oleh kenaikan harga besi keluli ataupun bahan-bahan binaan di pasaran dalam negeri. Saya rasa dengan adanya cara-cara seperti ini, dapat sedikit sebanyak membantu pihak kontraktor untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 70-an apabila Malayawata di Prai dibina, bahan mentah untuk mengilang besi keluli ialah *iron ore* dari Kedah khususnya Gurun, arang kayu getah pun dari Kedah dan juga *limestone* dari Perak, tetapi pada masa sekarang mereka telah membatalkan bahan-bahan ini dan mula menggunakan besi lusuh untuk membuat besi keluli.

Adakah kerajaan akan memberi insentif dan menggalakkan pekilang-pekilang supaya menggunakan balik bahan-bahan mentah seperti yang saya sebutkan tadi untuk mengilang besi keluli demi untuk menggalakkan dan memberangsangkan kegiatan ekonomi lain seperti *iron ore*, arang kayu getah dan juga *limestone*.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Apa yang saya tahu, bahan untuk mengeluarkan besi keluli ialah *scrap iron*, tetapi cadangan-cadangan untuk mengadakan bahan yang lain untuk digantikan supaya kita dapat membantu industri tempatan ini, saya kena bincang balik dengan agensi-agensi yang lain sama ada ia lebih membawa keuntungan ataupun memberi faedah kepada industri-industri sampingan ataupun untuk membantu peniaga-peniaga di negara kita.

Cadangan ini saya akan ambil kira dan kita akan bincangkan dalam kementerian. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab menteri akan mencadangkan kenderaan yang masuk ke kawasan bandar dikenakan bayaran “area pricing” sedangkan infrastruktur pengangkutan masih belum bersepadu. Apakah langkah tersebut adil kepada pengguna-pengguna jalan dan dapat mengatasi kesesakan lalu lintas.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan “area pricing” pada masa ini kerana sistem pengangkutan awam masih lagi kurang memuaskan dari segi kualiti perkhidmatan walaupun sudah ada operasi LRT, KTM Komuter dan Monorail, Laluan Corridor dan rangkaiannya adalah masih terhad dan belum memenuhi ekspektasi pelanggan dan juga banyak kawasan perumahan belum dihubungkan dengan perkhidmatan sistem pengangkutan awam.

Pada masa ini kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam melalui proses integrasi dan penyusunan semula pengangkutan awam. Dalam usaha penyusunan semula ini, keutamaan akan diberikan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat-pusat bandar utama. Ke arah ini kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pengangkutan Bandar (LPB) yang akan berfungsi sebagai agensi tunggal untuk merancang dan melaksanakan dasar, menyelidik, mengawal selia, mengeluarkan lesen dan menguatkuasakan sistem pengangkutan bandar.

Pelaksanaan ini, di peringkat awal akan ditumpukan kepada Lembah Klang melalui penubuhan *Klang Valley Urban Transport Authority (KVUTA)* bagi memenuhi keperluan pengangkutan awam yang semakin mendesak di Bandaraya Kuala Lumpur dan di kawasan-kawasan di sekitarnya yang meliputi Lembah Klang. Fungsi LPB akan diperluaskan di kawasan bandar-bandar utama lain secara berperingkat-peringkat. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya apabila saya membangkitkan soalan ini adalah kerana memang ada Menteri Pengangkutan pernah mengatakan, mengkaji kemungkinan mengadakan sistem “area pricing”. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana pada masa ini kita akan melaksanakan bayaran “area pricing” ini.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan pihak kementerian agar dapat mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan bandar, kerana masalah kesesakan ini secara langsung atau tidak langsung akan menurunkan kualiti kehidupan dan juga melemahkan produktiviti ekonomi negara. Oleh itu, buat Perancangan Tempoh Jangka Pendek, apakah pihak kementerian boleh mengkaji agar dapat mengkaji kemungkinan mengadakan pengangkutan awam yang lain seperti pembinaan LRT dan Monorail di kawasan perbandaran seperti Subang Jaya dan Petaling Jaya, kerana ini adalah salah satu cara untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.

Di samping itu dapat juga menambahkan lagi tempat meletak kereta bertingkat, mengadakan *feeder bus* dari stesen LRT dan juga menggalakkan adanya pengusaha-pengusaha pengangkutan awam ke kawasan-kawasan perumahan di dalam kawasan perbandaran khususnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat di atas beberapa pandangan itu dan apa yang telah diperkatakan oleh saya tadi, bahawa banyak lagi dari segi kelemahan-kelemahan kita untuk menyusun dan mengatur strategi untuk melicinkan dari segi perhubungan, dari segi menggunakan kemudahan-kemudahan awam ini bukan sahaja di dalam Bandaraya Kuala Lumpur atau di Klang Valley ini bahkan di kawasan-kawasan yang bersekitaran dengan Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Kerajaan akan sentiasa memantau keadaan ini dan kementerian juga amat memandang berat tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita dari segi, iaitu yang mana kita mengutamakan kalau seboleh-bolehnya masyarakat kita pada masa-masa hadapan akan merasakan selesa untuk menggunakan kemudahan-kemudahan awam ini. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, walaupun tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa kerajaan ataupun kementerian tidak bercadang untuk mengenakan "*area pricing*" di negara kita ini, mungkin pada masa-masa yang akan datang. Tetapi nampak negara-negara jiran kita telah pun melakukannya.

Sebagai contoh, di Bandaraya Jakarta umpamanya telah pun menjadi negara yang terbaru saya rasa. Begitu pun apakah kementerian bercadang untuk mengurangkan kesesakan ini kerana terlalu banyak mereka yang memiliki kenderaan

yang berlebihan. Sama ada kementerian bercadang untuk menaikkan lagi cukai jalan supaya kita mengurangkan pembelian kereta yang berlebihan ataupun supaya kementerian melihat terlalu banyak, sesetengahnya memiliki kenderaan-kenderaan yang berlebihan. Adakah kementerian bercadang untuk menaikkan lagi cukai jalan supaya tidak terlalu banyak individu yang memiliki kenderaan bagi mengurangkan lagi kesesakan di bandar-bandar utama. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan tidak hendak membebankan rakyat dari segi menerusi cukai untuk menghalang pengguna-pengguna jalan raya kita atau jalan-jalan di dalam kawasan bandar ini. Kemungkinan tanggungjawab kerajaan itu adalah memastikan atau memberi satu kesedaran kepada masyarakat kita tidak menggunakan kenderaan dengan sewenang-wenangnya terutama pada waktu-waktu yang mana keadaan lalu lintas di jalan raya kita itu dalam waktu yang amat mendesak ataupun di masa atau waktu masuk pejabat dan keluar pejabat.

Saya rasa ini satu perkara yang perlu kerajaan mengkaji apakah cara-cara yang terbaik untuk menyedarkan pengguna-pengguna ini supaya tidak sewenang-wenangnya menggunakan kenderaan kerana kadang kala kita melihat dalam sesuatu keluarga itu ada tiga, empat buah kereta, boleh dikatakan keluarganya menggunakan sepenuh masa ketiga-tiga atau keempat-empat kenderaan ini, kemungkinan di masa-masa hadapan kita dapat menghadkan penggunaan kenderaan ini di waktu-waktu yang tertentu. Terima kasih.

8. **Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan tahap pencapaian yang telah diperolehi oleh Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB) melalui program-program untuk memajukan industri hiliran yang berasaskan kelapa sawit.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong]** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah dan sedang menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk industri hiliran berasaskan sawit dengan penumpuan kepada penghasilan produk dan teknologi baru sama ada untuk tujuan makanan dan bukan makanan.

Di antara produk-produk makanan yang dihasilkan dan telah dikomersialkan termasuklah minyak sawit merah, marjerin tanpa *trans*, formulasi minyak *Smart*

*Balance*, formulasi minyak SAFAR (*Specialty Animal Fats Replacer*) yang dapat menggantikan lemak binatang dalam sosej dan sebagainya. MPOB juga sedang berusaha untuk mengeluarkan formulasi minyak berasaskan sawit yang sesuai untuk negara beriklim sejuk. Teknologi mengekstrak Vitamin E daripada *Palm Fatty Acid Distillate* (PFAD) juga telah berjaya dikomersialkan.

Untuk produk-produk hiliran bukan makanan pula, penyelidikan banyak tertumpu pada penyelidikan berasaskan oleokimia sawit. MPOB telah membantu banyak syarikat terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS) mengkomersialkan produk-produk seperti sabun, produk kosmetik dan penjagaan diri, dakwat cetak dan poliuretena. MPOB sedang menggalakkan syarikat-syarikat memasuki industri pengeluaran *alpha sulphonated methyl ester* daripada sawit untuk kegunaan detergen yang mempunyai potensi.

Daripada R&D yang telah selesai dan telah dinilai dengan teliti, sebanyak 209 teknologi/produk/proses telah ditawarkan kepada pihak industri dan usahawan bagi tujuan pengkomersialan. Sehingga kini hampir 30% telah berjaya dikomersialkan. Terima kasih.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, hanya 30% sahaja daripada 209 produk yang ditawarkan. Apakah pihak kementerian dari segi usaha-usaha yang diambil untuk hendak menggalakkan lebih banyak lagi penyertaan khususnya di kalangan bumiputera untuk menyertai industri hiliran ini, khasnya dari segi kementerian berusaha ataupun tidak dalam hendak membantu pembiayaan (*financing*) untuk pengusaha-pengusaha bumiputera supaya mereka terlibat di dalam industri hiliran ini. Terima kasih.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya 30% kejayaan adalah satu angka yang boleh dikatakan bukan yang rendah sebab dalam tiap-tiap topik yang kita komersialkan tidak seharusnya kita mendapat kejayaan.

Berkenaan dengan bantuan kepada pengusaha-pengusaha khasnya bumiputera MPOB ada satu *website* di mana kita mempamerkan semua hasil R&D yang kita ada di mana semua pengusaha boleh mendapatkan maklumat. Kita mengeluarkan MPOB *Information Series* atau *Technology Transfer Bulletin* supaya pengusaha yang berminat boleh mendapat maklumat dan selepas itu boleh berbincang dengan MPOB. Dari segi kewangan hingga masa kini MPOB tidak mempunyai

kemampuan untuk membantu *business* atau pengusaha yang berminat dalam bidang ini.

Selain daripada itu, pada bulan Julai setiap tahun kita adakan satu 'Bulan *Technology Transfer*' di mana kita mengalu-alukan mana-mana pengusaha yang datang ke MPOB di mana kita ada pameran dan kita juga ada pegawai-pegawai MPOB yang akan berbincang dengan mereka yang berminat untuk mengkomersialkan perusahaan mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa untuk pertanyaan Jawab Lisan telah cukup.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005**

*DAN*

### **USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Ketiga]***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Maksud B.13 [Jadual] -  
Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2005] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang kita sampai ke Kementerian Luar Negeri, Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

**11.07 pagi**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk membahaskan di bawah Kepala B.13 dan Butiran 030100 - Pertubuhan Serantau yang melibatkan kerjasama ASEAN dan Butiran 04000 - Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan.

Tuan Pengerusi, Malaysia sebagai sebuah negara yang hari ini diberikan mandat sebagai Pengerusi NAM dan juga Pengerusi OIC, adalah diharapkan melalui ini kementerian ini supaya dapat memainkan peranan untuk mendefinisikan semula istilah keganasan yang digunakan sepenuhnya oleh pihak Barat untuk melabelkan negara-negara khususnya Asia Tenggara dan terutamanya umat Islam, untuk mereka mengambil kesempatan melabelkan negara kita dan umat Islam sebagai pengganas yang mereka akan perangi.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh, kita tidak boleh lari daripada peristiwa pasca 11 September yang Amerika Syarikat telah menggunakan kesempatan terbaik ini untuk mereka mengambil tempat dan menempatkan pangkalan-pangkalan tentera mereka dan yang paling akhir ialah minat mereka yang sangat ketara untuk mewujudkan pangkalan tentera khususnya di perairan Selat Melaka.

Tuan Pengerusi, dalam kerjasama ASEAN ini, sebagai contoh, kita dikejutkan dengan beberapa peristiwa seperti letupan bom di Bali, dan juga letupan bom di Hotel Marriott di Jakarta. Sampai ke hari ini kita mendapati bahawa tidak ada bukti kukuh yang boleh dijadikan sebagai satu sandaran yang konkrit terhadap penglibatan dan pelabelan umat Islam sebagai pengganas. Kita mesti menyedari bahawa peranan CIA yang telah meletakkan Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang paling kurang ajar di dalam mereka memainkan dasar luar mereka. Dunia tidak boleh melupakan bagaimana campur tangan Amerika Syarikat menghuru-harakan Nicaragua, Haiti dan Negara-Negara Teluk dan yang paling akhir yang menjadi mangsa ialah negara Iraq - negara umat Islam.

Profesor *John Esfotito* dalam buku terbarunya yang menyebut, yang bertajuk "*Painting Islam as the New Enemy*" ini memperjelaskan dan membongkar banyak perkara. Yang pertama, sebagai contoh yang paling konkrit iaitu ketidakhadirannya lebih kurang 2,000 pekerja Yahudi di Pusat Dagangan Dunia di New York pada hari kejadian dan gagalannya Amerika Syarikat untuk membuktikan mana dia yang dikatakan *weapon of mass destruction* yang sampai ke hari ini tidak dapat dibuktikan secara

nyata dan akhirnya pada hari ini Amerika Syarikat berhasrat mengundurkan tentera mereka ke Iraq dan akhirnya membiarkan negara Iraq ini dalam keadaan yang amat menyedihkan pada hari ini.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya mengharapkan supaya Malaysia dapat memainkan peranan, Malaysia dapat mendefinisikan semula istilah keganasan ini - letupan bom di Bali dan letupan bom di Hotel Marriott Jakarta. Saya cukup bimbang mereka ini tidak wujud atas nama satu rangkaian umat Islam, tetapi saya bimbang individu-individu yang bernama Hambali, individu-individu yang ditangkap yang dikatakan melakukan keganasan ini ialah mereka yang diupah oleh CIA kerana buktinya cukup kukuh. Bahan letupan yang digunakan di Pulau Bali dan jenis bahan letupan yang digunakan untuk mengebom Hotel Marriott adalah satu alat letupan ataupun jenis letupan yang tidak mungkin boleh mampu dibeli oleh individu ini yang kecanggihan alat ini hanya dimiliki oleh negara-negara besar seperti Amerika Syarikat.

Oleh itu saya mengharapkan dengan tertubuhnya apa yang dikatakan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan ini, saya mengharap negara-negara ASEAN tidak akan sekali-kali terperangkap dengan pelabelan keganasan terhadap negara-negara Asia Tenggara yang akan menghalalkan dan yang akan memberikan suatu laluan mudah untuk Amerika Syarikat memainkan peranannya dan melebar luaskan peranannya di rantau Asia Tenggara sebagaimana yang dinyatakan oleh Donald Rumsfeld baru-baru ini bahawa memang Amerika Syarikat berhasrat untuk menempatkan ketenteraannya di rantau Asia Tenggara di atas nama memerangi keganasan.

Tuan Pengerusi, sebagai Pengerusi kepada OIC dan NAM dan juga prestasi kita di dalam menerajui ASEAN, saya mengharapkan Malaysia akan mengekalkan kedudukan ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali. Inilah saya rasa prinsip yang mesti kita pertahankan, prinsip yang kita akan laksanakan dalam acuan kita sendiri, tanpa kita melibatkan diri kita dan negara-negara serantau ini di dalam kancah percaturan politik yang sedang dimainkan oleh Amerika Syarikat.

Dalam hal ini, saya juga mengharapkan supaya kita melihat dengan teliti akan peralihan kuasa yang sedang melanda rantau ini. Yang pertama, peralihan kuasa yang sedang berlaku dalam negara kita sendiri iaitu dengan pentadbiran baru Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Yang kedua, yang saya cukup bimbang ialah tentang perantikan Perdana Menteri baru Singapura, Brig. Jeneral Lee Hsien Loong. Yang pertama, perlu kita melihat bahawa latar belakang beliau seorang tentera dilatih oleh pakar-pakar ketenteraan daripada Israel dan latar belakang negara Singapura, yang ekonomi dan ketenteraannya masih berpegang teguh kepada kekuatan Amerika Syarikat.

Yang ketiga juga tentang peralihan kuasa di Indonesia kerana Presiden Indonesia yang baru, sebagaimana yang dilaporkan oleh penulis-penulis dan penganalisis antarabangsa bahawa Bambang Susilo ini juga adalah merupakan boneka kepada Amerika Syarikat yang saya juga cukup bimbang bahawa dengan perantikan dua pemimpin baru di kedua-dua buah negara ini merupakan satu faktor yang signifikan terhadap bagaimana Malaysia perlu memainkan pengaruhnya untuk mengekalkan rantau ini sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali.

Tuan Pengerusi, dalam kesempatan ini juga saya ingin menyatakan bahawa tentang beberapa perjanjian-perjanjian yang mestilah kita ambil sebagai suatu asas kepada kita membina kekuatan kita sendiri, sebagai contoh pakatan tentera lima negara mestilah kita kekalkan dengan kita mengukuhkan hubungan ketenteraan di antara kita dan juga acap kali dan untuk sekian kalinya saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bertapa perlunya Malaysia memperlengkapkan sedikit sebanyak kekuatan persenjataan supaya Singapura tidak terus bersikap angkuh dan sombong dengan memiliki beberapa peluru berpandu antara benua, memiliki kapal selam dan memiliki kereta kebal yang paling canggih di abad ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya meminta supaya rantau ini mestilah di atas nama Asian diperkukuhkan dan segala cadangan dan segala isyarat untuk memungkinkan campur tangan negara besar dunia ini tidak akan berlaku di rantau ini. Apabila kita membaca laporan UNDP yang terbaru yang mengeluarkan fakta bahawa sekali lagi negara Sweden menduduki tempat atau negara yang paling selamat didiami maka para penganalisis daripada UNDP ini memberikan satu komen antara faktor yang menjadikan Sweden ini negara yang paling selamat didiami ialah kerana faktor serantau negara-negara Scandinavia yang berjaya mewujudkan suatu negara serantau yang paling tidaknya mereka berjaya untuk menjadikan rantau ini bebas daripada campur tangan kuasa besar dunia dan penyuburan demokrasi di negara tersebut.

Oleh itu Tuan Pengerusi, saya mengharapkan dengan peranan yang diberikan dan penghormatan yang diberikan oleh dunia terhadap Malaysia sebagai pengerusi OIC dan pengerusi NAM saya mengharapkan supaya kerjasama serantau dan kerjasama dalam peringkat Asian ini akan dapat menaikkan imej negara dan Malaysia mesti berperanan untuk kita *redefine*, kita mengkaji semula dan kita mendefinisikan semula apakah sebenarnya dan siapkan sebenarnya penganas yang sedang mengancam dunia dan dirantau Asia Tenggara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kudat.

**11.18 pagi**

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk membahaskan Butiran 020100, 060200, 05000, 020300.

Tuan Pengerusi, dasar memelihara, mengukuhkan dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara-negara asing dalam pelbagai bidang seperti politik dan keselamatan, perdagangan dan pelaburan, kebudayaan dan sosial, pelancongan, pendidikan serta sains dan teknologi yang merupakan antara objektif utama Kementerian Luar Negeri adalah disokong penuh dan amat dialu-alukan.

Sesuai dengan matlamat ini adalah wajar perhatian khusus harus diberikan kepada Kementerian Luar Negeri kerana kecekapan negara mengurus dasar luar akan memberikan banyak faedah tertentu khususnya di bidang yang telah disebutkan tadi, yang sudah tentu tidak boleh dinilai dengan wang ringgit semata-mata, muhibah atau *goodwill* adalah sesuatu yang kualitatif dan memiliki *intrinsic value* yang tinggi nilainya dan memberikan keuntungan yang sukar untuk kita menafikannya.

Dasar perhubungan selatan-selatan sama ada melalui *frame work* NAM, OIC, CHOGM mahupun PBB telah memberikan banyak keuntungan kepada negara, dari segi politik perhubungan dengan Negara-negara Selatan telah memberikan kita kekuatan untuk menghadapi tekanan kuasa-kuasa besar khususnya negara yang mengamalkan *unilateralism* dalam tindakannya. Dasar ini adalah perlu kerana Malaysia secara *lateral* tidak terikat dengan mana-mana kuasa-kuasa besar, oleh sebab itu memiliki ramai rakan negara antarabangsa adalah satu pilihan yang tepat untuk mengekang tekanan kuasa-kuasa besar seperti kata pepatah bersatu kita teguh, bercerai kita runtuh atau lidi sebatang mudah dipatahkan berbanding dengan seikat segenggam lidi.

Kepercayaan masyarakat antarabangsa telah memberikan peluang kepada Malaysia untuk mengepalai NAM dan OIC adalah satu pencapaian Kementerian Luar Negeri yang wajar menerima pujian. Manakala dari segi ekonomi, dasar luar negara kita berbaik-baik dengan Negara-negara Selatan telah memberikan pasaran eksport barangan negara dan peluang pelaburan kepada syarikat-syarikat di Malaysia di luar negara, sebagai contoh Petronas telah menerima faedah yang amat lumayan daripada dasar luar kita berbaik-baik dengan Sudan, Chat, Afrika Selatan, Argentina dan banyak lagi negara-negara Afrika dan Latin Amerika. Globalisasi yang seolah-olah menjadi suatu agama baru di dunia hari ini juga telah menyebabkan Negara-negara Dunia Ketiga ditekan oleh negara-negara maju yang menggunakan polisi dan kriteria yang ditentukan oleh negara maju sama ada dalam soal alam sekitar, undang-undang pelaburan atau *investment laws, financial services, labour standard, trading rules* dan pelbagai isu-isu pembangunan yang menyukarkan negara-negara dunia ketiga.

Oleh itu dengan senario yang menekan ini, kerjasama yang berterusan di antara Negara-negara Selatan bukan sahaja *desirable* tetapi juga amat diperlukan. G-15 misalnya perlu menjadi kuat sebagai *pressure group* di dalam perundingan dengan Negara-negara Utara.

Oleh itu dengan kepentingan ini wajarlah kerajaan mengiktiraf kepentingan Kementerian Luar Negeri dan bersimpati dengan pegawai-pegawai kedutaan Malaysia di luar negara. Tidak semua pegawai-pegawai kedutaan menikmati kehidupan yang baik di luar negara, mereka terdedah dengan pelbagai ancaman seperti peperangan, penculikan, pengintipan, bencana alam seperti banjir, gempa bumi, taufan, *civil unrest*, penyakit yang berbahaya, tindak balas penduduk *host country* seperti pengeboman dan kebakaran kedutaan - dan ini telah berlaku ke atas kedutaan Thailand di Kembodia sebagai contoh, keadaan persekitaran yang tidak bersih dan tidak selamat, kemudahan yang tidak baik dan sempurna seperti kemudahan persekolahan anak-anak dan rawatan kesihatan yang masih mundur adalah antara risiko yang sering ditanggung oleh pegawai-pegawai kedutaan di luar negara.

Memang terdapat rungutan-rungutan terhadap beberapa kelemahan pengurusan dan pengendalian khususnya lawatan rasmi rombongan Malaysia ke luar negara dan ini berlaku khususnya baru-baru ini lawatan rombongan Perdana Menteri

ke negeri China sempena ulang tahun persefahaman Malaysia-Cina dan rungutan Yang Berhormat Mulia Ahli Parlimen Arau, baru-baru ini.

Namun, secara umumnya pegawai-pegawai kedutaan Malaysia di luar negara berkhidmat dengan baik khususnya di negara-negara yang mengalami kesukaran seperti di negara-negara Afrika dan Kepulauan Pasifik. Kedutaan kita adalah *frontier* atau pembuka peluang ekonomi dan perdagangan yang menguntungkan kita selama ini. Oleh itu jika kita ingin melihat pegawai-pegawai kedutaan kita boleh bekerja dengan cekap kita haruslah bersedia untuk melabur berdasarkan pengalaman saya di luar negara, kebajikan kakitangan kedutaan dan keupayaan yang dibekalkan kepada mereka adalah terbatas. Peruntukan keraian yang diberikan misalnya adalah terlalu rendah dan terbatas sedangkan keraian adalah penting di dalam kerja-kerja diplomasi, cuma yang kecil diberi itu tidak akan mampu membiayai perbelanjaan meningkatkan muhibah atau *goodwill* apa lagi melobi untuk sesuatu peluang ekonomi dan peluang perdagangan mahupun peluang pelaburan ke negara kita.

Di setengah-tengah negeri seperti di Jepun, Korea, Taiwan negara-negara Eropah, USA dan Kanada kos hidup atau *cost of living* di negara-negara ini adalah terlalu mahal, peruntukan diberi sudah tentu tidak akan mencukupi berbanding dengan pejabat perwakilan-perwakilan khususnya negara-negara asing. Walaupun dibandingkan negara-negara Asian, nampaknya Malaysia masih jauh lagi ketinggalan. Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei malah Filipina pun memiliki peruntukan yang lebih di dalam penyediaan bajet peningkatan *goodwill* ini.

Di dalam Butiran 060200, demikian juga pemberian elaun perbezaan sara hidup atau EPSH hanya setelah lebih 10 tahun perlu manfaat baru mendapat *review* bagi EPSH ini, itu pun dalam jumlah yang sedikit iaitu sekitar 10 peratus dan yang peliknya EPSH yang diberi tidak mengambil kira keperluan kenaikan indeks inflasi dan kepentingan jawatan seseorang ketua perwakilan, misalnya EPSH yang dibayar kepada ketua perwakilan hanya dua atau tiga peratus sahaja melebihi jawatan *First Secretary* sedangkan ketua perwakilan memikul banyak beban dan tanggungjawab yang berat. Pemberian *remuneration* serupa ini amat tidak berasas dan tidak pun diamalkan oleh perwakilan-perwakilan negara asing yang lain.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah mengenai pembaziran akibat ketiadaan penyelarasan di antara agensi-agensi luar negara yang melibatkan agensi-agensi bukan Kementerian Luar Negeri seperti MATRADE, *Tourism Malaysia* dan *Immigration*

*Department.* Walaupun mereka berada di satu kawasan bertugas, namun kesemua agensi-agensi ini menyewa di bangunan-bangunan yang berbeza dan ini melibatkan kos menyewa bangunan dan kelengkapan peralatan yang mahal dan membazir di luar negara tersebut.

Alangkah baiknya kesemua agensi yang bertugas di satu tempat atau bandar raya ini duduk dalam satu bumbung bangunan dengan Pejabat Kementerian Luar Negeri sebagai *leading agency*, seperti yang telah dibuktikan oleh Pejabat MIDA. Hanya MIDA lah satu-satunya agensi kerajaan yang sentiasa berada di bawah bumbung kedutaan, sedangkan agensi lain berselerak dan tidak ada usaha untuk mengintegrasikan untuk mengelakkan pembaziran.

Saya juga meminta Kementerian Luar Negeri membeli lebih banyak harta bangunan sendiri di kedutaan-kedutaan luar negara atau jika tidak mampu, maka pastikan pejabat-pejabat menyewa di bangunan yang sama. Pembelian harta ini perlu digalakkan kerana ini juga boleh menjadi satu bentuk pelaburan kepada kerajaan kita di luar negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kudat, banyak lagi?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Sikit sahaja lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, teruskan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Bagi mereka yang tinggal di negara-negara *hardship* dan berbahaya, khususnya di negara-negara yang berbahaya, maka wajarlah suatu elaun khas yang berasingan atau *hardship allowance* diberikan kepada pegawai-pegawai kedutaan Malaysia ini dan tambang balik percuma sekurang-kurangnya setahun atau dua tahun sekali sebagai menghargai jasa dan meringankan bebanan mereka di luar negara.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 050000, peruntukan ke atas Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Saya mengalu-alukan supaya usaha untuk melatih pegawai-pegawai diplomat negara adalah dibuat dengan bersungguh-sungguh, khususnya meningkatkan profesionalisme. Seseorang yang dihantar ke sesebuah negara tertentu haruslah dilatih, didedah dan diperkukuhkan pengetahuan tentang negara yang dia akan dihantar sebagai pegawai dan harus mengetahui aspek politik, ekonomi, sosial, budaya dan latihan bahasa. Diplomat-diplomat Barat misalnya

mengutamakan hanya mereka yang mengetahui bahasa di tempat bertugas mendapat keutamaan untuk *posting*.

Pegawai-pegawai diplomat tidak hanya dimahirkan dengan bahasa Inggeris dan kadang-kadang bahasa ini pun ada juga mereka yang tidak begitu mahir, tetapi juga bahasa-bahasa utama seperti bahasa Mandarin, bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa French, bahasa Jerman, Hindi dan pelbagai bahasa-bahasa lain. Penguasaan ini penting kerana ini akan memudahkan pegawai tersebut melaksanakan tugas dengan berkesan, sama ada bagi maksud perdagangan, perhubungan dengan kerajaan, NGO, media dan ada juga yang berkaitan dengannya.

Peningkatan tahap profesionalisme, kegigihan dan memiliki nilai meritokrasi yang tinggi harus dijadikan asas untuk setiap pegawai yang dihantar keluar negara. Mereka akan menjadi cermin kepada keupayaan negara. Mereka yang *top-notch* sahaja yang wajar diberikan peluang berkhidmat di luar negara, khususnya di negara-negara di mana kepentingan ekonomi Malaysia adalah tinggi.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah mengenai Butiran 020300 - Penerangan Luar Negeri. Saya dapat melihat bahawa penerangan luar negara perlu diselaraskan, khususnya di antara agensi Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pelancongan, khususnya *Tourism Malaysia*. Setiap tahun banyak atau berjuta-juta ringgit belanja yang telah dikeluarkan untuk maksud mempertingkatkan kefahaman rakyat asing terhadap Malaysia, khususnya melalui Program *Mega Familiarization Visit*, anjuran *Tourism Malaysia* tetapi program ini sewajarnya diselaraskan dengan Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, supaya kesannya akan lebih melebar, bukan sahaja bagi maksud galakan pelancongan tetapi harus dijual Malaysia .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** .....secara *total* dari segi pengetahuan, latar belakang politik, potensi perdagangan dan pelaburan, peluang pendidikan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut.

**11.29 pagi.**

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar [Larut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak menyentuh beberapa Butiran di bawah 010000 –

Kementerian Luar Negeri, 20000, 50000, 02000, 020300, 03000, 070100 dan 00300. Pertama sekali saya bersyukur kerana dapat melawat ke beberapa buah negara dalam tempoh dua bulan ini.

Pertama sekali saya hendak lihat apa kerja pembangkang di sana. Tuan Pengerusi, saya telah ke Uzbekistan menjalankan tugas negara kerana saya juga pegang bola sepak.

Saya hendak memujilah kedutaan kita, walaupun ketika saya sampai di sana, di Tashkent berlaku pengeboman di negara tersebut, yang cukup membimbangkan sehinggakan sewaktu saya berada di sana, saya juga mengambil kesempatan bertanyakan tentang keadaan keselamatan kedutaan kita, pegawai kita di sana. Memang sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan-rakan tadi tugas dan tanggungjawab kedutaan kita, pegawai-pegawai begitu besar dan begitu berisiko tinggi. Apatah lagi pada waktu ini kita menghadapi tekanan dan ancaman selepas kita dilantik sebagai Pengerusi OIC dan juga NAM.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Sudah barang tentu mereka yang tidak berpuas hati dengan kestabilan kepimpinan negara kita ini akan mengambil kesempatan menanggung di air yang keruh. Bercakap manis di sini, tetapi ibarat melakukan, "Melontar batu, sembunyi tangan". Terutama apabila mereka ada peluang berada di luar negara.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:** Saya baru masuk, baru masuk gear pertama. Yang Berhormat bagi Seputeh sudah hendak bertanyakan saya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tanya dululah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Hendak tanya, tanya elok-elok. Kalau tanya .....

**Seorang Ahli:** Bantu, Tolong.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bantu, bantu. Tolong, tolong.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Pantun?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, membantu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak beri atau tidak? Kalau .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:** Kalau perempuan, *human rights*, saya kena beri. Sebab sewaktu saya berada di CPA dan juga IPU, *human rights*, tetapi kalau ini melanggar *human rights* saya akan bantai. Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Larut. Tadi Yang Berhormat berkata tujuan Yang Berhormat pergi ke Uzbekistan adalah untuk menyiasat apakah aktiviti parti pembangkang di sana. Jadi, saya ingin tanya, apakah hasil siasatan .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat sebut betul-betul sedikit, Uzbekistan, .....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ha!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Bukan *Ubekistan*. Sebut betul-betul sedikit. Uzbekistan. Bukan *Ubekistan*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Apa sahajalah. Kami hanya hendak tahu apakah hasil siasatan. Yang Berhormat bagi Larut, apakah aktiviti parti pembangkang Malaysia di sana.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Okay. Itulah orang kata, dengarlah dahulu. Dengar dahulu apa yang hendak saya sampaikan. Tuan Pengerusi, saya seorang rakyat Malaysia yang cintakan negara kita ini, ke mana saya pergi terutama sekali kalau ada *conference*, dengan izin, pertama sekali saya hendak tengok ialah bendera Malaysia. Ada atau tidak bendera Malaysia terpacak di persidangan tersebut? Kalau tidak ada memang saya orang pertama hendak *protest*.

Memanglah bila kita berada di luar negara, kita hendak tengoklah apa kerja-kerja pembangkang ini. Kot pergi sana mengapi-apikan, kalau Yang Berhormat bagi Seputeh tidak buat, okaylah, apa Yang Berhormat bagi Seputeh hendak melenting. Itu hanya sebagai pandangan seorang rakyat yang cintakan kedamaian.

Jadi, saya hendak teruskan. Sewaktu saya berada di sana, bagaimana ketulusan mereka ini berkhidmat untuk menjaga imej negara kita terutama sekali apabila kita menjadi pemimpin dua pertubuhan yang begitu besar, iaitu pertubuhan-pertubuhan untuk menentukan hala tuju negara-negara Islam sebagaimana yang kita sering kali sebut. Maka, sebab itu saya lihat – ini di Uzbekistan saya pergi – sewaktu

keadaan keselamatan yang terancam di depan mata saya sendiri dan cukup menakutkan.

Walaupun ketika berada di sana mereka menghadapi kepayahan, kesusahan bukan sahaja di peringkat pegawai tinggi, bahkan di kalangan kakitangan, walaupun mereka ini tidak mengadu kepada saya, tetapi sebagai rakyat Malaysia kita hendak ambil tahu hal ehwal mereka yang berada di luar negara.

Sewaktu saya berada di sana, duta kita, Duta Uzbekistan, sewaktu hendak menghantar saya pulang, bukan kehendak saya, bukan kehendak beliau, di depan mata saya sendiri seorang pegawai diplomat tinggi tidak dihormati oleh kakitangan bawahan di Imigresen, Tashkent, sewaktu saya hendak pulang ke negara, ke tanah air. Ini duta, kita bayangkan, tetapi dia buat selamba sahaja.

Tetapi kalau pembangkang kena usik sudah tentu akan masuk *news paper*, mendapatkan publisiti murah. Sampai begitu, Tuan Pengerusi. Imej mereka hendak jaga negara kita ini. Maka, sebab itu saya lihat betapa kebajikan pegawai dan kakitangan kita yang berada di sana perlulah diberikan perhatian yang serius, sama ada dari segi peruntukan, kerana Kementerian Luar Negeri ini amat penting untuk menjaga imej negara kita.

Bukan setakat kalau berlaku keluarga mereka sakit di tanah air bahkan di sana juga selain ketika mereka menjalankan tugas. Sewaktu saya berada di Paris kerana mewakili persidangan IPU yang baru balik semalam, ada salah seorang kakitangan dan sudah tinggal di sana selama 24 tahun bersama keluarganya dan bila ada berlaku kecemasan dia terpaksa pulang ke negara ini. Saya tidak bertanya pula berapa gaji beliau. Jadi, kerajaan perlu melihat supaya kebajikan amat penting supaya mereka dapat terus menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan yang terbaik.

Walaupun setengah daripada mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri kerana tidak mahu memalukan nama negara, terutama sekali ketika melayan sama ada tetamu-tetamu yang datang dari negara kita sendiri ataupun ketika mereka cuba untuk mempertahankan imej dan maruah negara kita.

Saya sempat berjumpa ketika di Geneva menghadiri Persidangan IPU baru-baru ini dengan Duta kita yang telah bersedia melayan rombongan kami tiga Timbalan Menteri dan beberapa orang Ahli Parlimen. Walaupun Duta ini akan bertukar ke Vienna tidak lama lagi dan saya juga sempat berjumpa dengan seorang pegawai di UNESCO yang menjadi perwakilan tetap kita di Paris, yang mana mereka ini sudah

habis tempoh hendak balik. Walaupun mereka tidak kompelin, jadi inilah yang perlu kita lihat supaya masalah-masalah bukan hanya bila berlaku di depan mata kita baru kita hendak mengambil tindakan.

Oleh sebab itu seperti mana kementerian-kementerian yang lain, saya merasakan betapa pentingnya Kementerian Luar Negeri diberikan perhatian yang cukup penting untuk menjaga imej negara kita terutama sekali di luar. Tuan Pengerusi, bukan senang untuk mereka menjalankan tugas ketika berjauhan dengan sanak saudara, setengah itu pergi ada juga yang terpaksa meninggalkan isteri di Malaysia..Saya tidak tahulah apakah kerana meninggalkan isteri itu semata-mata isterinya bertugas tidak boleh pergi ke sana atau mungkin isterinya tidak dapat menyesuaikan diri dengan si suami kalau berada di luar negara yang mungkin tidak seperti di Paris, tidak seperti di Geneva, katakanlah di Uzbekistan sebagai contoh ataupun kalau mereka berada di Yangon, negara-negara yang mungkin tidak begitu sofistikated seperti bandar raya utama yang lain. Ini perlu kita berikan perhatian, selain dari rakan saya Yang Berhormat bagi Kudat menyebut tentang hal ehwal anak-anak mereka yang selepas habis tugas di sana hendak pulang ke Malaysia mereka juga akan menghadapi masalah.

Jadi, saya berharap supaya peruntukan untuk Kementerian Luar Negeri ini perlu diberikan satu peruntukan yang lebih pada masa-masa yang akan datang supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih baik, lebih menggalakkan. Ini kerana peranan mereka di mata pandangan negara-negara asing amatlah penting terutama sekali sebagaimana yang telah saya katakan tadi, Malaysia pada hari ini adalah sebuah negara yang cukup dikagumi. Sewaktu saya dalam perjalanan ke Canada untuk menghadiri Persidangan CPA, saya singgah ke sebuah bandar raya, mereka terkejut, beliau bertanya kepada salah seorang rakan dalam rombongan saya kenapa orang Malaysia singgah ke tempat beliau sedangkan negara Malaysia begitu baik, sampai begitu tanggapan mereka terhadap negara kita.

Jadi, kita tidak perlulah segan dan malu kalau ke mana-mana kita pergi untuk kita membawa nama Malaysia ini kerana seluruh dunia di mana-mana juga sekarang ini nama Malaysia begitu harum. Tetapi kita mesti ingat tidak selama mana mereka yang menjalankan tugas ini dapat bertahan kalau setakat mereka hanya menggunakan apa juga kemudahan-kemudahan tanpa kita mengambil kira keperluan yang mereka alami. Sewaktu saya berada di Geneva, salah seorang kakitangan memberitahu saya

dia terpaksa menyewa *apartment*, dengan izin, sampai mencecah angka RM12,000 sebulan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Ya, gulung, gulung.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Gulung ya. Jadi, akhir sekali saya berharap sangatlah supaya masalah Kementerian Luar Negeri ini perlulah diberikan perhatian terutama sekali bagi mereka menjalankan tugas sebagaimana yang negara kita kehendaki dan dalam menjaga imej negara kita di mata dunia terutama sekali apabila Malaysia sendiri telah diberikan penghormatan untuk mengetuai dua pertubuhan besar iaitu NAM dan OIC. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Kuala Krai, hendak bercakap?

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Tidak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Oh!

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya beri Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**11.41 pagi.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan berhubung dengan Hubungan Dua Hala dan juga Perancangan Dasar Kementerian Luar Negeri, juga berhubung dengan Butiran 020300 iaitu Penerangan Luar Negeri.

Pertamanya berhubung dengan Penerangan Luar Negeri yang mendapat peruntukan bagi tahun anggaran 2005 ini semakin berkurangan dan saya ingin mendapat penjelasan kenapakah ianya berkurangan memandangkan isu semasa di mana Malaysia sudah menjadi Pengerusi kepada OIC dan NAM.

Sepatutnya yang memainkan peranan yang lebih proaktif peranan yang lebih jauh ke hadapan untuk membuat promosi-promosi di peringkat antarabangsa dan di peringkat luar negara agar seluruh dunia dan negara-negara di dunia ini peka tentang peranan Malaysia di peringkat dan pentas antarabangsa khususnya dalam usaha Malaysia memartabatkan negara-negara yang kurang beruntung dan juga yang daif

sosiobudayanya dan juga dalam usaha kita memartabatkan negara-negara Islam di mata dunia.

Perkara kedua yang hendak saya timbulkan di sini ialah tentang perkembangan senario semasa dunia. Daripada kejatuhan empayar *Soviet Union* pada tahun 1990 dunia sekarang berada dalam peringkat dan agenda unipolar di mana Amerika seolah-olah muncul sebagai polis dunia ataupun *the global cop* yang boleh menentukan tatacara dan agenda dunia sekarang ini. Bagaimanapun, dunia sekarang ini sedang menyaksikan bahawa China adalah merupakan satu-satunya negara besar, tunggal dan berfahaman komunis di dunia yang berkemungkinan besar mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Soviet Union sebelum ini.

Ini memberi satu amaran kepada dunia keseluruhannya dalam konteks Malaysia untuk kita mentakrifkan dan siapsiaga berdepan dengan kemungkinan-kemungkinan baru 'bak kata pepatah Melayu, "Jika duduk meraut ranjau, jika tegak meninjau jarak". Dalam konteks inilah saya mengharapkan Kementerian Luar Negeri kita untuk siapsiaga dan berdepan dengan kemungkinan-kemungkinan ini. Kemunculan semula China di arena antarabangsa selepas menjalankan dasar isolasi, dilihat sebagai memberi impak yang besar terhadap negara-negara kuasa besar yang lain. Hasrat dan inspirasi China untuk kembali menjadi sebuah kuasa besar terutama dalam aspek ekonomi bukan sahaja di peringkat serantau tetapi juga di peringkat global telah menjadikannya sebagai negara yang bakal digeruni oleh kuasa-kuasa besar yang lain.

Dalam konteks ini juga seperti mana yang telah saya sebutkan Malaysia harus waspada, *be alert*, siapsiaga berdepan dengan kemungkinan-kemungkinan baru ini. Bahang kemunculan China ini telah dirasai oleh semua pihak dan mereka seharusnya tidak perlu teragak-agak dalam menentukan pendekatan yang harus diambil untuk berdepan dan menghadapi negeri China ini. Namun realitinya setiap negeri, setiap negara mempunyai kelebihan masing-masing dan ia dapat dinikmati dan ia dapat disesuaikan sekiranya semua pihak bekerjasama. Dengan itu kelebihan daripada negara-negara lain dapat dinikmati bersama.

Keadaan ini merujuk kepada kebangkitan China sebagai sebuah kuasa besar dan ia seharusnya dianggap sebagai satu rakan yang strategik dan bukannya semata-mata dilihat sebagai musuh atau seteru yang perlu ditakuti.

Kekuatan konsep kerjasama seperti mana yang diamalkan oleh Malaysia selama ini harus diperkukuhkan dan ini akan membolehkan negara-negara lain secara bersepadu dapat menandingi negeri China.

Kini dunia perlu mengambil kira langkah-langkah yang perlu untuk menghadapi China dan menganggapnya sebagai satu kelebihan yang tidak harus dipandang ringan. Meskipun kita melihat ini sebagai satu problem tetapi di sebalik problem atau masalah itu, ada peluang-peluang yang besar. Isu utama kini ialah sejauh manakah kemunculan China ini dapat menggugat pertumbuhan ekonomi negara-negara Asia Timur, malah juga secara global.

Kelebihan yang dimiliki oleh China sekarang ini adalah dalam aspek ekonomi seperti tenaga kerjanya yang murah dan terlatih di samping ia juga mempunyai pasaran domestik yang besar. Kelebihan inilah yang menjadikan China berpotensi untuk mengeluarkan serta melakukan penghasilan barangan pada skala yang lebih besar dengan harga yang murah dan lebih berdaya saing. Ini satu perkara yang harus ditekuni, dipelajari dan Malaysia juga harus melihat strategi-strategi baru dan menangani keadaan yang baru ini dengan perspektif yang proaktif dan baru pula.

Kebangkitan semula China kini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila ia menjadi salah sebuah negara yang menganggotai WTO, di mana dengan penyertaannya di dalam badan dunia ini akan meningkatkan lagi kemampuannya sebagai sebuah negara dalam perdagangan antarabangsa. Malahan kemasukan China ini juga akan memberikan kelebihan terhadap negara lain yang berurusan dengannya seperti juga ASEAN dan Malaysia khususnya.

Ekoran daripada pelaksanaan dasar yang lebih terbuka kepada dunia luar telah menjadikan China lebih berdaya saing dan dapat meningkatkan kemajuan ekonominya berbeza dengan amalan yang telah dipegang oleh China sebelum ini, iaitu dasar pemencilan ataupun mengasingkan, yang dianggapnya sebagai satu faktor penyebab kepada kemunduran ekonomi serta tidak dapat menjana keadaan ekonomi negaranya dengan baik.

Integrasinya dengan dunia luar menjadi lebih efisien dengan kemasukan modal asing yang banyak serta memberikan keuntungan kepada China dan rakyatnya. China menjadi lebih cekap serta berdaya saing dengan hubungannya yang rapat dalam aspek kerjasama ekonomi negara Asia Tenggara, khususnya Malaysia, disarankan agar tidak menganggap China sebagai satu ancaman. Sebaliknya perlu melihat

kemasukan China ke dalam WTO sebagai satu peluang perniagaan yang besar, yang boleh diwujudkan dan boleh pula kita memugar dan memberi manfaat kepada usahawan-usahawan tempatan.

Dalam konteks inilah saya berharap Kementerian Luar Negeri mengambil segala kesempatan yang ada untuk memastikan dasar kita dapat disesuaikan dengan kebangkitan negara China ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Santubong.

**11.48 pagi.**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh dua perkara sahaja yang dianggap singkat. Kalau lebih, boleh jugalah.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, di bawah 02000 iaitu Bekalan 13 di bawah sub bilangan 020300 – Penerangan Luar Negeri. Saya ingat yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga tadi. Tetapi persoalan saya, Tuan Pengerusi, ialah sekarang Malaysia menjadi pengerusi kepada kedua-dua NAM dan OIC. Masalah negara NAM dan OIC ialah masalah penyebaran maklumat dan kita sekarang kalah perang sebenarnya. Bukan kalah perang dari segi peperangan senjata, tetapi telah kalah perang dari segi penerangan, maklumat dan sebagainya.

Peperangan ini akan berterusan dan pihak Barat sentiasa akan menang dan kita akan kalah di semua bidang ekonomi, politik dan sosial. Mereka akan membuat propaganda mereka dari masa ke semasa dan propaganda ini akan diguna untuk menyerapi ke dalam semua masyarakat seluruh dunia. Inilah akan dianggap sebagai yang benar, yang betul dan tidak ada yang lain.

Masalahnya ialah oleh kerana kita tidak berkemampuan untuk mengatasi ataupun membuat *rebuttal* ataupun membuat pandangan lain kepada masyarakat dunia kerana kita tidak berkemampuan. CNN umpamanya, boleh menyebarkan apa sahaja sebagai satu instrumen, satu media yang begitu berkesan dan begitu berpengaruh sekali di dunia mempengaruhi minda dan pendapat manusia. Jadi, kita tidak berupaya mengatasi badan-badan Barat ini yang memberi pandangan-pandangan mereka yang mempelopori agenda politik dan ekonomi juga sosial negara mereka, negara Barat, khususnya Amerika.

Jadi, adakah Malaysia bercadang menggunakan kedudukannya sebagai pengerusi kedua-dua NAM dan OIC untuk menubuh atau bercadang untuk menubuhkan untuk dunia Islam dan NAM, satu badan macam Al-Jazeera umpamanya, supaya kita boleh mempelopori dan memberi maklumat menerusi badan yang mana kita melabur kepada semua masyarakat negara NAM dan OIC, beri pelaburan dan wujudkan satu badan ataupun media yang bercorak multinasional yang memberi maklumat-maklumat berhubung dengan Islam, berhubung dengan apa sahaja yang Timur dan negara-negara NAM dan OIC supaya kita, masyarakat dunia tidak menerima satu cerita ataupun satu perkhabaran atau satu maklumat yang diberi oleh pihak Barat sahaja.

Kalau tidak, saya mencadangkan supaya Kementerian Luar Negeri membincangkan perkara ini di peringkat NAM dan juga OIC sekali-sekala dalam hidup OIC dan NAM ini dan membuat satu keputusan yang baik untuk semua, untuk mempelopori dan memberi maklumat kepada masyarakat Barat dan Eropah, apa ertinya dari segi budaya, dari segi agama dan amalan orang Timur, orang NAM dan orang OIC, khususnya untuk mempelopori soal-soal Islam dan memberi maklumat mengenai soal-soal Islam ke seluruh dunia.

Berkemungkinan kalau NAM dan OIC boleh bersatu-padu dalam soal ini, saya cukup yakin mereka mempunyai cukup sumber kewangan dan cukup dana yang lebih besar, bahkan mungkin lebih besar lagi daripada yang CNN boleh wujudkan untuk memberi maklumat ke seluruh dunia. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, tahun hadapan kita akan menjadi Pengerusi ASEAN juga. Maknanya tidak ada lagi bandar di luar Eropah dan Amerika yang tidak kita dominan sebagai pengerusi. Tahun hadapan kita ada ASEAN, jadi Pengerusi ASEAN iaitu kita sudah ada NAM, OIC dan ASEAN. Maknanya Malaysia begitu strategik sekali untuk mempelopori idea-idea baru, macam mana untuk mempengaruhi dunia dengan khabar yang betul, khabar yang tepat, berita-berita dan maklumat-maklumat yang betul kepada masyarakat luar negara, kerana kita tidak boleh melihat media-media Barat atau media-media asing bahkan ini termasuk Al-Jazeera sendiri tidak boleh kita bergantung dengan informasinya dan kita sepatutnya mewujudkan media kita sendiri, menggunakan kedudukan kita sebagai pengerusi kepada tiga badan yang terbesar dunia ini.

Tuan Pengerusi, di bawah 030100 – Pertubuhan Serantau - Kerjasama ASEAN, saya hendak bertanya apakah agenda kementerian? Ini penting kita mengetahui agenda kementerian untuk memelopori satu-satu idea yang baru, untuk memperbaiki kedudukan ASEAN, bukan sahaja dari segi ekonomi, politik dan sosial, tetapi menerapkan kedudukan itu kepada semua masyarakat ASEAN, apakah agenda negara nanti. Saya hendak tahu dan minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Saya cukup yakin ini adalah satu perkara yang amat besar sekali bagi kita kerana dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa diadakan satu kolokium di Bangi baru-baru ini, bahawa Perdana Menteri telah membuat satu rumusan apakah tindakan yang akan diambil. Persoalannya, sejauh manakah kementerian telah mengambil ciri-ciri ataupun ucapan Perdana Menteri ini untuk diserapkan dalam pentadbiran kementerian dan akan diguna pakai untuk kita cadangkan kepada ASEAN itu nanti apabila kita menjadi pengerusinya pada tahun hadapan.

Dari segi ekonominya, kalau kita lihat, ASEAN sekarang hanya berniaga dengan pihak lain. Orang Malaysia berniaga dengan orang Eropah, berniaga dengan British, berniaga dengan Amerika, tetapi berniaga dengan jiran kita sedikit sahaja, hanya Singapura, yang lain perniagaan kita amat kecil sekali. Begitulah seterusnya pihak Philippine berniaga dengan Amerika dan negara Eropah dan sebagainya. Perniagaan dalaman itu sendiri tidak begitu baik oleh kerana prasarana atau *infrastructure business* kita ialah menghala keluar dari ASEAN, tidak ke dalam ASEAN itu sendiri.

Jadi kalau kita lihat European Union (EU) sekarang, perniagaan mereka 60% dalaman EU itu sendiri, hanya 40% kepada dunia lain. Jadi, kenapakah modul *business* EU ini amat elok sekali. Kalau kita lihat dari awal lagi, pada satu ketika nanti untuk memelopori supaya ASEAN ini menjadi satu *business community* ataupun *economic community* yang kukuh sebagaimana yang dibuat oleh pihak European. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, di manakah letaknya asas-asas awal umpamanya, pengangkutan, dasar perniagaan, dasar serantau, berhubung dengan soal ekonomi ini supaya kita boleh membuat perdagangan, perniagaan dan *business* kita di dalam ASEAN itu sendiri, kalau tidak pun 60% sebagaimana yang berlaku di Eropah, ia boleh menjangkau lebih *credible* lagi, atau nisbah yang lebih *credible* lagi di dalam ASEAN itu sendiri.

Saya cukup yakin ia akan menjadi satu perdagangan yang begitu kompetitif oleh kerana pengangkutan kita dekat, kos pengangkutan kita murah, kos insurans kita juga akan murah dan kos label kita juga di dalam ASEAN itu sendiri murah. Jadi dengan sendirinya saingan daripada dunia luar dapat diatasi di antara dalam ASEAN sendiri.

Soal politik juga adalah satu perkara yang amat penting untuk menyelesaikan masalah-masalah dalaman ASEAN itu di antara pertindihan tuntutan dan pelbagai lagi yang kita lihat dan juga soal penyelarasan perundangan dan penyelarasan amalan dari segi *business* dan undang-undang, kita kena melihat dari segi ini.

Soal sosial, banyak manakah ASEAN ini lebih mengenali kalau kita lihat sekarang. Kita lebih mengenali orang Eropah, kita lebih mengenali orang Australia dan lebih mengenali orang England, Kanada dan Amerika daripada kita mengenali jiran yang dekat kita, Indonesia, Thailand, Philippine dan sebagainya. Ini sepatutnya kita serapkan pengenalan kita ini kerana tidak akan boleh berlari dari ASEAN ini walaupun konsep ASEAN ditakdirkan tidak wujud, tetapi kita masih juga duduk dan terletaknya kita di sini. Jadi, jiran kita yang dekat, Singapura, Thailand, Indonesia, Philippine adalah jiran yang dekat dengan kita sekali. Jadi bagaimana untuk menyatukan daripada segi masyarakat manusia dalam ASEAN ini, apakah agenda kerajaan dan apakah tindakan kerajaan supaya ASEAN ini betul-betul menjadi satu masyarakat serantau yang mengenali dari segi budaya, amalannya, nilainya dan pelbagai lagi.

Kalau kita pergi ke negara yang bukan mengamalkan agama Islam, bahkan negara ASEAN itu sendiri tidak faham yang orang Islam ini tidak boleh makan babi, tidak boleh makan benda seperti arak, tuak dan sebagainya, juga anjing, kita tidak boleh, semua tidak boleh. Tetapi malangnya masyarakat kita, jiran kita sendiri tidak mengetahui bahawa benda ini sepatutnya tidak wujud dalam sesuatu mesyuarat dan konvensyen yang kita hadiri yang mana adanya masyarakat Islam.

Jadi bukannya kita hendak menudingkan jari kita kepada pihak-pihak yang tertentu, kalau berlakunya mesyuarat di negara yang bukan mengamalkan agama Islam dalam serantau ini, tidak melihat bahawa kepentingan orang Islam dan begitu juga orang yang bukan Islam, umpamanya orang Hindu tidak boleh makan sesuatu benda ataupun amalannya. Ini juga tidak difahami oleh masyarakat ASEAN itu sendiri. Ini sepatutnya kita mengetahuinya.

Jadi apakah tindakan dan bagaimana kita untuk memasyarakatkan budaya ini supaya semua masyarakat ASEAN ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Datuk, mengetahui amalan-amalan negara-negara ASEAN itu. Maknanya orang Malaysia mengetahui apa yang berlaku di Philippines, Indonesia dan sebagainya, amalan dan pantang larangnya, begitulah seterusnya bagi orang lain di negara lain mengetahui apa pantang dan larangan dari segi nilai dan agamanya di negara-negara ASEAN yang lain.

Dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Kinabatangan.

**12.01 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Hubungan Dua Hala dan juga 030300 – Perhubungan Antarabangsa. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada komitmen negara kita iaitu Kementerian Luar Negeri kerana sering kali kita lihat membawa isu-isu antarabangsa di persada dunia walaupun dari segi realitinya, negara Malaysia merupakan sebuah negara kerdil dan Malaysia selaku Pengerusi NAM dan OIC telah memainkan peranan-peranan.

Walau bagaimanapun saya juga ingin menggesa Malaysia, kalau boleh mengambil peluang ini untuk membicarakan dan secara tegas ke arah menyelesaikan konflik Palestin dengan Israel yang berlarutan sehingga hari ini di mana hari-hari kita melihat adanya nyawa terkorban, ada bangunan diruntuhkan dan sebagainya, ada yang meletupkan diri sendiri semata-mata untuk menegakkan perjuangan.

Ini kalau kita lihat, kenapa perkara ini tidak boleh diselesaikan? Apakah yang terlalu merumitkan sehingga persoalan konflik dua negara ini berlarutan berpuluh-puluh tahun tanpa ada jalan penyelesaian. Di sini kita melihat bahawa peranan Amerika itu perlu tetapi nampaknya Amerika sengaja mempermainkan isu ini dan Amerika sengaja ingin melihat bahawa umat Islam di Palestin harus diganyang, harus dihapuskan dan tidak akan mungkin wujud negara Palestin itu walaupun diwar-warkan oleh Amerika sendiri bahawa mencadangkan untuk penubuhan negara Palestin pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, dari segi keselamatan, kita melihat juga bagaimana Amerika memainkan peranan iaitu perancangan untuk menghancurkan negara-negara Islam, pertama dengan berlandaskan menghancurkan keganasan ataupun *terrorist* di Afghanistan dan selebihnya iaitu di Iraq walaupun PBB pada ketika itu telah menegaskan bahawa belum sampai masanya untuk melancarkan peperangan.

Tetapi kita melihat PBB ini merupakan boneka ataupun alat Amerika itu sendiri. Oleh kerana itu, saya amat berbangga dengan Perdana Menteri baru-baru ini di mana menggesa agar struktur PBB itu kalau boleh dirombak, kuasa-kuasa veto yang ada kepada lima negara, kita lihat tidak lagi relevan sebab ada isu-isu yang disokong oleh kebanyakan majoriti negara tetapi di veto oleh beberapa negara.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat, Sabak Bernam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Masa tidak .....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Sedikit, sedikit sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sedikit sahajalah!.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya hendak bertanya, setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sebenarnya Amerika ini walaupun berkuasa besar tetapi sebenarnya ia dikuasai oleh pihak lain khususnya Israel. Kalau kita baca buku, *The High Prince of War* baru-baru ini, kita dapati bahawa sangat jelas, ini tulisan buku yang ditulis oleh orang Barat sendiri bahawa sebenarnya agenda peperangan dengan Iraq, peperangan Israel dengan Palestin adalah agenda Israel yang memperkudakan Amerika. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, seluruh dunia tahu, kita pun tahu. Kita sendiri maklum bahawa apa pun agenda mereka, yang jelas, yang rugi, yang hancur, yang musnah adalah umat Islam.

Justeru itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat agar Malaysia selaku Pengerusi NAM dan OIC, kedua-dua pertubuhan ini amat penting sekali agar dapat memainkan peranan yang lebih bersedia ke arah meminta negara-negara Islam bersatu untuk menghadapi apa juga bentuk kemungkinan. Gerakan-gerakan Zionis yang didalangi oleh Amerika ini tidak mustahil satu hari nanti akan menghala ke negara kita, Malaysia. Seperti yang kita tahu dan maklum bahawa kita lantang dalam

menyuarakan masalah-masalah antarabangsa lebih-lebih lagi ke arah memastikan kedaulatan ataupun undang-undang sejagat, di mana negara kita akan terus memainkan peranan yang lebih berkesan untuk memastikan bahawa walaupun negara kita kecil, tetapi kita memainkan peranan.

Menyentuh hubungan dua hala Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di mana baru-baru ini kita melihat iaitu Sultan Jamalul Kiram telah mencuba mengadu masalah tuntutan Filipina ke atas Sabah di ICJ dan ini kalau berlaku, saya rasa negara kita harus memainkan peranan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, kepada Kementerian Luar Negeri apa pendirian negara Filipina terhadap tuntutan mereka ke atas Sabah. Apakah tuntutan ini telah digugurkan ataupun ia masih kekal tanpa diusik. Saya juga hairan kenapa negara Filipina tidak sama sekali berhasrat ataupun cuba membuka konsul mereka di Sabah.

Apakah masalahnya sehingga masalah pelarian daripada Filipina sukar diatasi dan ditangani dan ini amat membimbangkan kita, sebab kalau tuntutan-tuntutan ini masih dikekalkan begitu, tidak digugurkan bagaimana hubungan dua hala ini boleh berlaku Tuan Pengerusi. Saya minta kalau boleh pegawai-pegawainya memberikan saya jawapan yang boleh meyakinkan sebab contohnya Kerajaan Indonesia mereka ada konsul besar di negeri Sabah untuk menyelaras rakyat Indonesia yang berada di Malaysia, di Sabah. Tetapi Filipina tidak ada, seolah-olah Kerajaan Filipina masih tidak mengiktiraf bahawa Sabah itu sebahagian daripada negara Malaysia.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya amat tertarik dengan apa yang telah dibicarakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan mengenai tuntutan Filipina terhadap Sabah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan adakah tuntutan ini sebenarnya berkaitan dengan soal pajakan, saya difahamkan masih lagi dibayar oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada waris Kesultanan Sulu sebanyak RM5,000 setahun.

Jika bayaran ini benar, adakah Yang Berhormat Kinabatangan boleh mencadangkan supaya satu tindakan mahkamah ataupun satu tindakan undang-undang boleh diambil agar pembayaran ini tidak perlu dibuat kerana pembayaran ini sudah tentu akan memberikan satu gambaran bahawa seolah-olah perjanjian pajakan yang telah dibuat di antara Kesultanan Sulu dengan pihak-pihak yang telah membuat

perjanjian tersebut iaitu Alfred Dan, iaitu seorang saudagar Jerman masih sah atau masih *valid*, sedangkan hak kedaulatan Sabah ini telah pun ditukar ganti daripada Alfred Dan kepada Syarikat India Timur Inggeris dan daripada Syarikat India Timur Inggeris telah pun ditukar kepada British Koloni kepada Jepun, kepada British dan kembali kepada Persekutuan Malaysia dengan *referendum* ataupun pengesahan yang telah dibuat oleh United Nations pada tahun 1993, saya percaya itu dengan sendirinya telah membatalkan perjanjian itu dan ini telah pun disahkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan baru-baru ini ada keputusan yang dibuat di ICJ, yang berkaitan dengan kedudukan, kedaulatan Sipadan dan Ligitan. Itu sudah tentu menggambarkan bahawa kedudukan Sabah adalah jelas di bawah Malaysia. Mohon penjelasan Yang Berhormat Kinabatangan yang bijaksana.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih rakan saya daripada Kudat bertanya soalan. Sebetulnya saya ini belum jadi menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Cuma saya akan panjangkan hasrat Yang Berhormat. Saya juga bersetuju agar tuntutan-tuntutan sama ada pembayaran dan sebagainya tidak akan dilaksanakan sebab kalau ini berlaku, bermakna kita dengan sendirinya mengiktiraf bahawa negeri Sabah itu betul-betul diberi atas ihsan Sultan Sulu itu sendiri. Jadi saya kembali kepada persoalan tadi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, saya gulunglah ini. Supaya negeri Sabah sentiasa aman di bawah Kerajaan Malaysia, sebab di sana walaupun DAP mencuba-cuba tidak juga dapat. Pengerusinya Seputeh tapi tidak berkesan, tidak laku. Sebab itulah orang Sabah ini pintar berpolitik sekarang.

Tuan Pengerusi, saya meminta Kementerian Luar Negeri dan kerajaan kalau boleh mengukuhkan hubungan dua hala antara.....

**Tuan Baharum bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia bangun Yang Berhormat, tidak ada masa Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak ada masa Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sudah gulungkah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sudah gulunglah ini.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sudah gulung?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Saya masuk, sudah gulung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Ketawa*] Sedikitlah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, sila.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini di mana Sultan Kiram II yang baru ditabalkan itu juga menyatakan, bahawa Malaysia pada masa-masa yang telah lalu menyokong perjuangan pemisah Islam di Selatan Filipina ini. Jadi saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Kinabatangan ini. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ini kalau saya tidak silap telah diperjelaskan oleh Menteri Luar Negeri kita satu ketika dahulu, bahawa tidak benar Kerajaan Malaysia menyokong mana-mana *terrorist* ataupun gerakan-gerakan pemisah daripada Selatan Filipina untuk mengganyang Kerajaan Filipina walaupun banyak tuduhan khususnya daripada pembangkang. Jadi saya rasa sudah cukup jelas.

Tuan Pengerusi, saya meminta dengan tegas supaya kerajaan menggunakan hubungan dua hala ini meminta Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah, sebab kita sudah merdeka 47 tahun tidak ada *relevancy* lagi, tidak masuk akal lagi Filipina tidak mengiktiraf negeri Sabah di bawah Malaysia. Sejarah telah membuktikan bahawa rakyat Malaysia di Sabah berkehendakkan negara Malaysia bukan Filipina. [*Tepuk*] Mereka seharusnya faham bahawa Sabah adalah di bawah Malaysia, bukan untuk Filipina dan gugurkan tuntutan itu serta-merta. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Seputeh.

**12.13 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Kim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030100 dan juga 030300 untuk membentangkan ucapan saya. Sebenarnya Tuan Pengerusi sebab DAP tidak dapat kerusi di Sabah bukan kerana kami tidak popular, tetapi kami tidak berkelakuan seperti calon Barisan Nasional di Sabah yang suka menggunakan politik wang dan menggunakan pengundi hantu..... [*Dewan menjadi gamat seketika*] untuk mencapai kemenangannya, khususnya mungkin di kerusi Kinabatangan. Kami ini orang jujur.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1997 Kerajaan Malaysia telah berusaha dengan gigihnya untuk membawa Burma masuk ke dalam ASEAN, tanpa menghiraukan bantahan dan nasihat daripada masyarakat antarabangsa dengan dasar yang digelar sebagai *constructive engagement*.

Tujuh tahun sudah keadaan Burma langsung tidak berubah. Kerajaan *Military* SPBC itu masih degil dengan pemerintahan kuku besinya, yang masih keras memeras dan menindas rakyatnya sendiri. Beribu-ribu tahanan politik masih belum dibebaskan. Pemimpin NLV Aung San Suu Kyi masih ditahan di rumahnya, ekonomi negara itu masih mundur, pihak kerajaan *Military* masih enggan berdialog dan berdamai dengan parti pembangkang. Usaha yang dilakukan oleh utusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail kelihatan tidak mencapai apa-apa hasil dan menuju ke arah kegagalan. Tetapi apa yang menjejaskan ASEAN ialah negara-negara Eropah enggan menghadiri mesyuarat ASEM kerana kehadiran Burma dan mesyuarat ASEM, ini telah pun menjejaskan hubungan politik dan ekonomi di antara negara-negara ASEAN dengan dunia Barat.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2006 Burma akan menjadi Pengerusi kepada sidang antarabangsa ASEAN. Bukankah ini merupakan satu tamparan hebat kepada negara-negara ASEAN di mana sebuah negara yang kerajaannya bukan dipilih oleh rakyat dan memalukan ASEAN ini, dijadikan Pengerusi kepada persidangan antarabangsa ASEAN. Bukankah matlamat *constructive engagement* ASEAN dan Kerajaan Malaysia ini telah terbukti gagal?

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa Menteri Luar Burma telah pun menghadapi tekanan dan kritikan yang kuat dalam Sidang Menteri Luar ASEAN pada beberapa bulan yang lepas. Selepas itu Menteri Luar Burma dipecat oleh kerajaannya kerana gagal mempertahankan nama baik dan maruah Burma. Bukankah langkah ini membayangkan sikap *authoritarian* dan kuku besi pemerintahan SPDC di Burma. Pada tahun lepas, bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir telah pun menyarankan kepada ASEAN supaya memecat Burma daripada ASEAN sebelum beliau bersara, tetapi kesalnya saranan ini akhirnya menjadi pandangannya sendiri dan bukannya pandangan dan pendirian Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, sekiranya Tun Dr. Mahathir yang pernah berusaha begitu gigih membawa Burma masuk ke dalam ASEAN ini, boleh meluahkan kenyataan untuk memecat Burma daripada ASEAN, maka Kerajaan Malaysia haruslah juga

mengambil pendirian yang lebih keras dan tegas terhadap perkara itu, tetapi kesalnya pada masa kini Kerajaan Malaysia dan kerajaan-kerajaan negara ASEAN yang lain kelihatan amat lembut dan malah tunduk kepada rejim militari Burma dan ini bercanggah dengan prinsip asas *constructive engagement*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya ingat Yang Berhormat ini kurang faham pembentukan negara-negara ASEAN itu sendiri, bahawa negara ASEAN ini merupakan Pertubuhan Negara-negara Berkecuali, tidak boleh mencampuri urusan dalaman mana-mana satu negara dan masalah di dalam Burma itu sendiri adalah masalah dalaman iaitu kekacauan politik. Jadi ini bermakna Malaysia tidak boleh menggunakan apa-apa juga ketegasan dan sebagainya sebab kita menghormati pendirian negara-negara ASEAN itu sendiri dan persoalan ini telah dimainkan oleh PBB, wakil PBB, Duta Khas PBBnya iaitu Tan Sri Razali Ismail, itu dia. Yang Berhormat fahamkah tentang kedudukan ini? Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah banyak kali membangkitkan tentang Kerajaan Filipina dan kita tahu apa yang berlaku, di mana pengganas yang ada di Filipina itu juga akan menghasilkan impak kepada negara kita terutamanya Sabah, sehingga bekas Ketua Menteri Sabah kita itu terpaksa pergi berunding dengan pengganas di Filipina untuk menebus balik semua *hostage* atau semua tahanan pada waktu itu.

Sekarang kita tahu, kita tidak harus campur perkara dalaman negara jiran kita, tetapi kalau misalannya, kita melihat yang si suami itu selalu menindas dan melakukan kekerasan terhadap isteri dan anak-anaknya, kita tidak boleh membiarkan perkara ini terus berlaku tanpa menghulurkan bantuan kepada si mangsa yang dianiayai itu. Kita bangkitkan perkara ini berdasarkan *humanitarian*, kemanusiaan. Saya berharap Yang Berhormat bagi Kinabatangan faham inilah konsep yang kita ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bera bangun, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma hendak minta pandangan, kita mempersoalkan tentang Burma, Myanmar, kita mempersoalkan tentang kerajaan tentera Myanmar dan tindakan terhadap musuh politik kerajaan tentera Myanmar tetapi kenapa kita tidak mempersoalkan tentang Pakistan yang juga diperintah oleh tentera. Kerajaan Pakistan juga mempunyai masalah dengan musuh politik seperti Benazir Bhutto, Nawaz Sharif dan sebagainya. Tindakan kejam juga dilakukan terhadap musuh-musuh politik seperti membunuh musuh-musuh politik beliau. Jadi *why* kita *take* Burma? Mengapa tidak Pakistan? Adakah kerana Pakistan disokong oleh Amerika, adakah kerana Burma tidak disokong oleh Amerika, adakah kerana *Suu Kyi* akan dijadikan boneka oleh Amerika? Adakah ini yang menyebabkan kita menjadikan Burma sebagai satu negara yang patut kita campur tangan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya ada 10 minit, saya tidak boleh ceritakan semua perkara pergolakan politik di seluruh dunia. Jadi perkara yang berlaku di Pakistan itu mungkin Yang Berhormat boleh teruskan nanti dalam ucapan Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang harus kita pentingkan ialah ASEAN. Apa-apa pergolakan politik yang berlaku dalam sesebuah negara dalam ASEAN ini akan menghasilkan impak dan mempengaruhi kita.

Seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu pada minggu lepas dalam ucapan dasarnya, beliau berkata tentang pelarian Rohingya Muslim dari Myanmar yang datang ke Malaysia dan mereka menghadapi masalah kerana mereka enggan balik ke negara asal mereka, kerana kalau mereka balik mereka akan ditembak mati, dan mereka telah pun menghantar wakil ke Parlimen untuk membentangkan rayuan kepada mereka dan saya merasa gembira bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, semasa menjawab kepada persoalan ini mengatakan bahawa kerajaan akan mengeluarkan satu ID, kad ID yang khas kepada pelarian Rohingya Muslim di negara kita supaya mereka boleh mendapat perlindungan.

Kenapakah terdapat lebih daripada 10,000 pelarian Rohingya Muslim berada di negara kita dan enggan balik ke negara mereka? Ini adalah kerana kekejaman dan juga pergolakan politik yang berlaku di Burma sehingga mereka rasa kalau mereka balik mereka tentu mati. Itulah sebabnya kita amat prihatin kepada pergolakan politik di Burma dan kita merasa kesal di mana utusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu,

Tan Sri Razali Ismail itu kelihatan tidak mendapat sokongan yang kuat daripada Kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain sehingga usahanya kelihatan gagal. Sekarang kita lihat terdapat suara-suara yang menyeru beliau supaya meletakkan jawatan. Ini sebenarnya rakyat Malaysia yang cuba menjadi pendamai di antara kerajaan military dan juga parti pembangkang itu, usaha perdamaian juga telah gagal. Ini adalah perkara yang harus kita semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini untuk mengambil perhatian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, saya akan gulung. Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri supaya mengambil pendirian lebih tegas dan keras terhadap Burma dan mendesak kerajaan militari Burma untuk berdamai dan berdialog dengan *NLD* yang dipimpin oleh Aung San Suu Kyi dan suku-suku kaum di Burma yang lain, dan membebaskan serta mendesak kerajaan military Burma untuk membebaskan *Aung San Suu Kyi* dari penahanannya. Sekiranya *SPDC* masih berdegil dan enggan berubah, maka sampailah masa bagi Kerajaan Malaysia untuk menyahut saranan Tun Dr. Mahathir untuk mungkin mengusulkan untuk memecat Burma daripada ASEAN. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Putatan.

**12.23 tgh.**

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas. Saya ingin menarik perhatian kepada dua perkara. Yang pertama, bagi Maksud Pembangunan P.13, Butiran 00100 – Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Luar Negeri.

Peruntukan sebanyak lebih kurang RM166 juta ini adalah agak besar dan saya mengalu-alukan peruntukan tersebut. Mudah-mudahan peruntukan ini sedikit sebanyak akan dapat menyelesaikan beberapa kesukaran oleh para pegawai kita termasuklah keadaan pejabat yang kecil dan tidak selesa, sehingga ada yang tinggal dalam kesejukan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semasa penggulungan di peringkat dasar tempoh hari.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini, saya ingin tahu apakah sebenarnya projek yang akan dibina dan dimanakah projek tersebut. Saya juga ingin tahu

bagaimana projek-projek tersebut akan dilaksanakan seperti kelazimannya. Saya juga ingin tahu adakah peruntukan tersebut akan juga digunakan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan kediaman ataupun rekreasi kepada penuntut kita di luar negara seperti Rumah Malaysia di London seperti yang Tuan Pengerusi sedia maklum tempat-tempat ini sering digunakan oleh pelajar-pelajar kita di luar negara. Saya juga ingin tahun berapakah bilangan bangunan yang sudah menjadi hak milik kerajaan dan berapakah lagi bilangan bangunan penggunaan pelajar yang disewa oleh kerajaan dan berapakah jumlah sewanya.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin tahu adakah kerajaan menyediakan bangunan asrama yang disewakan kepada pelajar-pelajar kita di luar negara ataupun warganegara Malaysia yang berada di negara tersebut dan jika ya, berapa kadar sewanya. Selain dari itu saya ingin tahu berapakah bilangan bangunan yang diperuntukkan kepada pelajar seluruh dunia. Setahu saya ada juga Rumah Malaysia di Sydney, Australia. Saya ingin tahu juga kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti itu di setiap universiti di luar negara terutama sekali di mana terdapat ramai pelajar kita terutama sekali di Amerika Syarikat.

Seterusnya saya ingin berbahas bagi maksud bekal B.13, Butiran 040000 iaitu Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan. Kemajuan negeri kita bergantung kepada kewujudan suasana aman damai di negara kita dan musuh utama kedamaian ialah keganasan. Dalam konteks ini Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh apa sahaja tindakan kerajaan untuk mencegah keganasan. Oleh itu kita menyokong kewujudan Pusat Serantau Asia Tenggara ini, namun demikian terlalu sedikit yang kita tahu apakah sebenarnya terma-terma atau fungsi serta peranan pusat tersebut. Apakah kakitangan pusat ini kesemuanya rakyat Malaysia ataupun dianggotai oleh rakyat asing. Kenapa pusat ini dinamakan Pusat Serantau Asia Tenggara?

Persoalannya yang kita hadapi ialah bagaimana pusat ini menjalankan tugas-tugas mereka? Adakah mereka bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan jabatan-jabatan lain seperti polis dan Jabatan Pendaftaran Negara? Tanpa kerjasama tersebut bagaimana pusat ini memantau pergerakan pengganas yang bergerak dari satu negara ke satu negara seperti daripada Filipina ke Malaysia dan seterusnya ke Indonesia.

Saya juga ingin tahu saya setakat ini berapa banyakkah bilangan pengganas yang telah dikenal pasti yang keluar masuk di antara Pantai Timur Sabah dan ke Selatan Filipina? Saya juga ingin tahu ada di kalangan rakyat Filipina yang berstatus pelarian di Sabah yang terlibat dengan kegiatan pengganas. Kalau ia adakah kerajaan memandang serius kewujudan pemegang kad pengenalan Malaysia di kalangan orang asing yang terlibat dalam kes penculikan di Pulau Sipadan dan Pandanan?.

Walaupun kegiatan pengganas seperti ini berlaku kerajaan Malaysia masih lagi memberi dokumen penduduk tetap kepada pemegang dokumen IMM 13 di Sabah. Kerajaan harus mengambil iktibar yang insiden pemberian status penduduk tetap Malaysia seperti Abu Bakar Bashir yang telah dikenal pasti sebagai seorang yang ada kaitan dengan pengganas. Kemungkinan kes seumpama itu juga dibuat oleh orang asing yang telah memiliki kad pengenalan Malaysia.

Selain daripada pemantauan sahaja, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan program kempen pencegahan keganasan di rantau ini? Selain daripada pencegahan yang biasa seperti menggunakan pasukan keselamatan, ketenteraan atau marin, kebanyakan yang terlibat daripada aktiviti-aktiviti ini adalah orang-orang yang muda. Saya bercadang supaya kementerian mencari jalan untuk mengenal pasti cara berkempen yang terbaik dan sesuai supaya mereka yang berfikiran keterlaluan ini dapat didedahkan dengan program-program kegiatan yang berunsur keamanan. Mungkin salah satu daripadanya ialah penganjuran konsert antarabangsa yang disiarkan melalui media dari kaca TV dan sebagainya dengan penglibatan negara-negara ASEAN yang berdekatan dengan melalui nyanyian, drama atau tarian yang akan disukai oleh belia-belia ini. Dengan itu saya mohon menyokong.

*[ Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun ]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Semua boleh bercakap Yang Berhormat. Kita beri peluang.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sudah lama.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas iaitu tajuk B.13 dan P.13 dan juga Butiran 00100. Sebenarnya Tuan Pengerusi, Malaysia ini telah terkenal di seluruh dunia tentang kebaikan Malaysia ini kerana budaya Malaysia. Contoh negara kita ini kepada dunia luar di mana berbilang

kaum yang ada di dalam negara kita ini boleh hidup berpakat cukup elok. Kita boleh duduk bersama, makan bersama, menghadiri sesuatu keramaian bersama malah sampai kalau ada kematian pun kita pergi. Macam saya wakil rakyat pergi kalau ada orang India meninggal, kita pergi untuk menghormati jenazah dan sebagainya.

Jadi dunia nampak Malaysia sebagai sebuah negara contoh. Kalau macam itu, Tuan Pengerusi, kita kena pastikan bahawa pejabat-pejabat kedutaan kita, rumah-rumah 'Pak Duta' kita dan pegawai-pegawai kita itu kena ada *standard*. Kalau tidak kita dok kata Malaysia bagus, Malaysia elok, Malaysia sebagainya tetapi kadang-kadang kita tengok pejabat-pejabat kedutaan kita, pejabat konsul kita ini tidak begitu memuaskan. Jadi saya ingat peruntukan yang diberi ini walaupun seratus lebih, enam puluh enam juta tidak mencukupilah. Kalau kita hendak buat di seluruh dunia tetapi ini harus diutamakan untuk menggambarkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara membangun, Malaysia adalah sebuah contoh dan terkenal di seluruh dunia.

Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai pun kena baguslah. Pegawai-pegawai pun terutamanya sebagai di sini kalau kita hendak bincang 'Penerangan Luar Negara'. Kita kena beri penjelasan kepada orang. Kalau timbul masalah politik dalaman negara kita, kita kena perjelaskan. Walaupun kita ada *trade*, orang perdagangan *attach* kepada pejabat duta kita tetapi keseluruhan pekerja-pekerja itu juga kena memahami hasil ataupun perkembangan negara kita dan saya minta pegawai-pegawai bukan rakyat Malaysia yang bekerja dengan kedutaan kita itu bagi mereka peluang masuk ke Malaysia. Ini kadang-kadang kita pergi ke negara-negara lain kita tanya pekerja negara tersebut yang bekerja dengan duta kita dia tidak tahu Malaysia, dia makan gaji dia kerja sahaja. Sedangkan dia berkhidmat di Kedutaan kita. Jadi apa salahnya kita bagi peluang kepada mereka datang dan tengok Malaysia macam mana. Sekurang-kurangnya dia faham, ini dia negara di mana mereka bekerja. Walaupun dia kerani, pemandu atau orang biasa di kedutaan tetapi dia kena faham. Macam kita kalau hendak jual barang kalau kita tidak tahu barang itu macam mana kita market kan. Jadi kita mahu semua kakitangan di Kementerian Luar Negeri dan juga di kedutaan kita di seluruh negara di dunia ini pekerja-pekerja itu mahir dan faham tentang dasar dan juga keadaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bergaduh. Malaysia ini Pengerusi OIC. Kita negara Islam, contoh tidakkah begitu Pasir Mas?. Alhamdulillah, setuju. Jadi mengapakah, yang ini pun saya tidak faham, sesama Islam sendiri tidak boleh bersatu.

Pasir Mas fasal apa? Fasal apa tidak boleh bersatu? Tok Shiekh Tok Arab datang kongsi *conference* , *conference* di Putrajaya elok berjubah, datang kita sambut dan sebagainya. Bila kita bersyarah, *na'am – na'am*, balik pergi tidak ada apa-apa. Kalau hang susah hang punya fasal, aku jaga diri aku. Saya memahami kerana teraju negara tersebut sebenarnya mereka tidak berkuasa. Yang ada di belakang mereka adalah pasukan-pasukan negara luar lain, contohnya negara Amerika yang ada di belakang mereka. Jadi pemimpin ini hanya sebagai boneka, hang Islam ka hang apa ka tidak boleh. Kalau dia keras dan kita tengok negara-negara Islam, duit ada dia melabur di negara-negara bukan Islam, bila berlaku sesuatu krisis duit itu dibekukan. Apa salahnya kita gunakan OIC dan sebagainya kita tumbuhkan ekonomi Islam, membangunkan Islam dari segi bentuk ekonomi, melaburkan di negara-negara Islam, kalau ini boleh dilakukan kita pun ada faedah. Kalau setakat jadi Pengerusi dok selesaikan masalah mereka kemudian kita tidak boleh tarik mereka untuk melabur di negara kita, ini rugilah kita .

Jadi, Kementerian Luar Negeri ini tolong *adjust* balik di samping kita hendak mengeratkan tok-tok Arab ini negara-negara Islam ini duduk elok-elok tetapi kita kena ingat juga hasil duit kepada negara selepas itu. Contohnya kalau Petronas, bolehkah Petronas masuk ke negara-negara Arab yang ada minyak buat usaha sama, walaupun sudah ada tetapi sesetengah negara kita tidak boleh masuk kerana syarikat-syarikat barat sudah bertapak di sana beratus-ratus tahun. Tetapi atas persaudaraan, atas ukhuwah Islamiah, atas pakatan ini, atas OIC kalau tidak boleh juga Tuan Pengerusi, pening kepala kita berfikir dengan perangai Arab ini.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Siapa Speaker? Kinabatangan kah atau Dato'..... [*Ketawa*]. Satu lagi Tuan Pengerusi, kadang-kadang terfikir di fikiran saya, orang yang meletupkan bom sambil bunuh diri adakah mereka ini betul-betul Islam ataupun dibuat oleh negara Barat sedemikian rupa kerana mereka lebih cekap, hendak melagakan kita semasa kita. Macam di Malaysia, kita duduk elok-elok tetapi orang boleh datang masuk kacau bilau kita bagi kita bergaduh tetapi Alhamdulillah rakyat kita Malaysia sudah *matured*, rakyat kita sudah terkenal baik dan sebagainya jadi kita tidak ada masalah . Kalau ada sikit-sikit tu... orang Cina kata 'sap-sap soi' . Betul Seputeh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh gulung Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini hendak gulung. Jadi saya minta bahawa selain daripada Kementerian Luar Negeri menjalankan *mission* dia untuk mempertingkatkan, negara kita pun jangan menjadi terlampau baik. Dunia ini kalau kita terlampau baik orang buli. Kita tidak mahu jiran-jiran kita buat *action* dengan kita. Macam Singapura itu dahulu milik kita. Kita bagi nah ambillah, mana hendak pergi, pergi. Tetapi sekarang ini dia *act* dengan kita. Dia boleh kacau sempadan itu ini, dia bagi kita sakit hati, dia menyusahkan kita. Setakat Menteri Luar Negeri kita jawab, Timbalan Menteri jawab kita sedang berusaha, sedang buat baik, sekali sekala kalau anak kita buas, sekali sekala walaupun kita sayang kita kena jentik telinga dia sikit bagi dia rasa kesakitan telinganya. Saya harap Kementerian Luar Negeri...

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ....ini hendak minta penjelasan kah? Sri Gading minta penjelasan Tuan Pengerusi. Oleh itu saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya terpaksa hadkan kepada empat orang lagi. Untuk bercakap saya beri 5 minit seorang.

**12.36 tgh.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bersama-sama dalam membahaskan peringkat Jawatankuasa Kementerian Luar Negeri, menyentuh tentang B13, 030300 - Perhubungan Antarabangsa. Saya bangun sebagai manusia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Selama ini Yang Berhormat bukan manusialah? [Ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sebagai manusia salah seorang penghuni dunia ini yang juga sebagai rakyat Malaysia, sebagai orang Islam. Saya lihat dunia ini sudah tidak selamat. Itu sebab saya sebut saya sebagai manusia. Manusia memerlukan kehidupan yang sentiasa dalam keadaan baik, aman makmur, mewah, damai dan apa-apalah bahasa yang seumpamanya. Tetapi saya lihat dunia ini sudah tidak selamat dan saya tengok satu penjajahan bentuk baru sedang menguasai dunia.

Satu penjajahan bentuk baru sedang menguasai dunia dan penjajahan bentuk baru ini lebih zalim, lebih ganas dari bentuk-bentuk penjajahan yang pernah kita dengar sejarahnya, ceritanya pada masa-masa yang lampau. Penjajahan bentuk baru ini dia menafikan kemanusiaan, menafikan ketamadunan, menafikan keadilan, menafikan hak saksama, menafikan kedaulatan, menafikan penghormatan tidak ada harga sebenarnya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Seputeh jangan ketawa ya! *[Dewan riuh seketika dengan ketawa]*

**Seorang Ahli:** Dia tahu, dia tahu, dia tahu!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Menafikan peradaban dan sebagainya dan kuasa yang sedang menjajah ini ialah Amerika. Dahulu waktu saya kecil-kecil Tuan Pengerusi, waktu saya kecil-kecil perang dunia, Perang Korea Utara-Selatan. Oh! Kalau bencinya kita pada Rusia, bencinya kita kepada komunis, seolah-olah inilah menjadi musuh utama kepada manusia dan waktu itu seluruh dunia memuja kepada Amerika, dialah jadi kononnya bangsa negara yang membela kemanusiaan. Oh! Oh!...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]* Ooh!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hari ini Tuan Pengerusi, hari ini Tuan Pengerusi, rupa-rupanya Amerika lebih syaitan daripada syaitan.

**Beberapa Ahli:** Penaja pengganas, penaja pengganas!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Penaja kepada keganasan dan pengganas. Membunuh manusia hari-hari, membunuh manusia hari-hari.

**Seorang Ahli:** Itulah Amerika!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya ulang lagi Tuan Pengerusi, membunuh manusia hari-hari, tetapi tidak ada suara yang mengkritik dan menentang, seolah-olah apa yang diperbuat oleh Amerika walaupun zalim semuanya betul. Bush, oh! Oh! Oh! John Kerry kita tidak tahu lagi. Yang pencabar dia, mungkin kongkalikong, dua kali lima, lima kali dua!

**Seorang Ahli:** Sama-sama syaitan!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sama-sama syaitan. Tuan Pengerusi, penjajahan baru ini dengan kekuatan ketenteraan, dengan kekuatan-kekuatan ekonomi, dengan unsur-unsur budaya yang diserapkan kepada negara-negara dan

dipaksa diterima oleh rakyat negara-negara dan hubungan cara hidup, dasar muzik dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi!

**Beberapa Ahli:** Ini masalah keselamatan, baru hendak masuk, baru hendak masuk, baru hendak masuk ini! Hah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Biarlah.... Yang Berhormat datang lambat tengah hendak cakap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ambil contoh Tuan Pengerusi, orang Islam atau orang Timur, makan dengan tangan kanan, ambil contoh benda ringan Tuan Pengerusi. Tetapi kalau kita makan burger yang besar kena dua belah tangan Tuan Pengerusi, tengok dia masuk, dia ubah, muzik, cara makanan, cara pergaulan, dia masuk, cara pemakaian nampak pusat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bukan Seputeh, Seputeh tidak nampak pusat, ini cara yang diterap oleh Amerika.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Seputeh saya tahu, dia salah seorang wanita yang begitu sopan, pakaiannya cantik, terutama apabila dia pakai baju kurung, baju kebaya, lebih cantik daripada wanita Melayu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cantik, cantik, cantik juga Yang Berhormat tetapi gulung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ini baru mukadimah ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya baru mukadimah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, tidak apalah, mukadimah pun cukup.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Baru mukadimah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi itulah saya menyokong penuh dasar luar negara kita, peranan Menteri Luar Negeri kita, alhamdulillah Menteri Luar Negeri kita antara *top ten* yang terbaik dan dunia sebab itulah dia patut menang dalam Majlis Tertinggi hari itu, walaupun dia tidak ada. Orang mengiktiraf peranan beliau. Saya haraplah kerajaan memberikan peruntukkan yang lebih besar, berikan sokongan kepada Kementerian Luar Negeri supaya benar-benarlah Kementerian Luar Negeri kita ini berkesan dan memberi kesan kepada negara-negara yang lain. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ayer Hitam.

**12.46 tgh.**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Luar Negeri dan secara khususnya saya ingin pergi kepada hubungan dua hala Malaysia dan Singapura. Kalau kita lihat hubungan Malaysia dan Singapura ini dikatakan beransur pulih tambahan pula Perdana Menteri baru Singapura telah datang untuk melawat Malaysia pada hari. Saya berharap ini adalah satu pendekatan baru ataupun satu pembaharuan dalam sejarah hubungan dua hala di antara dua negara ini. Kita melihat lapang perkara yang tidak selesai di antara dua negara ini merupakan perkara yang sudah basi.

Kita sebagai rakyat Malaysia dan Kerajaan Malaysia ini saya nampak sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih dan menerajui kepimpinan negara, kita nampak bertolak-ansur, kita bersabar dan kita menggunakan cara diplomatik untuk mengadakan persahabatan yang lebih baik di antara dua negara ini. Tetapi saya melihat perkara ini sebagai satu strategi dan kita perlu ubah strategi sekiranya pihak Singapura masih lagi tidak mengendahkan apa yang kita lakukan itu.

Sebagai contoh baru-baru ini stesen kereta api di Tanjung Pagar kita sudah turunkan papan tanda "SELAMAT DATANG KE MALAYSIA", atas nama kononnya untuk menghormati kedaulatan Singapura. Tetapi apakah usaha ini dilihat sebagai satu pengorbanan ataupun satu keikhlasan oleh pihak Malaysia ini yang kita mahu berbaik dengan jiran kita? Malaysia ini merupakan satu jiran yang baik bagi Singapura, baru-baru ini saya pernah menyentuh tentang telur ayam. Kalau sebelum ini yang sengsara adalah rakyat Singapura, mereka makan telur satu hari dua biji, mereka

membelanjakan RM2.60 untuk dua biji telur yang diimport bukan dari Malaysia. Sekarang mereka sudah pulih, bayar 20 sen untuk sebiji telur. Saya rasa kita sebagai jiran yang baik bukan sahaja melihat kepentingan satu negara, kita juga menjaga kepentingan pihak Singapura, inilah yang dikatakan situasi 'menang menang', dan saya berharap kita menerap satu konsep dan satu pendekatan, di mana kita perlulah mengadakan satu anjakan paradigma dalam hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Singapura.

Di sini saya ingin mencadangkan oleh kerana pihak Parlimen di sini dan pihak Parlimen Singapura khususnya sentiasa membahaskan hubungan dua hala. Ada yang saya nampak emosinya terlalu emosional di dalam perbahasan. Dan saya ingin mencadangkan bahawa kita menubuhkan satu jawatankuasa yang dipelopori oleh Kementerian Luar Negeri iaitu jawatankuasa di antara Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan Singapura. Kita perlu membincangkan masalah dan kita tidak boleh lari daripada masalah, kalau kita menggunakan dua forum masing-masing untuk mengutuk antara satu sama lain, itu sebagai satu pendekatan *tit for tat*, dan kita tidak akan selesaikan masalah. Dan kita sebagai rakyat Malaysia, kita dari sudut Kerajaan Malaysia banyak perkara yang kita perlu pentingkan demi kepentingan negara khususnya dalam hak merebut Pulau Batu Putih ini.

Saya melihat perkara ini amat penting, sekiranya pihak Singapura dapat kuasa ataupun mempunyai kuasa mutlak terhadap pulau ini, apa yang akan dibuat saya boleh buat jaminan, dia akan membuat penambakan dan seterusnya menjadikan dia punya *velocity* ataupun kelajuan ombak itu lebih tinggi di mana kapal-kapal kalau hendak masuk ke Pasir Gudang itu akan memudaratkan keselamatan mereka. Ini adalah di antara perkara yang kita rasa tidak memihak kepada Malaysia, jadi kita kena menyelesaikan masalah ini secara rasional dan kita mahu mencari pendekatan 'menang menang'.

Di sini juga saya ingin mengutarakan satu perkara yang sejak 10 tahun yang lalu telah membawa 58 kes kepada Menteri Luar sekarang iaitu warganegara Malaysia yang dilahirkan di Singapura dan telah berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura untuk menjadi rakyat Malaysia melalui Borang W.

Ini adalah suatu kes spesifik, banyak melibatkan ramai rakyat Malaysia yang terlibat. Mereka balik ke Malaysia mungkin selepas satu bulan dilahirkan. Mereka menjadi warganegara Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Apa yang jadi sekarang adalah mereka ini dipanggil menghadiri *National Service* di Singapura dengan latihan ketenteraan. Ini adalah suatu masalah besar. 58 kes sampai saya ingat sejak kebelakangan ini beratus-ratus kes yang semacam ini. Kalau mereka tidak pergi, mereka tidak boleh masuk ke Singapura. Kalau mereka membuat transit penerbangan di Lapangan Terbang di Changi pun mereka akan dipenjarakan.

Saya rasa Kementerian Luar kena melihat perkara ini secara total, secara pakej, ini juga dimasukkan ke dalam rundingan. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Mas. Selepas itu Pasir Puteh.

**12.51 tgh.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan Selamat Pagi. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang telah memberi kesempatan yang sama kepada saya untuk sama-sama memberi pandangan kepada Maksud Bekalan B.13 – Kementerian Luar Negeri. Saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk menyebut sama Butiran 040000 – Pusat Serantau Asia Tenggara dan Mencegah Keganasan bersama dengan Butiran 020100 – Hubungan Dua Hala.

Tuan Pengerusi, pertama sekali, saya ingin menyentuh tentang masalah keganasan yang dikaitkan dengan umat Islam. Pertama sekali saya menafikan 100% bahawa Islam terlibat sama secara langsung atau tidak langsung dengan keganasan yang berlaku di dunia sekarang ini. Sebagaimana yang saya ucapkan dalam ucapan baru-baru ini bahawa satu ketika dahulu bagaimana dunia melabelkan umat Islam ini lemah, tidak mempunyai teknologi canggih, tidak mempunyai ilmu yang begitu mantap.

Tiba-tiba apabila berlaku *accident* besar di mana Pusat Dagangan Dunia dibom pada 11 September 2001, maka dunia ataupun Amerika Syarikat telah mengutuk umat

Islam dan mengutuk Islam itu sendiri. Fenomena ini mesti difahami oleh umat Islam di seluruh dunia bagaimana Amerika Syarikat dan Yahudi telah semacam mengambil suatu keputusan untuk menyekat kebanjiran umat Islam dan menyekat kefahaman Islam itu sendiri tersebar ke seluruh dunia.

Pada tahun 1993, saya pergi ke Amerika Syarikat sama dengan wakil-wakil rakyat yang lain diberi kesempatan walaupun kami tidak diberi kesempatan oleh kerajaan tetapi kami turut mengatur lawatan dan saya berkesempatan ke sana pada tahun 1993, saya dapati untuk mendapati ayam yang disembelih dengan cara Islam pun payah hendak makan, terpaksa ke Chicago untuk mendapat bekalan makanan yang halal.

Pada tahun 1996 saya pergi lagi kali yang kedua ke Amerika Syarikat, saya pergi ke California, saya pergi ke Washington DC, pergi ke banyak negeri-negeri di Amerika Syarikat saya dapati bahawa di sana restoran-restoran Islam tersebar luas. Barangkali diperhatikan dan dilihat oleh pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat bahawa Islam ini kalau tidak disekat, mereka akan tersebar luas dan merupakan bahaya kepada mereka.

Maka, sekelip mata bila berlaku kejadian-kejadian sedemikian mereka terus menuding tangan mengatakan umat Islam yang melaksanakan kerja tersebut dan mengebom bangunan yang begitu hebat dan dikawal rapi oleh Amerika Syarikat. Saya menolak bahawa umat Islam telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kejadian ini, kerana Islam sendiri menggariskan satu garisan yang jelas (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) yang bermaksud: "Tolong menolonglah kamu, kerjasamalah kamu kepada perkara-perkara kebajikan dan kebaikan, kepada perkara-perkara takwa, kepada perkara-perkara kesejagatan, keselamatan, kemanusiaan dan jangan sekali-kali kamu tolong menolong kepada perkara-perkara yang membawa dosa dan membawa perseteruan, membawa pertelagahan di kalangan manusia".

Ini adalah suatu garis panduan yang diajar oleh Islam, bagaimana umat Islam terlibat. Kalau ada umat Islam yang terlibat, umat Islam ini nama sahaja umat Islam, tetapi mereka sebenarnya tidak mengamalkan ajaran Islam. Itulah yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. (*membaca sepotong hadis*). Nabi s.a.w. menerangkan bahawa suatu ketika nanti akan datang kepada umat manusia keseluruhannya di mana tidak

ada, tidak kekal dalam Islam atau nama sahaja Islam dan tidak kekal di dalam Al-Quran melainkan tulisan sahaja, hukum-hukum tidak diambil kira sangat.

Masjid-masjidnya tersergam indah tetapi tidak memberi hidayah, tidak membawa hidayah kepada manusia sejagat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Yang kedua, Tuan Pengerusi, kita melihat bahawa badan-badan dunia ini cukup banyak, daripada Asean, daripada Asia, daripada Eropah, daripada PBB dan saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Tetapi semakin hari semakin hebat, semakin hari semakin ganas dunia, semakin hari semakin ganas kuasa-kuasa besar mengatur dan menyusun strategi mereka untuk menelan negara-negara kecil, yang terakhirnya berlaku di Arab.

Saya belajar di Arab selama lima tahun, saya tahu bahawa orang Iraq tidak ada, askar-askar mereka tidak ada senjata-senjata berat sebagaimana yang dituduh oleh Amerika Syarikat. Jahat dia punya, akhir sekali dia menelan Iraq, dia menelan negara lain dan akhir sekali dia menghalakan senapang dia kepada Darfur. Saya baru balik dari Afrika Selatan. Saya melihat bagaimana dan saya tanya orang sana betulkah tidak. Dia kata tidak, ini adalah mainan Amerika Syarikat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Akhir sekali, Tuan Pengerusi, Malaysia juga mesti jaga keselamatan warganegara dia yang berada di luar negara. Saya bimbang apa yang berlaku kepada dua orang wanita Indonesia yang ditahan baru-baru ini. Kita bimbang takut berlaku di sana, maka ada orang yang mengambil kesempatan menuduh, ini kerja PAS, ini kerja *terrorist* daripada parti pembangkang.

Saya bimbang apa yang berlaku kepada dua orang warganegara Indonesia maka diambil kesempatan menuduh dan menuding jari kepada parti-parti pembangkang. Kerana itulah dua perkara mesti dijaga. Pertama sekali, politik dalam negeri. Tahanan ISA mesti diselesaikan segera. Saya bimbang tahanan ISA ini mesti diselesaikan dengan segera dan mesti dibicarakan mereka. Kalau mereka salah, hukumkan mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Jadi, keadaan yang sama juga berlaku, takut-takut berlaku, saya bukan menghala tetapi saya bimbang takut berlaku, takut Amerika Syarikat mengambil kesempatan culik orang kita .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** ..... kemudian terus kepada parti-parti pembangkang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Puteh.

**12.58 tgh.**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat peluang, masa singkat ini berharga. *Time is gold "al-waktu ke-zahab"*. Jadi, saya harap, Tuan Pengerusi, saya hendak bincang Butiran 020000 khususnya Butiran 020300 – Penerangan Luar Negeri kemudian Butiran 030000 tetapi saya ambil masa lima minit sahaja. Kemudian 030100 – Hubungan Serantau dan Perhubungan Antarabangsa Butiran 030000.

Kalau kita tengok dalam Al-Quran "*Liuz-hirohu 'aladdini-qullih*" dengan izin, Allah S.W.T. akan memenangkan kita atas yang lain-lain asalkan kita ini bersatu padu. Kita parti pembangkang atau parti kerajaan, mestilah dukung mendukung. Berbeza minda tetapi matlamat haruslah sama. Minta maafah parti pembangkang, saya tidak sebut parti mana tetapi parti pembangkang.

Terima kasih Pasir Mas tadi keluar hadis, saya hendak keluarkan hadis pendek sahaja. Dengan izin, tidak payah baca matanglah, baca matang panjang – "Akan berlaku atas umatku suatu zaman di mana umatku banyak, tetapi bagaikan buih di atas permukaan air". Sahabat bertanya "Ya Rasulullah", dia kata "Umatku pada masa itu bagaikan orang mengelilingi kita, orang katakan bagaikan kita menghadapi makanan dalam keadaan lahap".

Maka sahabat bertanya Rasulullah, "Kita sedikitkah pada masa itu?". "Tidak" Rasulullah kata, "Banyak tetapi bagaikan buih di atas permukaan air". Sebab apa, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kita tidak kuat kerana kita tidak bersatu. Saya menyatakan di sini ialah Arab mampu berpakat untuk berpecah. Betul tak? Bukan mampu berpakat untuk bersatu, belum sampai ke tahap itu. Termasuk

kita Malaysia. Malaysia ini apa kurangnya, kita berpakat tetapi masih belum bersatu benar-benar. Kalau hendak terima atau tidak terima itu pandangan saya. Tuan-tuan tidak mahu terima, itu Parlimen Pasir Puteh.

Kita kenalah kurangkan seteru, kurangkan musuh. Banyakkan kawan. Kita hendak lawan orang Yahudi, memang dalam Al-Quran [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ingatkah Baghdad pada kurun ke-13 Masihi, Islam Timur sudah runtuh akibat serangan oleh tentera Barat. Baghdad sudah jatuh pada kurun ke-13 Masihi. Sekali lagi jatuh selepas 11 September dan ranapnya *World Trade Centre* di Amerika Syarikat. Dia mengecap itu Islam walaupun tidak ada *proof*. Saya setuju tidak ada *proof* sampai hari ini. Tidak ada bukti. Tetapi kita tahu bahawa dia tidak senang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat habiskan sekarang atau hendak sambung dua tiga minit selepas pukul 2.30 petang?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya ingat saya tidak habis fasal saranan ada tiga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak mengapa, Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya hendak ambil 10 minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita sambung selepas jam 2.30 petang. Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pasir Puteh ada sedikit masa lagi. Sila sambung. *[Ketawa]*

**2.30 ptg.**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak akan mencurigai dengan masa yang terhad ini. Ahli-ahli Yang Berhormat cemburu, saya lebih lagi cemburu, insya-Allah.

Saya sambung sedikit Tuan Pengerusi. Saya hendak ulang balik sedikit sahaja. Tamadun Islam sebelah Timur runtuh akibat serangan tentera Mongol ke atas Baghdad pada 1258 Masihi bermula sebelum pertengahan kurun ke 13 Masihi, kejatuhan Kota Granada ke tangan tentera bersalib di Sepanyol di akhir kurun ke 15 Masihi dan kira-kira se abad lamanya Kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis.

Jadi, tiga sejarah ini cukuplah bagi kita kerana kita tahu penjajah tidak akan berhenti setakat itu. *Divide and rule* adalah sebagai satu dasar yang ditetapkan oleh mereka. Mereka tidak boleh memecahkan masyarakat kita tetapi mereka boleh memecahkan pemikiran. Sebab itulah saya mengajak dalam kita membahas dan membincang dalam Jawatankuasa iaitu di bawah 02000, khususnya dalam Kementerian Luar Negeri ini kita perlu mempertingkatkan salah satunya ialah mekanisme dan kecekapan para pegawai dan kakitangan kedutaan Malaysia di luar negara.

Kita bangga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan – semalam pun dia dapat Anugerah Cemerlang dalam mengurus kewangan - RM166 juta ini bagi saya cukup besar peruntukannya. Tetapi dalam cukup besar ini saya kira belum mencukupi untuk kita membawa anjakan paradigma (*paradigm shift*).

Saya dengar tadi, Ahli Yang Berhormat menyebut kita berani membuat anjakan paradigma di luar negara, membawakan imej Malaysia sebuah negara yang maju mengikut acuan sendiri, maka kita perlu tambah lagi kalau tidak cukup dalam RMK-9 nanti kita tambah lebih besar lagi supaya Ahli-ahli Parlimen pergi keluar negara jangan

lagi seperti Ahli Yang Berhormat bagi Santubong kata tidak diberi layanan kerana tidak diberi peruntukan. Setuju, ya? *[Disampuk] [Bercakap sambil memandang ke Blok F] Money is nothing*, kata orang Putih, yang kita perlunya *everything*.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Kita boleh sediakan *more facilities*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak perlu pandang ke sana.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengapa hendak pandang ke sana?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Minta maaf, Tuan Pengerusi . Saya bersemangat tadi. Yang keduanya – ini sudah masuk cadangan. Tidak ada ulasan lagilah. Yang kedua ialah kita hendak supaya Kerajaan Malaysia menubuhkan satu *task force* - kalau hendak kata komiti kekal itu takut tidak sesuai.

Tuan Pengerusi, kita hendakkan satu *task force* kerana kita OIC dan selain daripada OIC ialah NAM. Kita tidak boleh main-main, ini adalah satu amanah dan tanggungjawab yang besar kepada kita. Kepercayaan yang diberi oleh 57 buah negara jadi kita perlu ada satu - tidak payahlah kita namakan *select committee*, kita namakan satu jawatankuasa *task force* untuk mengadakan lebih banyak persidangan di negara kita.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, masa sudah cukup.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukup.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Seminit untuk digulung. Lebih banyak seminar antarabangsa dibuat di tempat kita, bukan sahaja hendak membincangkan isu-isu Islam tetapi juga dalam aspek ekonomi dan juga soal-soal politik.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya kita hendak supaya diaturnya penjelasan di luar negara. Saya cadang supaya di setiap kedutaan kita mesti ada *attache* agama kerana Islam Hadhari telah dijadikan salah satu daripadanya agenda kerajaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Kita wujudkan *attache* di beberapa buah negara termasuk di Amerika, U.K. dan juga beberapa negara yang banyak pelajar kita untuk memberikan penjelasan Islam dengan lebih menyeluruh. Dan kita hendak supaya

pihak kedutaan kita mestilah mengatur, panggil wakil-wakil Parlimen yang boleh bercakap ini termasuklah dari Sabah dan juga Sarawak untuk memberi penjelasan bagi setiap tahun tidak kurang daripada lima kali lima siri.

Saya rasa dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebelum saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab yang akhir ini saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tadi, Speaker telah buat keputusan. Yang Berhormat tadi tidak dapat berucap? *[Bertanya ke arah Ahli Yang Berhormat bagi Lipis]*

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** *[Menggelengkan kepala]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah. Saya beri kedua-duanya dengan masa lima minit. Ipoh Barat dahulu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan topik ini.

Pada 17 Julai 1998, satu *International Community* telah mencadangkan dan telah *set up an International Criminal Court*. Di antara objektifnya yang ternyata dalam *International Criminal Court*, dengan izin, "*securing universal respect for human rights and fundamental freedoms of individuals throughout the world, fight against impunity and the struggle for peace and justice and human rights in conflict situations in today's world*".

Tuan Pengerusi, walaupun *International Criminal Court* telah disediakan, akan tetapi saya difahamkan bahawa beberapa kerajaan di rantau ini tidak menandatangani perjanjian untuk mengiktiraf ICC dan mengguna pakai mengenai ratifikasinya di negara-negara itu. Saya ingin tahu dalam konteks ini apakah pendirian kerajaan dalam hal ini?

Saya ingin memetik apa yang telah dikatakan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kofi Annan dengan izin, "*There can be no global justice unless the worst of crimes – crimes against humanity are subject to the law. In this age more than ever we recognized that the crime of genocide against one people truly is an assault on all of us, a crime against humanity. The establishment of an International Criminal Court will ensure that humanity response will be swift and will be judged*".

Dalam hal ini, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan mengenai perkara ini? Adakah kita akan mengikut apa kehendak Amerika Syarikat? Apabila Kerajaan U.S. enggan menandatangani perjanjian untuk menjadi ahli dalam *International Criminal Court*, apakah kita memberi sokongan dengan tidak meratifikasikan ICC ini?

Saya difahamkan setakat November 2003, sebanyak 139 buah negara telah pun meratifikasikan perjanjian ICC. Ini adalah di antara perkara-perkara yang perlu kita tahu dan saya petik lagi satu perkara yang mustahak, dengan izin dalam bahasa Inggeris, "*The ICC is considered the missing link in the international legal system and it seen by many as one answer to the growing tracks of globalization. It is dealing with individual responsibility as an enforcement mechanism. The International Court of Justice at The Hague handles only cases between States but not between individuals. Therefore the establishment of the ICC is the landmark of event because the court is the first court ever that will be able to investigate and prosecute individuals accused of crime against humanity, genocide and war crime as well as to protect those who are deprived of justice*".

Tuan Pengerusi, di antara perkara-perkara yang lain yang mustahak ada beberapa cadangan yang telah dibuat bahawa Bangsa-bangsa Bersatu – *permanent representative* akan dilebihkan, *will be added*, di antaranya satu-satu negara yang telah dicadangkan oleh kerajaan Malaysia adalah Germany dan Jepun, apakah ini dua negara sahaja perlu menjadi satu *permanent representative* dalam *United Nation*, walhal ada beberapa negara yang lain yang mengadakan *bilateral ...* dan tali persaudaraan dengan kita dalam beberapa dekad. Adakah kerajaan akan mengabaikan negara-negara tersebut terutamanya adalah di antaranya adalah negara India, di mana saya difahamkan bahawa beberapa negara di dunia ini cadangkan bahawa negara yang kedua besar di dunia ini perlu menjadi satu *permanent representative* dalam *United Nation*.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu apakah pendirian kerajaan mengenai menjadi ahli dalam lima negara anggota-anggota yang menyertai dengan Amerika Syarikat, di mana adakah kerajaan akan menarik diri dalam hal ini memandangkan Amerika Syarikat terlampau terlibat dalam hak asasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan M. Kula Segaran:** Dan juga apakah perjanjian pertahanan dengan Amerika Syarikat yang ditandatangani pada tahun 1984, apakah terjadi kepadanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** baiklah, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Lipis. Lepas Lipis, Setiausaha Parlimen, jawab.

**1443 ptg.**

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan membincangkan Butiran 020000 - Hubungan Dua Hala dan Perancangan Dasar serta butiran 04000 - Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan.

Tuan Pengerusi, pada 4 hari bulan dalam akhbar *Utusan Malaysia* dinyatakan bahawa seorang Sultan telah ditabalkan bagi Kepulauan Sulu dan Borneo Utara. Dan ikrar sultan ini yang pertamanya adalah untuk mendapatkan kembali Sabah kerana beliau menganggap Sabah sebagai salah sebuah daripada Wilayah Sulu, jadi itu yang pertama. Yang kedua, beliau mengatakan bahawa Malaysia membantu pejuang gerila Islam Filipina untuk memerangi Manila. Jadi dua perkara di sini yang pertama sekali beliau nak menuntut Sabah supaya menjadi sebahagian daripada Kepulauan Sulu dan keduanya dakwaan bahawa Malaysia membantu keganasan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya fikirkan di sini ialah dalam hubungan dua hala antara kita Filipina dengan Malaysia, jadi soal-soal tentang wilayah ini sampai sekarang belum diputuskan dan saya percaya sehingga sekarang belum ada lagi Filipina mengatakan bahawa mereka tidak hendak menuntut Sabah. Jadi, benda ini saya percaya akan berterusanlah dan dia akan dibangkitkan lagi Sultan 'Ronei Not' daripada Sulu ini kerana beliau mengatakan beliau akan meminta sokongan daripada kerajaan Filipina, Manila untuk membawa perkara itu ICJ.

Jadi, di sini saya menyarankan supaya pihak Kementerian Luar Negeri membuat persediaan yang rapilah mengenai perkara ini supaya kita dapat menyelesaikannya pertamanya dari segi politik hubungan dua hala antara kita kerajaan Malaysia dengan kerajaan Filipina sebagai jiran dan juga sebagai rakan dalam ASEAN.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Apa, Larut kacau ke?.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, saya hendak tanya Yang Berhormat tentang Sultan Sulu, ya. Saya pun baru pertama kali dengar Sultan Sulu, ini. Apa pandangan, cadangan Yang Berhormat tentang untuk kita menghalang Sultan baru Sulu ini daripada tiba-tiba macam mimpi di siang hari untuk membuat tuntutan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mengigau, mengigau.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Mengigau, itu Sri Gading. Jadi, apa cadangan Yang Berhormat untuk menghalang, membendung Sultan Sulu yang pertama kali - saya juga anak raja juga - yang kenal *[Ketawa]*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Apa cadangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Apa cadangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Terima kasih, Yang Berhormat daripada Larut, fasal ia anak Raja juga *[Ketawa]*. Jadi, bagi saya yang pertama sekali Sultan Sulu ini memang kita tidak iktiraf kerana sultan yang kita iktiraf adalah Sultan yang mempunyai wilayah yang berdaulat, jadi tidak ada pengiktirafan, sebab itu pada masa dulu pernah ramai orang yang dapat 'Datuk' daripada kesultanan Sulu dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah ini semua berkaitan dengan butiran yang kita bangkitkan.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada ya.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Sebab hubungan dua hala.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulunglah.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Okey. Sudah habis masa, dia kacau saya tadilah *[Ketawa]*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itulah Yang Berhormat benarkan dia kacau.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** *[Ketawa]*. Jadi, rasa saya kita lawan dia habis-habisan ya, jadi di sini apa yang perlu kita fikirkan ialah bagaimana kita dapat memperkuatkan, kita harus memperkuatkan butiran ini, penerangan di luar negara supaya kita dapat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Masa, masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sambung sikit Yang Berhormat, Lipis. Saya hendak cadangkan yang mana dapat Datuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya minta pihak kerajaan jawab *[Ketawa]*.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang mana dapat Datuk daripada Sulu ini tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sudahlah, saya minta pihak kerajaan jawab *[Ketawa]*.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kita cadangkan yang mana dapat Datuk ini daripada Sulu, serah balik Datuk.

**Seorang Ahli:** Gangguan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut, Peraturan Mesyuarat, dia tidak beri kebenaran jangan berucap. Cukup-cukup. Baiklah, baiklah. Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Yang itu, saya setuju. Jadi sebagai menggulung ya, kita minta perkuatkan yang pertama sekali Butiran 2020300 - Penerangan Luar Negeri dan juga 400 ini....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, boleh saya buat sikit, pembetulan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Minta penjelasan ataupun apa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sebenarnya saya ingin hendak memperbetulkan kepada Lipis fasal dia punya kenyataan itu boleh mengelirukan, Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi, soal Sultan Sulu itu usah campur, itu urusan dia dengan keluarga dia, itu usah campur, itu urusan dia. Yang kita hendak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat berniat hendak buang masa sahaja, tidak aah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, Tuan Pengerusi, tidak saya dengan Filipina sahabat supaya kenyataan kita, supaya kita sebuah negara tidak ambil campur tangan hal negara lain, jadi soal kesultanan itu suka dia. Jangan kita pertikaikan, cuma kita membantah ataupun kita tidak bersetuju tuntutan dia kepada Sabah, itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. Tadi kata sudah gulung.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Belum lagi. Fasal dia ganggu sekejap tadi.

**Seorang Ahli:** Gulung tikar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Jadi, sebagai penggulungan kita minta yang pertama sekali bagi saya penerangan luar negeri itu diperkuatkan dan kedua Butiran 04000 - Pusat Serantau bagi Menentang Keganasan itu diberi tambahan peruntukan supaya kajian boleh dibuat ya, untuk memastikan betul dan kita menerangkan kepada dunia bahawa kita memang menentang keganasan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**14.49 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 15 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian daripada Kubang Kerian, Kudat, Larut, Kuala Terengganu, Santubong, Sri Gading, Kinabatangan, Seputeh, Air Hitam, Putatan, Jerai, Pasir Mas, Pasir Puteh yang dua tadi Ipoh Barat dan juga Lipis.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya amat terpegun dengan kualiti perbahasan yang dibawa oleh ahli-ahli di peringkat jawatankuasa ini, yang meyakinkan saya bahawa memang rakyat jelata tidak silap memilih ahli-ahli dari Barisan Nasional

*[Tepuk]* kerana 199 ahli Barisan Nasional ini mereka sebenarnya daripada golongan yang berpendidikan tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, 15 juga ada termasuk pembangkang. *[Disampuk]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Nanti saya komen pasal pembangkang. Mereka juga sebenarnya amat berpendidikan tinggi, adalah golongan profesional dalam bidang masing-masing dan bukan sahaja prihatin terhadap masalah kawasan mereka, tetapi sangat prihatin tentang masalah dunia dan hubungan Malaysia dengan dunia luar.

Dalam menyentuh isu dunia sejagat ini, Tuan Pengerusi, 12 orang ahli Barisan Nasional dan tiga orang ahli pembangkang telah menyertai perbincangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Empat, Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Empat orang daripada pembangkang. Malah bila saya lihat daripada perkara-perkara yang dibangkitkan sama ada ahli-ahli UMNO, ahli-ahli Barisan Nasional ataupun daripada parti pembangkang, saya dapat lihat bahawa isu-isu yang dibangkitkan adalah sama sahaja. Dengan kata lain, apabila menyentuh kedaulatan dan hak patriotik Malaysia, Ahli-ahli Parlimen tidak kira daripada pembangkang atau Barisan Nasional akan tetap mempunyai semangat patriotik kepada negara. *[Tepuk]* Mereka akan terus mempertahankan negara, saya yakin apabila perkara ini dibangkitkan di mana-mana forum. *[Disampuk]*

Saya sungguh gembira tentang ahli daripada DAP dan juga PAS, yang sayangkan negara kita. Apabila saya lihat pembentangan oleh wakil dari Kubang Kerian dan juga dari Pasir Mas, saya tidak dapat membezakan sama ada mereka dari pembangkang ataupun dari Barisan Nasional. Jadi, eloklah kawan saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan juga Yang Berhormat bagi Pasir Mas memikirkan macam mana hendak masuk UMNO atau Barisan Nasional. *[Disampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mungkin, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Pengerusi, izinkan saya teruskan. Yang Berhormat bagi Kudat, Larut, Jerai, Sri Gading menyentuh tentang kebajikan kakitangan kedutaan kita di luar negara. Keprihatinan Yang Berhormat tentang kebajikan ahli-ahli perwakilan kita di luar negara sangatlah disanjung tinggi oleh Wisma Putra. Saya yakin dan percaya selepas ini apabila Ahli-ahli Parlimen kita melawat ke

luar negara, mereka akan diberi sambutan yang baik kerana mereka melihat keprihatinan, kebajikan, pegawai-pegawai kita di luar negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut hendak tanya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Baru mukadimah, sudah mahu tanyakah?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya pun tumpang banggalah sebab waktu saya di Paris..... *[Disampuk]*  
*[Dewan gamat seketika]*

Saya pergi ke mesyuarat IPU, wakil tetap kita di UNESCO, Yang Berbahagia Dato' Dr. Noor Azmi Ibrahim, sanggup memberi saya, bukan sahaja tempat tidur, bahkan melayan saya *[Disampuk]* makan minum....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya, bila mulut ada makan sesuatu, jangan cakap. *[Disampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak! Jadi, maknanya Yang Berhormat, saya rasa bangga kerana layanan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bila makan macam mana hendak cakap. *[Disorak]* Habiskan makanan dahulu, baru tanya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak makan sebenarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Adalah..... *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merakamkan di sini, direkodkan, betapa ada perwakilan kita yang begitu prihatin, walaupun mereka tahu yang kita ini wakil rakyat. Jadi, saya berharap parti pembangkang sebelah sana janganlah bila keluar ke luar negara 'mengocok-ngocok' perwakilan kita di sana. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Apa 'ngocok-ngocok'?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut tentang pujian kepada kedutaan kita di Paris yang telah disampaikan. Saya pasti lepas ini mereka di luar negara akan lebih gembira dengan apa yang diceritakan. Tetapi, saya ingin berkongsi sedikit, Tuan Pengerusi, tentang apa yang berlaku sebenarnya di kedutaan kita di luar negara.

Apabila mereka ini ditugaskan untuk pergi ke kedutaan-kedutaan, di perwakilan-perwakilan kita yang terdapat 100 buah perwakilan di seluruh dunia sekarang ini - dua akan dibuat pada tahun depan, jadi 102 perwakilan seluruh dunia ini – apabila mereka pergi sahaja sekurang-kurangnya mereka akan ke sana setidaknya-tidaknya tiga tahun. Kadang-kadang mungkin empat atau lima tahun.

Apabila pergi sahaja ke sana, kita beri tiket pergi dan kita akan beri tiket pulang. Itu sahaja. Pergilah di sana tiga tahun, empat tahun, lima tahun, apa jadi, kita akan ambil tahu, tetapi tidak ada tiket untuk kembali dalam masa tiga tahun itu, kecuali mereka yang tinggal di negara-negara *hardship*, yang pernah saya ceritakan di Dewan ini, sebelum ini. Negara-negara sengsara atau *hardship* ini diberi satu kali sahaja tiket balik.

Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat ada anak-anak pegawai kedutaan kita yang setelah dilahirkan di luar negara tidak pernah pulang selama tujuh, lapan tahun. Mereka tidak kenal apakah itu negara kita, Malaysia. Mereka dilahir, dibesarkan di luar negara. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini juga, apabila mereka ada anak di sekolah menengah.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta laluan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ya, sekejap sahaja. Apabila mereka ada anak di sekolah menengah, mereka terpaksa membiayai cuma 85% sahaja daripada kos sekolah, lagi 15% itu dibelanjakan oleh – 85% kena bayar oleh kerajaan, 15% dibayar sendiri. Itulah susah apabila ada anak yang mengikut mereka di luar negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat. Mana satu?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mana satu, Sri Gading atau mana satu?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ramainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kudat, Yang Berhormat bagi Santubong.....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading selepas saya. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya berterima kasihlah dengan Setiausaha Parlimen, sebenarnya saya pernah membawa perkara ini berkali-kali di Dewan ini, menyatakan kebajikan untuk pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negara, sebagai orang yang *front liner* untuk memartabatkan negara ini di luar negara, mesti diambil kira kemudahan dan kebajikan mereka. Tetapi ini telah tidak diambil tindakan sebagaimana Yang Berhormat sendiri sekarang sedia maklum.

Jadi, adakah kerajaan, kementerian sudah bawa perkara ini kepada kerajaan dan kenapakah perkara ini masih berlaku selama ini. Saya pernah sebut kereta mereka, kitalah di belakang sekali kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang jauh lebih di belakang dari segi kemakmurannya, daripada kekayaannya, tetapi masih juga. Saya menyebut tahun 2000, saya pergi ke Poland, umpamanya, saya menyebutkan kereta Volvo 240 masih dipakai oleh pegawai kita. Saya pergi ke Moscow, saya masih jumpa kereta Station Wagon yang umur akhir tahun 70-an masih dipakai oleh pegawai kita.

Hingga pegawai berjumpa saya, Yang Berhormat saya malu hendak pakai kereta embassy, saya pakai kereta peribadi saya, bawa Yang Berhormat kerana kereta yang saya pakai itu mungkin Yang Berhormat akan caci nanti, kata dia. Saya tidak mencaci, saya hendak tengok juga, saya kata. Bila saya tengok, Tuan Pengerusi, saya jumpa kereta Station Wagon, macam kereta orang bawa sayur daripada kawasan Santubong pergi ke pekan Kuching.

Jadi, inilah nampaknya. Saya hendak tanya adakah secara strategik, secara terperinci, kementerian Yang Berhormat telah meminta kepada kerajaan, berbisik-bisiklah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bawalah kepada pegawai-pegawai kerajaan atasan yang memberi keputusan ini, supaya memartabatkan sedikit, melihat sedikit, tunjuk sedikit supaya orang-orang kita janganlah mati kereta di tengah jalan seperti yang berlaku di Poland. Bawa 240 mati tengah jalan.

Saya tanya, "Siapa punya kereta?" "Ini *Malaysian Embassy* punya kereta". *[Ketawa]* Apa ini, Yang Berhormat. Saya pun rasa terkilan. Pada masa itu saya pernah menyebutkan sebuah negara yang begitu tertekan sekali oleh sebab ekonomi berlaku pada ketika itu, membeli S Class 6 biji untuk kedutaan mereka. Hendak buat satu perumahan. Indonesia hendak buat satu bangunan, pejabat *embassy* di Poland, tiga kali lebih besar daripada yang ada pada ketika itu. Malaysia tidak boleh *celebrate*

Hari Kebangsaan Malaysia pada tahun 2000 di Poland, oleh sebab tempat kediaman duta tidak mencukupi hendak panggil semua *ambassador* datang ke pejabat, ke rumahnya.

Jadi, kena buat dua kali, kata dia. Hendak buat di hotel, hotel punya *reservation* tidak ada dan kosnya begitu tinggi. Saya hendak hantar faks ke Malaysia, dia kata faks kami rosak, Yang Berhormat, kita hendak pergi ke *corner* sana, pakai faks *commercial*. Jadi orang lain punya disewa. *Embassy* tidak ada *faks machine*. Jadi saya mintalah budi bicara Dato' bincang-bincang dengan Timbalan Menteri, Menteri, Perdana Menteri supaya perkara-perkara yang ganjil dan pelik ini tidak berlaku lagi dengan pegawai-pegawai kita di luar negara.

Janganlah memakai *fax machine* perkara yang *secret*, perkara yang rahsia yang kita hendak hantar menggunakan *fax machine* orang lain. Ini berlaku, bila saya berbincang dengan *ambassador* kita, dia kata, "Yang Berhormat, saya minta maaf," katanya, "saya ini pegawai kerajaan tidak boleh bercerita". Jadi, saya bukan pegawai kerajaan, saya hendak berbicara, saya wakil rakyat, saya hendak memartabatkan negara ini, menunjukkan kepada orang luar yang kita boleh!

**Beberapa Ahli:** Ya, ya. [*Tepuk*]

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya tidak ada batasan, saya minta kepada kementerian macam mana Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Ha! hentam sekali.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat kerana keprihatinan kepada masalah yang telah dibangkitkan. Sebenarnya kita di Wisma Putra telah 'minta pun sudah, bisik pun sudah, rayu pun sudah' tetapi untuk tahun 2005 ini peruntukan kita dikurangkan sebanyak RM69 juta. Jadi, tentang kebajikan dan peralatan ini kita akan cuba...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Kita minta tambah, ia kurangkan lagi.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ...bahagi-bahagikan setakat mana bajet yang diberi walaupun dari tahun lepas hingga ke tahun ini, kita dapat pengurangan sebanyak RM69 juta, walaupun komitmen kita dan juga kedutaan dan juga kakitangan kita bertambah.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kudat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Izinkan saya terus. Yang Berhormat bagi Kudat, ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menambah tentang masalah yang timbul di perwakilan kedutaan luar negara. Di Taiwan [*Ketawa*] Ini adalah pengalaman peribadi saya, sebenarnya kadang-kadang kita amat malu kerana negara-negara yang boleh dikatakan lebih mundur dari kita seperti Indonesia misalnya, kalau dibandingkan dari segi kemampuan ekonomi, mereka mempunyai keupayaan yang lebih. Misalnya sebagai contoh saya berikan iaitu mengenai elaun keraian. Elaun keraian sahabat saya dari Indonesia, dia mengatakan, "Saya tidak ada had, *no limit, I can spend because anything* yang saya boleh gunakan untuk kepentingan negara saya, saya boleh membelanjakan wang daripada yang telah diberikan oleh kerajaan saya". Sedangkan saya pada ketika itu hanya boleh membelanjakan RM1,500 satu bulan untuk elaun keraian, sedangkan perbelanjaan kehidupan di Taiwan pada ketika itu adalah terlalu mahal.

**Seorang Ahli:** Betul!

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Demikian juga dari segi kebajikan-kebajikan yang lain seperti yang disebutkan tadi bahawa sebenarnya ada *revision* mengenai elaun pendidikan bagi anak-anak pegawai kedutaan. Pada ketika itu sebenarnya baru sahaja di *revise* pergi ke 85%, sebelum itu sebenarnya 50%. Bererti kalau sekiranya perbelanjaan pendidikan seorang anak satu bulan sehingga RM5,000 di American School. Pegawai itu terpaksa menanggung 50% dan baru-baru ini di *review* kepada 85%, sepatutnya tidak perlu 85%, sepatutnya 100%, sepatutnya harus ditanggung oleh kerajaan.

**Beberapa Ahli:** Ya! Betul. [*Tepuk*]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Jadi, saya mintalah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Perdana Menteri pun bekas Menteri Luar Negeri, saya percaya beliau bersimpati dengan nasib masyarakat pegawai-pegawai kita di luar negara. Aspek kebajikan ini harus diberikan perhatian. Sebahagian *mission* sebenarnya mereka ini sebagai ketua perwakilan hanya diberikan EPSH RM3,000 seperti mana mereka yang bertugas di Bangladesh. EPSH sepuluh tahun tidak di *review* apabila di *review* cuma 10% diberi, sedangkan dalam jangka masa sepuluh tahun itu kadar inflasi sudah meningkat beberapa percent.

**Beberapa Ahli:** Kasihan, apa tu! Jadi mintalah kerajaan meluluskan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Jadi, mintalah Yang Berhormat teruskan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Memang benarlah seperti apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat. Ada negara-negara lain yang lebih mundur dari kita, negara-negara ASEAN yang mereka tidak ada had untuk *entertainment allowance* atau elaun keraian tetapi untuk negara kita..

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Bangun]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap Yang Berhormat, untuk negara kita ini bergantung pada .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya suka memaklumkan kita ada lagi satu kementerian untuk kita bincangkan nanti ya.

**Seorang Ahli:** Duduk adalah lebih baik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Menyampuk]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Pengerusi, elaun keraian seluruh dunia untuk..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap lagi boleh? Untuk *head of mission* kita ada tempat-tempat yang cuma RM500 sebulan dan ada tempat-tempat cuma RM3,000 sebulan. Jadi, kalau duta-duta ini hendak *entertain* jiran-jiran negara di sana sekali makan sahaja habislah, tidak payah banyak kali makan, sekali *dinner* sahaja mungkin habis. Jadi, ini adalah satu perkara yang perlu dilihat secara lebih mendalam dan saya yakin dengan suara-suara lantang dari Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen hari ini mungkin Kementerian Kewangan dan kerajaan dapat melihat ini dengan lebih terperinci, bagaimana *front line* kita, di kedutaan kita di luar negara ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dengan memberi mereka lebih peruntukan menceritakan kebaikan negara ke seluruh dunia. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, kita melihat bahawa Kementerian Luar Negeri ini merupakan satu kementerian yang *front liner*, yang ke hadapan terlebih dahulu sebelum mana-mana pemimpin mana-mana negara mengetahui dan turun ke negara kita. Sebagai pemimpin-pemimpin *front liner* ini saya rasa sudah tiba masanya untuk kementerian dan kerajaan *review* peruntukan-peruntukan ini, tidak relevan lagi kalau diadakan

kepada pertubuhan *human right*, mungkin Kerajaan Malaysia boleh menerima risikonya, sebab berpuluh-puluh tahun akta yang ada sedangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan akta-akta ataupun enakmen-enakmen yang sudah lapuk, yang tidak lagi relevan, tidak lagi boleh diterima pakai pada hari ini harus dikaji dan ditukar.

Saya juga difahamkan bahawa kedutaan kita di luar negara kebanyakannya bangunan disewa, sewanya satu tahun lebih kurang RM350 ribu. Kalau sepuluh tahun RM3.5 juta, sudah boleh membeli bangunan yang baik. Jadi, tidakkah kementerian ini mengkaji dan mencadangkan kepada kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Sebab bagaimana patutlah banyak negara-negara tidak menghormati negara-negara kecil ini, sebab dia tahu tidak ada kekuatan, alasan peruntukan tidak cukup. Manalah patut saya tidak setuju dengan peruntukan Kementerian Luar Negeri dipotong RM69 juta, ini tidak masuk akal. Kalau boleh bagi saya, saya mencadangkan peruntukan ini ditambah dan..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Lagi banyak, lagi banyak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** ...harus diteliti peranan pegawai-pegawai, wakil-wakil delegasi kita. Saya mengambil contoh rakan saya Yang Berhormat bagi Kudat dia berhenti daripada kedutaan sebab dia tidak tahan, tidak cukup belanja, bagus menjadi wakil rakyat dia cakap [*Ketawa*]. Jadi, nanti ramai lagi duta-duta kita yang berhenti susahlah kita. Jadi, Yang Berhormat kena membawa perkara ini ke dalam mesyuarat Kabinet, *Post Cabinet*, Pasca Kabinet minta kerajaan menambah peruntukan untuk memastikan bahawa negara kita berada di landasan yang benar, ekonomi kita kukuh, jangan cakap tidak ada duit, tidak ada duit, siapa mahu hormat kita, betul tidak Tuan Pengerusi? Terima kasih Tuan Pengerusi. [*Ketawa*]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan di atas cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat. Saya ingin memaklumkan di sini walaupun peruntukan kita agak kurang, saya yakin dan percaya kakitangan perwakilan di luar negara akan terus memberikan komitmen yang tinggi, akan terus bekerja kuat dan akan terus berusaha sedaya upaya, berkorban demi masa dan tenaga, demi negara yang tercinta ini.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Pengerusi, sahabat saya Setiausaha Parlimen. Bila kita bercerita fasal duit malulah. Kita ke arah negara maju, kita ke arah *trading nation*, kita lihat itulah sebabnya CNN dan juga akhbar-akhbar antarabangsa tidak ada segan silu dengan kita. Kita lihat negara jiran kita apa yang tidak buat tentang hak asasi manusia, tentang politik, bagaimana dia hentak pembangkang, tetapi satu surat khabar luar negara pun tidak keluar fasal apa? Dia juga ada politik wang kongsi. Jadi, kedutaan kita, Kementerian Luar Negeri kita kena lengkap soal ini, contohnya negeri jiran, tidak ada langsung kayu balak tetapi dia boleh mengeluarkan sijil CITES untuk balak.

Dia menjadi segala balak-balak import yang diseludupkan daripada Indonesia, pangkalannya di negara jiran kita, siap dengan sijil, siap dengan apa.. tidak ada satu *green peace movement* pun yang menunjuk perasaan terhadap dia. Fasal apa? dia ada *money politic*. [Tepuk]

**Beberapa Ahli:** Yah! [Tepuk]

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Jadi, kalau pembangkang hendak sebut tentang *money politic* itu, main jauh-jauh sedikitlah. [Disampuk] *We are behind time*. Jadi, saya berharap dengan ada perbekalan, peruntukan kewangan kita berharap Wisma Putra juga Kementerian Luar Negeri ini diberi bekalan yang cukup supaya CNN atau apakah, banyak cakap, kita nah, nah, senyap semua. [Disampuk]

Negara jiran kita apa yang dia tidak buat? Kalau ada parti pembangkang macam DAP, bankrap sudah semua itu. Tetapi di mananya akhbar antarabangsa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** ...ada dia pukul negeri jiran kita?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak perlu buat ceramahlah, cukuplah. [Ketawa]

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tidak Tuan Pengerusi, pasal geram sedikit, Tuan Pengerusi pasal duit tidak cukup. Kita berharap supaya Kementerian Luar Negeri dibekalkan dengan secukup mungkin kerana ini mewarnakan dan mewajahi negara kita di peringkat persada dunia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, Yang Berhormat. Baik.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat, kita ambil maklum. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Jasin, banyak kakitangan

perwakilan kita sebenarnya berasal dari Jasin juga. *[Disampuk]* Jadi, kita akan juga mengambil kebajikan mereka seperti juga kakitangan yang lain.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dari Jasin juga.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey, Tuan Pengerusi, kita di sini bertungkus-lumus memperjuangkan para diplomat di luar negara, tetapi jangan lupa apabila Ahli Parlimen keluar negeri, layanan perlulah setimpal, ingat, ingat, ingat itu. *[Tepuk]*

Keduanya, saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beranggapan bahawa orang yang pernah menjadi diplomat ataupun *head of mission* dilantik sebagai Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri ini lebih elok kerana mereka lebih faham apa masalah yang dihadapi. Apa pandangan Yang Berhormat? *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kudat ada pernah bertugas.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya ingin memaklumkan seperti yang saya jawab dalam Dewan sebelum ini, kalau ada...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kepong? Sekejap, bagi saya jawab dulu ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia belum jawab lagi.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Seperti yang saya maklumkan kepada Dewan sebelum ini, Tuan Pengerusi, kalau ada Ahli-ahli Parlimen yang akan ke luar negara, sila maklumkan kepada Wisma Putra dan kepada saya dan insya-Allah kakitangan kita akan tunggu di sana untuk beri layanan sebaiknya kepada Yang Berhormat.

Tentang sama ada diplomat sendiri patut menjadi Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, saya berpandangan berbeza.

Saya rasa Ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli politik sepatutnya pergi menjadi duta, lagi bagus. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, tadi pandangan Yang Berhormat bagi Jasin itu tidak bernas. Kita di dalam DAP, penjelasan ya Yang Berhormat, pandangan kita memang bernas. Yang pertama, kita hendak tahu di Rusia sekarang, di Moscow, kita minta satu bidang tanah di tepi *chancellery* sekarang hendak bina satu bangunan *chancellery* untuk Malaysia. Tetapi apakah perkembangannya sekarang, sama ada kita berjaya untuk mendapat satu tapak bagi bangunan *chancellery*, bukan sahaja hendak layan Ahli-ahli Parlimen daripada sini sahaja. *[Disampuk]*

Kita pergi ke Phnom Penh ada layanan baik juga, bukan tidak ada dan Yang Berhormat bagi Jasin tidak tahu langsung. Saya hendak minta, apakah perkembangannya sekarang dan selanjutnya saya nampak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berucap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan begitu lantang dia berkata bahawa *multilateralism* adalah satu-satunya cara untuk melaksanakan resolusi dan keputusan berhubung keamanan dan keselamatan global dan sebagainya, apakah perkembangan selanjutnya selepas ucapan yang begitu lantang di PBB?

Saya berharap ini dapat dijawab, bukan hendak layan Ahli-ahli Parlimen sahaja. Itu tidak cukup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat pun Ahli Parlimen juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak seperti Yang Berhormat bagi Jasin. Kita ada cadangan yang bernas. *[Ketawa]* Tidak serupa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggu jawapan dahululah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu jawapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, tunggu jawapan dahulu.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Memang dalam jawapan saya nanti saya akan sebut, tetapi Tuan Pengerusi, saya ada 30 muka surat, sekarang baru muka surat nombor satu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, tidak payah benarkan, tidak perlu beri laluan. *[Disampuk]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kalau perlu, baiklah. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pandangan Malaysia terhadap China dan juga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi tentang negara China sebagai kuasa ekonomi.

Sejak tahun 2001 lagi, Malaysia telah mengeluarkan kenyataan menyokong kemasukan Republik Rakyat China ke dalam WTO. Malaysia percaya kemasukan ini sebenarnya telah *long overdue*, telah lama kita nantikan. Jumlah dagangan antara Malaysia dengan China pada tahun 2002 adalah RM43,333 juta tetapi apabila sampai tahun 2003 telah meningkat kepada RM53,617 juta dan tahun ini sahaja antara Januari dan Februari, kita telah mencapai nilai dagangan sebanyak RM9,278 juta.

Ini menandakan hubungan antara kita dengan negara China adalah baik dan kita tidak menganggap negara China sebagai satu perkara yang perlu kita ambil ringan, sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah awal-awal lagi melakukan lawatan ke China dan kita akan mengambil segala peluang dan kesempatan yang ada untuk berurusan dan berniaga dengan negara China.

Tentang dagangan dengan OIC, Tuan Pengerusi, pada tahun 1999 jumlah dagangan antara negara-negara anggota OIC ini yang Yang Berhormat semua bangkitkan, sebenarnya cuma 15% daripada dagangan dunia. Maknanya antara negara-negara OIC ini, kita cuma berniaga sebanyak 15% sahaja sesama sendiri. Ini adalah sesuatu yang cukup kurang dan sepatutnya Yang Berhormat bagi Sri Gading cukup prihatin, beliau hendak supaya peningkatan ini dibuat, tetapi hakikatnya atau kenyataannya cuma 15% daripada *infra trade* negara-negara OIC ini dilakukan sesama sendiri dengan 62.4% dibuat dengan negara-negara industri yang lain.

Boleh saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa negara-negara OIC ini, Yang Berhormat, terdiri daripada 22 negara LDC iaitu negara-negara yang *Least Developed Countries*, negara yang cukup kurang dari segi pembangunannya. 15 negara adalah berpendapatan sederhana dan 13 negara adalah pengeluar minyak. Jadi, rata-rata anggota-anggota OIC ini adalah lebih banyak yang miskin daripada yang kaya.

Tentang Myanmar, Tuan Pengerusi, saya ingin maklumkan bahawa prinsip negara kita tidak mencampuri hal ehwal dalam negara asing. Berdasarkan prinsip ini dan atas dasar menghormati kedaulatan sebuah negara asing, bukanlah menjadi

amalan kita untuk menentukan tindakan-tindakan yang harus diambil oleh negara itu semata-mata berdasarkan tekanan antarabangsa.

Jadi, walau bagaimana besar pun tekanan antarabangsa, kita tetap dengan pendirian kita bahawa kita tidak mahu mencampuri hal ehwal negara lain. Namun begitu, kita akan terus mengadakan, dengan izin, *constructive engagement* dengan negara Myanmar melalui saluran-saluran diplomasi.

Dalam interaksi dalam peringkat paling tertinggi, kita kerap kali menyuarakan pendirian yang sejajar dengan pandangan antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan kepada pihak pemimpin Myanmar bahawa proses *national reconciliation*, dengan izin, yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Myanmar haruslah disertai oleh semua pihak tanpa pengecualian.

Pihak Myanmar secara terus telah menyampaikan kepada negara kita akan masalah-masalah yang dihadapinya dan perlu diatasi sebelum mereka dapat memenuhi tuntutan-tuntutan yang disuarakan oleh masyarakat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, ada Yang Berhormat tadi menyentuh tentang definisi dan istilah "keganasan antarabangsa..."

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan tentang Myanmar.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sila, sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baru-baru ini Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kofi Annan, ada buat seruan yang terbuka kepada junta *military* Myanmar supaya membenarkan wakil-wakil UN ialah duta khas beliau, Tan Sri Razali Ismail dan *special rapporteur* mengenai hak-hak asasi Vinhero yang dua-dua ada tidak dibenarkan untuk masuk ke Myanmar, Tan Sri Razali tidak dibenarkan masuk semenjak Mac tahun ini dan menunjukkan sikap yang tidak rela untuk bekerjasama dengan komuniti *international*, apakah pendirian Malaysia?

Adakah pendirian Malaysia pun rasa bahawa Myanmar patutlah atau wakil junta Myanmar patutlah lebih bekerjasama dan *open*, terbuka dalam perkara ini.

Mengenai *National Convention* yang ada dijalankan di Myanmar selama tiga bulan ini, bukankah pemecatan Menteri Luar Myanmar baru-baru ini menunjukkan satu sikap lebih *hard-line* dalam isu ini dan adakah perkara ini akan menjadi satu kajian oleh Kerajaan Malaysia dan ASEAN supaya tidak akan timbul satu krisis ASEAN apabila menghadapi perhubungan dengan sama ada EU atau UN?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Wisma Putra maklum tentang apa Yang Berhormat bangkitkan tadi dan kita akan terus menggunakan saluran diplomasi dan perbincangan kita untuk memujuk pihak Duta di Myanmar untuk membenarkan Tan Sri Razali untuk mengadakan rundingan semula di Myanmar.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang Yang Berhormat bagi Kepong tadi tentang soal tanah di Rusia, sebelum saya terlupa nanti. Sekarang ini kerajaan adalah dalam peringkat terakhir, *final stage*, dengan izin, untuk menandatangani perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Badan Pembangunan Hartanah Moscow untuk tapak kedutaan kita. Kita sudah *about to finalize the deal*, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Seputeh bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Bagi saya jawab dulu....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen belum berikan laluan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kemudian, kemudian.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okay.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya ingin menyentuh tentang definisi dan istilah keganasan antarabangsa yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi. Setakat ini masyarakat antarabangsa belum mencapai satu definisi keganasan antarabangsa. Malaysia sememangnya berpendirian bahawa dalam usaha menangani keganasan antarabangsa secara komprehensif, satu definisi atau istilah keganasan yang padat dan sejagat perlu dicapai. Ini adalah untuk memastikan bahawa masyarakat antarabangsa mendefinisikan perbezaan keagamaan sebenar dengan tindakan para pejuang kebebasan dengan sah, usaha mendefinisikan keganasan ini

juga perlu dibuat dengan membezakan antara keganasan yang dilaksanakan oleh individu atau keganasan yang dilaksanakan oleh sebuah negara iaitu *state terrorism*.

Dengan adanya satu definisi keganasan yang sejagat, masyarakat antarabangsa akan lebih berupaya menangani segala gejala tersebut secara komprehensif khususnya dalam mengenal pasti faktor-faktor akar umbi atau punca-punca berlakunya tindakan keganasan. Di persidangan-persidangan antarabangsa, Malaysia telah secara efektif menyeru masyarakat antarabangsa supaya melaksanakan usaha supaya mencapai satu definisi yang sejagat dalam hal ini. Malaysia seiring menyeru agar satu persidangan antarabangsa diadakan untuk mencapai definisi tersebut dan bagi tujuan tersebut, Malaysia berpendapat bahawa pihak PBB adalah organisasi yang paling sesuai dalam melaksanakan inisiatif tersebut.

Beberapa Ahli Yang Berhormat tadi telah menyentuh tentang Institut Latihan Diplomas (IDHL) yang kita ada. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini IDHL menawarkan lima kursus iaitu kursus bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, bahasa Jerman dan bahasa Inggeris dalam kursus-kursus yang dibuat di pusat latihan kita. Jadi pegawai-pegawai muda kita juga diwajibkan mengikuti kursus tersebut dipanggil Kursus Latihan Diplomas selama empat bulan di IDHL untuk mempertingkatkan profesionalisme mereka. Program-program bahasa Inggeris dan satu lagi bahasa asing diwajibkan untuk mereka semasa mengikuti latihan tersebut. Jadi secara keseluruhannya, kita juga ingin memastikan bahawa kakitangan yang kita hantar ke perwakilan asing itu mempunyai *multi-lingual* iaitu boleh berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain yang akan memudahkan urusan mereka di negara-negara yang mereka wakili Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh cadangan Amerika Syarikat menempatkan tenteranya di perairan Malaysia iaitu di Selat Melaka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Sebagai negara pesisir Selat Melaka, Malaysia dan juga Indonesia mempunyai kedaulatan dan bidang kuasa ke atas Selat Melaka. Agensi penguatkuasaan Malaysia sentiasa melakukan rondaan dan pemantauan di bahagian-bahagian zon maritim Malaysia di Selat Melaka ini. Ia adalah bagi memastikan aktiviti-aktiviti rompakan laut, penyeludupan dan rampasan serta memastikan kepentingan dan keselamatan Malaysia sentiasa terpelihara.

Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Indonesia dan Singapura dalam menjaga keselamatan di Perairan Selat Melaka dan Selat Singapura melalui

Pelaksanaan Rondaan Terselaras (*Coordinated Patrol*) sepanjang tahun ini di mana agensi penguat kuasa negara yang berkenaan akan melakukan rondaan di kawasan zon maritim masing-masing pada waktu yang sama. Dalam usaha untuk membanteras ancaman-ancaman yang tidak konvensional pula, Malaysia berpendapat bahawa kerjasama antara Malaysia dan negara-negara pesisir Selat Melaka sentiasa akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, ada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang sumbangan kepada negara luar dan organisasi antarabangsa, saya ingin menyebut di sini bahawa dalam menjalankan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat antarabangsa, Malaysia mempunyai obligasi membuat sumbangan kepada organisasi yang dianggotai seperti PBB, ASEAN, Komanwel, Indian Ocean Rim Association, Organization for Chemical Weapon, OPCW dan sebagainya kita buat dan kementerian ini diberikan peruntukan untuk perbelanjaan ini.

Di samping sumbangan yang berjadual ini, kerajaan juga sentiasa memberikan sumbangan kemanusiaan dan bantuan-bantuan khas kepada negara luar dari masa ke semasa. Untuk tahun 2004 ini sahaja, Kementerian Luar Negeri telah menyalurkan RM6.57 juta sebagai sumbangan gempa bumi di Iran, mendirikan sekolah di Jenin, membantu mangsa letupan stesen kereta api di Korea Utara, memberi bantuan kepada Kerajaan Sudan dan lain-lain, seperti juga Kerajaan Fiji kerana bencana banjir. Tetapi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri tidak diberikan peruntukan khas untuk perbelanjaan ini, jadi terpaksa kita menggunakan peruntukan semasa untuk membiayai sumbangan-sumbangan yang telah pun kita buat kepada beberapa organisasi negara dan organisasi antarabangsa. Jadi untuk tahun ini kita akan membelanjakan RM12.27 juta untuk disalurkan melalui Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, ada juga Ahli Yang Berhormat tadi yang membangkitkan tentang Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan iaitu SIASAT. Sebenarnya pusat ini adalah satu tempat di mana ia memberikan khidmat yang khusus dalam menyediakan kursus, seminar, bengkel, forum dan persidangan bagi mempertingkatkan keupayaan iaitu *capacity building* dan kepakaran serta kemahiran dalam bidang penyiasatan, pengawasan, pengesanan, pemantauan ke arah mencegah keganasan bagi mencapai objektif kementerian keseluruhannya.

Ia bukan satu tempat di mana kita hendak tangkap pengganas, tidak. Ia lebih kepada untuk memberikan kursus. Kita ada 37 kakitangan dan telah dilancarkan pada 13 Mei 2004. Kerajaan memberikan peruntukan sepenuhnya untuk siasat ini tetapi negara-negara luar boleh memberi sumbangan jika mereka mahu dan setakat ini negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Germany, Canada, Italy, Australia, France, Spain, Japan, New Zealand, Republik Korea dan sebagainya .....

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** *[Membuat isyarat supaya Yang Berhormat bagi Lipis menunggu]* ....telah menyatakan secara positif untuk membantu kepakaran dari masa ke semasa. Silakan Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya melihat Pusat Anti Keganasan ini kecil sangat, terletak di tempat yang tersorok. Sepatutnya ia berada di Putrajaya dan bersama-sama dengan Wisma Putra, barulah nampak kegagahan dan kesungguhan kita untuk memerangi keganasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat, pusat yang kita ada itu adalah merupakan satu pejabat dan urus setia sahaja tetapi kursus dan sebagainya dibuat di tempat-tempat lain seperti hotel dan tempat-tempat persidangan. Jadi, *it's more like* urus setia ataupun satu *center* dan bukan dilakukan semua kursus dan juga aktiviti di situ, ia dibuat di tempat-tempat lain, tetapi ia merupakan satu urus setia.

Tuan Pengerusi, ada juga Yang Berhormat yang membangkitkan tentang beberapa projek yang kita jalankan di luar negara iaitu tentang projek pembangunan, pembaikan pejabat-pejabat kedutaan dan sebagainya. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa kita sedang dalam proses pembinaan *chancery* dan rumah kediaman rasmi di Brunei, Kuwait, Washington, Vienna, juga di Buenos Aires, Beijing, Phnom Penh, Pesuruhjaya Tinggi di Singapura, di Turki dan juga di New Delhi, Jakarta, Geneva, Jeddah, Pontianak, Sarejevo, Mexico, Ottawa, Port Molby dan juga di Ventianne. Seseengah ini adalah pembelian tanah, seseengahnya adalah membina bangunan.

Jadi kita dari masa ke semasa meneruskan aktiviti-aktiviti membeli bangunan-bangunan kedutaan kerana adalah lebih baik ia dibeli untuk mencapai nilai yang sangat meningkat daripada masa ke semasa daripada menyewa kerana sewanya sungguh mahal. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, ada tempat-tempat yang kita menyewa untuk kakitangan sahaja sewanya mencecah RM50,000 sebulan untuk rumah kakitangan kerana terlalu mahal sewa di tempat-tempat kota-kota utama di dunia. Ada yang RM10,000 sebulan dan ada juga yang mencecah sehingga RM50,000 sebulan sewa sahaja. Jadi adalah lebih baik untuk kita membeli dan membina sama ada tempat-tempat kediaman ataupun pejabat *chancellery* kita di luar negara.

Seterusnya, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, saya ingin menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu yang menyentuh tentang peranan Amerika di Mahkamah ICC yang disebutkan tadi, sebenarnya Amerika Syarikat mereka mempunyai cara sendiri dan mereka tidak berpuas hati dengan keputusan walaupun dengan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Apabila satu keputusan dibuat oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa mengenai pembinaan tembok pemisah Israel di Tebing Barat, Presiden Amerika menyifatkan bahawa keputusan itu sebagai *meaningless* iaitu tidak bermakna kerana mereka tidak mengiktiraf keputusan tersebut.

**Tuan M. Kula Segaran:** [*Bangun*]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan negara Iraq, saya sebenarnya cukup terkejut melihat .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ipoh Barat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya perlu habiskan dalam masa setengah jam tetapi sekarang ini nampaknya terlalu.....

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya ada satu soalan yang saya telah kemukakan mengenai ICC. Adakah Malaysia telah menandatangani menjadi sepakat dalam ICC ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya tidak ada maklumat tentang ICC sekarang ini, saya akan maklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Yang Berhormat kita.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Pendek, pendek sahaja. Saya akan pendekkan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita setuju bahawa pendirian tadi mengenai Wisma Putra mengenai kedudukan US yang menentang ICC, ia tidak mahu menyokong ICC, tapi kenapa Malaysia, saya hairan kenapa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak tahu sama ada Malaysia rectify atau tidak *rectify* ICC. Malaysia tidak *rectify* ICC dan bukannya ini *double standards*, kita mengutuk US itu betul tidak mahu *rectify* ICC tetapi kenapa Malaysia sendiri tidak mahu *merectify* ICC walhal Menteri-menteri kita pun ada pernah membuat teguran yang mengkritik US. Kenapa kita tidak mahu *merectify* ICC.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat, Malaysia mempunyai kerjasama yang erat dengan beberapa negara termasuk Amerika Syarikat dalam bidang pertahanan, terutama sekali dalam menangani ancaman penganas. Tetapi apa yang dibuat ini adalah merupakan pertukaran maklumat dan perisikan oleh aktiviti antarabangsa. Tentang ICC itu Yang Berhormat, saya akan dapatkan maklumat yang lebih jelas kerana ianya baru sahaja dibangkitkan dalam perbahasan tadi, Yang Berhormat tidak bangkitkan, jadi sekarang ini baru sahaja dibangkitkan saya akan dapatkan maklumat yang lebih jelas. Baik, itu yang kita akan dapat maklumat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *My God!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, dia sudah jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa, beri peluanglah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Okey. Tuan Pengerusi, mengenai tuntutan ke atas Sabah, terdapat kesefahaman antara Malaysia dan Filipina untuk tidak meneruskan tuntutan tersebut buat waktu ini, atas dasar kejiranan, tetapi saya ingin memaklumkan dalam Dewan ini, bahawa tuntutan itu tidak pernah digugurkan.

Walau bagaimanapun, saya pasti bahawa kerajaan berpendirian tegas, bahawa Sabah adalah milik kita dan akan terus kekal sebagai milik kita.

Rakyat Sabah adalah rakyat Malaysia, mereka dilahirkan sebagai seorang Malaysia dan tetap akan menjadi rakyat Malaysia. *Referendum* 1993 telah membuktikan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun. Beluran, Tuaran.....

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Bagi saya habiskan dahulu Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Jadi saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semua tadi bahawa Kesultanan Sulu tidak payah berangan-angan untuk memiliki Sabah dan kita akan mempertahankan hak dan kedaulatan kita terhadap Sabah sampai bila-bila.

**Datuk Ronald Kiandee:** Penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Silakan.

**Datuk Ronald Kiandee:** Terima kasih Setiausaha Parlimen. Sultan Sulu cuma salah satu pihak yang membuat tuntutan. Pihak terbesar yang membuat tuntutan sebelum ini adalah Kerajaan Filipina itu sendiri dan kita tahu bahawa Sabah merupakan sebahagian daripada negara Malaysia. Tetapi Filipina sehingga hari ini masih meletakkan tuntutan ke atas Sabah. Apakah tidak ada forum dalam ASEANkah, dalam persidangan Menteri Luar yang boleh perkara ini dibincangkan bersama. Kita tidak mahu melihat bahawa perkara ini akan timbul balik.

Sekarang kita melihat Malaysia lebih baik ekonominya daripada Filipina. Tetapi nanti kelak pertumbuhan ekonominya baik, ketenteraannya baik dan banyak perkara boleh berlaku dalam jangka masa 20 tahun, 30 tahun daripada sekarang. Kerana itu kita harus tegas, kita tidak boleh membiarkan mana-mana pihak sekalipun lebih-lebih lagi pihak Kerajaan Filipina itu sendiri meletakkan tuntutan ke atas Sabah masa sekarang, masa sebelum, dan masa akan datang.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya maklumkan tadi terdapat persefahaman antara Kuala Lumpur dan Manila supaya Malaysia dan Filipina tidak meneruskan tuntutan tersebut buat waktu ini atas semangat kejiranan, tetapi mereka tidak gugurkan lagi tuntutan dan saya rasa perkara ini akan terus dibahaskan dari masa ke semasa kerana mereka tidak menggugurkan.

Mengenai isu Kesultanan Sulu ini, Malaysia memandang isu ini sebagai isu dalaman Filipina dan kita tidak akan menyentuh isu tersebut dan secara *government to government*, kita menghormati Filipina dan kita akan terus kekal sebagai jiran yang berbaik-baik di antara satu sama lain dan saya juga ingin menafikan dakwaan bahawa Malaysia pernah terlibat dalam aktiviti pengganas di Selatan Filipina. Kita tidak pernah

sama sekali pada bila-bila masa terlibat dengan apa jua cara sekalipun, dengan pengganasan di Filipina.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tuaran

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya apa maknanya tidak pernah menggugurkan tuntutan. Adakah ini bermakna bahawa Kerajaan Filipina masih boleh menuntut negeri Sabah daripada negara Malaysia dan apakah langkah selanjutnya yang akan diambil oleh Kementerian Luar Negeri berhubung dengan perkara ini. Adakah cuma atas berlandaskan hubungan dua hala yang pada saya tidak ada keikhlasan, tidak ada *transparentnya*. Kalau negara Filipina benar-benar ikhlas, kenapa tidak digugurkan tuntutan. Jadi saya hendak bertanya apa maknanya tidak pernah menggugurkan. Kenapa kita boleh berdiam diri dalam soal ini. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat, makna tidak digugurkan maknanya masih menuntutlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Jadi, apa tindakan negara kita dalam soal ini?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Nanti saya akan terangkan secara bertulis kepada Yang Berhormat kerana isu ini menyentuh sensitiviti yang amat tinggi dengan Kerajaan Filipina.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tuaran

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya ingin teruskan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen hendak meneruskan jawapannya. Sila duduklah.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Berkenaan dengan kerjasama Selatan-selatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, ia merupakan satu mekanisme serta forum-forum yang ditubuhkan untuk mengukuhkan jalinan politik, ekonomi, pembangunan, sumber manusia, sosial serta kebudayaan di antara negara-negara membangun. Ia berasaskan kepercayaan bahawa satu langkah untuk menjamin pembangunan ekonomi negara-negara membangun hendaklah dibuat kerana ia boleh

dicapai dengan meneroka pasaran baru khususnya pasaran negara-negara membangun yang lain. Negara-negara membangun juga.....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ....mempunyai kepakaran dan pengalaman yang boleh dikongsi demi kebaikan bersama.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Sedikit sahaja.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Antara forum-forum utama kerjasama Selatan-selatan-selatan bagi Malaysia termasuklah kumpulan G.15, Kumpulan G.77, Pergerakan Negara Berkecuali, *Langkawi International Dialog*, *Southern African International Dialog*, *Asia Africa Subregional Organization Conference (AASROC)* dan *OIC*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuan, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah kata dia hendak teruskan ucapan dia.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Sikit saja, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Bolehlah. Satu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu sahaja.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Pengerusi. Ini soal Filipina menuntut negeri Sabah, seolah-olah tadi ia sudah menggugurkan tuntutan ini dan seolah-olah sambil lewa Yang Berhormat. Saya agak khuatir, bimbang di situ. Yang pertamanya, ia tidak gugur sebab perjanjian yang dulu sebelum Malaysia dibentuk memang wujud dan Kerajaan Negeri Sabah memang membayar kepada Sultan Sulu sebanyak USD5,000 tiap-tiap tahun dan sehingga pada hari ini Filipina tidak mahu menubuhkan Konsulatnya di Kota Kinabalu sedangkan rakyat Filipina yang berada di negeri Sabah ratusan ribu ramainya. Wujud juga 65,000 pelarian Filipina yang berada di negeri Sabah, okey?

Dan jika sekiranya dengan kerenah ini, dulu ada Sandakan-dot-com, dia mengatakan jika sekiranya Malaysia bertindak dengan tuduhan yang mengatakan kita ini menganiaya rakyat merkanya, dia cakap kita boleh serang. Dia orang sudah di dalam, dia sudah di dalam, dia sudah di Sabah, kalau dia mahu serang, dia juga bekerja di ladang-ladang; kalau dia berhenti bekerja? Saya ingin bertanya, apakah

sebenarnya Kementerian Luar Negeri benar-benar ingin mengatasi masalah ini, itu pertama.

Yang kedua, mengenai persoalan Sultan Sulu ini, saya ingat kita tidak perlu khuatir hal itu. Dia sudah kalah apabila dia cuba turut serta dalam perbicaraan di ICJ – tuntutan Sipadan/Ligitan, dia sudah kalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Kalau dia mahu, teruskan supaya dimuktamadkan. Kita tidak harus takut itu tetapi soal *[Disampuk]* Kita tidak takut, kita akan menang dalam perbicaraan tetapi dalam soal menyelesaikan masalah-masalah kerendah rakyat Filipina di negeri Sabah yang diungkit-ungkit ini, yang menuduh yang kononnya kita menganiaya rakyat dia, itu kita akan ambil perhatian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa Malaysia tetap akan mempertahankan hak dan kedaulatan kita terhadap Sabah. *[Tepuk]*

Di akhir penggulungan saya ini, Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan bahawa negara kita melalui Petronas ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ....telah pun ..... bagi saya habiskan dulu,

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jangan akhir dulu, Yang Berhormat, kita boleh ...

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Okey, .... telah pun mempunyai perniagaan dan penerokaan di sebanyak 35 buah negara. Jadi, kalau dulu Petronas ini cuma membuat perniagaan di negara kita sahaja tetapi hasil daripada usaha kerajaan, hasil daripada usaha Perdana Menteri kita dulu, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga disambung oleh Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, sekarang Petronas telah pun meneroka dan mengadakan perniagaan di 35 buah negara. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya masih tidak berpuas hati dengan jawapan berhubung dengan tuntutan Filipina ke atas Sabah, Yang Berhormat. Saya

mendengar kalau kita boleh mendapat persetujuan daripada pihak Indonesia atas tuntutan ke atas Sipadan, dan kalau kita boleh bersetuju dengan pihak Singapura atas tuntutan Batu Puteh, jadi kenapa pula kita tidak boleh ubah, kita berdansa kepada muzik Filipina, kita tidak boleh membawa perkara ini kepada peringkat keadilan supaya diselesaikan masalah tuntutan ini kerana saya mengetahui Yang Berhormat, saya diberitahu, saya berbincang dengan pihak kementerian bahawa apabila keadaan politik di Filipina itu begitu rupa, kita redakan oleh sebab kita hendak sokong seseorang Presiden di Filipina. Apabila Presiden lama diganti dengan Presiden yang baru, Presiden ini kata dia tidak hendak tuntutan ini dibincangkan kerana masalah dalaman politik Filipina itu.

Maknanya pada tiap-tiap kali persoalan tuntutan ini dibangkitkan, kalau ia melibatkan politik Filipina, kita pun menarik balik tuntutan kita supaya dihapuskan sahaja tuntutan ini. Jadi apakah tindakan keseluruhannya supaya persoalan politik Filipina itu adalah persoalan mereka tetapi tuntutan kepada kita kalau hendak diselesaikan masalah mereka sehabisnya atau *once and for all* dengan sendiri kita minta kepada pihak Filipina supaya membuat suatu keputusan.

Kalau tak hendak buat keputusan, bawa perkara ini ke peringkat pengadilan ICJ supaya diputuskan, semacam mana kita putuskan masalah kita dengan Indonesia, macam mana kita putuskan masalah kita dengan Singapura. Kita tidak boleh tunda selama-lamanya. Benar seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tuan tadi, saya cukup bersetuju, Tuan Pengerusi. Jadi kita kena selesaikan perkara ini, kita lupakan perkara ini, beritahu kepada Filipina supaya jangan tuntutan lagi. Kalau hendak tuntutan, bawa perkara ini kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Kita habiskan cerita ini, *once and for all* kita *settlekan* perkara ini, Tuan Pengerusi.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** [*Mikrofon lambat berfungsi*] ... dibangkitkan dalam sehari dua ini adalah datang daripada Kesultanan Sulu, bukan daripada kerajaan Filipina sendiri. Jadi, itu bezanya antara Kesultanan Sulu dan Kerajaan Filipina sendiri di mana kalau saya beritahu di sini bahawa memang betul seperti kata Yang Berhormat tadi .....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap lagi, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa masalah dalaman politik negara Filipina kadang-kadang

tidak mengizinkan mereka untuk menggugurkan tuntutan tersebut dan kita harap persefahaman yang kita capai antara Malaysia dengan Filipina untuk tidak meneruskan tuntutan tersebut pada waktu ini atas dasar kejiranan akan terus dikekalkan dan kita boleh terus ...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Kalabakan bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** .... kita boleh terus dengan dasar kita pada waktu ini.

**Dato' Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang sebenarnya perkara tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak timbul. Kita tidak mahu bawa perkara ini kepada ICJ kerana kita tidak *recognized*. Mengapa kita mahu bawa perkara ini pergi ke ICJ sedangkan kita di Sabah sudah membuat keputusan untuk masuk Malaysia. Tidak perlu dibawa kepada ICJ lagi.

Jadi saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Santubong kerana kalau dibawa pergi ke ICJ, bererti kita *recognize* tuntutan dia. Kalau kita kalah, apa macam? Ini apa jadi kepada wakil-wakil rakyat kita dalam Parlimen seramai 25 orang? *[Ketawa]* Apa jadi? Mungkin kita duduk di sini sebagai wakil Filipina? Apa lagi yang menang Majlis Tertinggi. *[Ketawa]* Ada dua orang menang Majlis Tertinggi, apa macam? Jadi wakil Filipina dalam UMNO? *[Ketawa]*

Jadi ini, Tuan Pengerusi, saya fikir tidak harus digembar-gemburkan di sini kerana sudah mengambil keputusan, rakyat Sabah sudah mengambil keputusan untuk masuk *Federation of Malaysia*, dan itulah selama-lamanya sehingga hari kiamat. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, beri saya bercakap sikit saja, sikit saja. Persoalan kedudukan saya dicabar. *[Ketawa]* Yang Berhormat, kalau seseorang itu hendak buat tuntutan, saya tidak boleh berhentikan. Malaysia sendiri sebenarnya tidak boleh mengatakan kepada Filipina supaya berhenti menuntut, kita tidak boleh.

Jadi siapa yang hendak buat tuntutan itu, kalau dia betul-betul hendak buat tuntutan, dialah yang bawa kepada ICJ, bukan kita. Kita tidak perlu membawa kepada ICJ, kita memang tidak mengiktiraf tuntutan, kita tidak percaya yang Sabah itu kepunyaan mereka. Sabah ini memang sebahagian daripada Malaysia tetapi kalau betul-betul dia hendak buat tuntutan, buatlah tuntutan dengan betul, janganlah buat seperti gantung tidak bertali. Ini masalahnya.

Kalau siapa sahaja hendak buat tuntutan, saya kalau hendak buat tuntutan kepada Filipina, saya boleh buat tuntutan kepada Filipina sekarang, *there is nothing that the Philippines government can do with me*. Macam mana hendak buat kalau saya yang mahu, kalau saya hendak menuntut umpamanya [Disampuk] jadi kalau hendak menuntut Sulu umpamanya, fasal persoalan tuntutan itu, dia yang menuntut. Kalau dia menuntut, dialah yang bawa, bukan kita. Kita memang tidak mengiktiraf.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Apabila tuntutan itu dibuat kepada ICJ, kita akan pergi ke sana, kita tidak menerima tuntutan dia. Baru keadilan itu dibuat, orang *arbitrator* akan buat pengadilan.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin, ada apa? Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang kita hendak heboh sangat..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Saya duduk tuan. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat belum jawab lagi.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Pengerusi, saya simpulkanlah tentang masalah Filipina, Sulu dan Sabah ini dengan satu penyelesaian di mana saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa tidak ada tuntutan baru daripada Kerajaan Filipina terhadap Sabah pada masa ini. Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan akan kekal dalam Malaysia hingga selama-lamanya. Rakyat Sabah adalah rakyat Malaysia, akan kekallah begitu ianya selagi ada matahari dan bulan. Akhir kata Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ayer Hitam bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Cukuplah. Akhir kata Tuan Pengerusi,, saya mengambil kira semua pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada

15 kawasan Parlimen tadi dan juga minta celahan-celahan yang dibuat dari masa ke semasa....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta jalan. Saya satu-satunya wanita yang tanya soalan tambahan, ini pun tidak bagikah?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** ...dan saya harap...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, suara halus sangat bagilah.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat soalan saya tidak dijawab, tidak diberi respons langsung.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Yang Berhormat sekalian daripada 15 Yang Berhormat yang bangun menanyakan soalan tadi sebahagian besarnya telah saya sentuh dan ada sedikit lagi yang belum dapat diselesaikan secara menyeluruh kerana banyak sangat celahan daripada berbagai-bagai pihak dan sekiranya tidak dapat dimaklumkan sekarang kita akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat di peringkat Jawatankuasa ini. Sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat takut saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. *[Ketawa]* Setiausaha Parlimen telah menyatakan yang tidak dapat jawab akan ambil tindakan. Itulah jawapan.

**Seorang Ahli:** Kerana Lee Hsien Loong ada di Malaysiakah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran:** Setiausaha Parlimen, dia tidak tahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sudah berikan jawapan. Baiklah, tidak apalah, cukup. Dia akan jawab kepada Yang Berhormat secara bertulis. Cukuplah. Yang Berhormat, takkan seorang yang tahu semua dalam dunia ini. Cukuplah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup, cukup. Apa ada Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi saya hendak mengingatkan kepada Ipoh Barat bahawa keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamad.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kadang kala Yang Berhormat pun sama juga. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM431,064,700 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM431,064,700 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM181,918,100 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM181,918,100 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

---

**Maksud B.20 [Jadual] –  
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terbuka untuk dibahas. Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di dalam kementerian ini saya ingin menyentuh Butiran B.050000 dan Butiran P.112000 yang berkaitan dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Pembangunan Perindustrian Kayu Malaysia. Saya amat berpuas hati dengan peranan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dalam usahanya untuk membangunkan industri kayu di negara kita. Di dalam perkara ini MTIB telah pun membangunkan bukan sahaja industri-industri perkayuan tetapi membangunkan sumber manusia juga di mana MTIB telah pun mengadakan beberapa kursus yang berkaitan dengan industri ini.

Daripada kursus-kursus yang telah pun diadakan saya nampak *Timber Grading, Basic Wood Technology, Furniture Design, Product Costing and Budgeting* dan *Management and Operation of Wood Working Machine* dengan izin Tuan Pengerusi adalah amat penting. Tiap-tiap tahun beberapa kursus telah pun diadakan dan saya haraplah bahawa mereka di dalam industri perindustrian ini selepas menghadiri kursus ini sudah mahir di dalam pengetahuan mereka di dalam bidang perindustrian dan perdagangan perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya lihat daripada pengeksporan kayu dari negara kita pada sepanjang tahun 2003, nilai eksport kayu memang amat tinggi iaitu RM16.638 bilion. Ini adalah amat menggalakkan. Tetapi kalau saya lihat perangkaan dengan teliti nampaknya Sarawak yang mengeksport paling tinggi bukan daripada nilai tetapi daripada *volume* tetapi hanya mendapat nilai FOB RM5.7 bilion sahaja. Daripada Semenanjung Malaysia yang mengeksport 2.58 *million cubic meter*, nilai eksport ini adalah RM8.1 bilion. Di sini ada satu *discrepancy*. Saya ingin bertanya kenapa kalau di Sarawak negeri itu mengeksport 8.8 *million cubic meter* hanya mendapat nilai FOB RM5.7 bilion dan Semenanjung Malaysia RM8.1 bilion walaupun *volume* eksport tidak tinggi. Daripada Sabah memanglah tidak tinggi, *volume* eksport pada tahun 2003 adalah 2.59 *million cubic meter* dan nilainya RM2.4 bilion. Jadi saya ingin bertanya kementerian kenapa ada satu *discrepancy* daripada nilai pengeksporan ini?

Tuan Pengerusi, sekarang ada conference of parties yang ke 6 *scientist* di Bangkok. Kerajaan Indonesia telah pun mencadangkan agar kayu ramin dimasukkan daripada *appendix 3* ke *appendix 2*.

Ini bermakna jika kayu ramin ini masuk di dalam *Appendix 3* ke *Appendix 2*, memang sukar untuk negara kita mengeksport kayu ramin dan produk-produk kayu ramin. Ini adalah satu masalah bagi kita di Malaysia. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya tentang hal ini. Apakah pendirian kementerian ataupun kerajaan kita tentang hal ini.

Adakah kita akan menyokong usaha Indonesia ataupun kita akan menentang usaha-usaha Indonesia kerana saya nampak di sini, kalau daripada eksport kayu gergaji ramin daripada Semenanjung Malaysia pada tahun 2003 iaitu 44,139 *cubic metres* tetapi nilai pengeksporan ini amat tinggi iaitu RM80 juta nilai eksport ramin.

Ini bermakna negara kita masih banyak lagi ramin dalam hutan, Timbalan Menteri. Banyak lagi di Sarawak ada, di Semenanjung Malaysia ada, di Sabah ada.

Bekalan ramin yang ada di industri perkayuan ini datangnya dari mana? Dari Indonesiakah ataupun dari negara kita sendiri. Kalau dari dalam negara kita sendiri kita harus menentang usaha Indonesia untuk membawa ramin ini di dalam *Appendix 2 Cites* yang *Conference of the Parties (COP-6)* sekarang sedang berlangsung di Bangkok.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [*Bangun*]

**Dr. James Dawos Mamit:** Seterusnya Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jasin.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Pengerusi, sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong tadi telah mengemukakan tentang ramin. Dia masih sangsi lagi sama ada kayu ramin ini datangnya dari Malaysia atau Indonesia. Yang sebenarnya ramin yang kita eksport sekarang ini semuanya dari Malaysia. Hanya secara kebetulan dalam masa tengah heboh dahulu, ada satu kapal dari Indonesia yang membawa kayu ramin ke Singapura secara seludup.

Kapal ini mengalami kemalangan dan akhirnya dia datang ke Batu Pahat. Ini yang Indonesia menuduh kita menyeludup kayu ramin daripada mereka. Itulah sebabnya hari ini dia berkempen ke seluruh negara dan seluruh dunia mengatakan bahawa kayu-kayu ramin yang dikeluarkan oleh Malaysia ini telah diseludup dari Indonesia dan dia minta *CITES* daripada *Schedule 3* pergi ke *Schedule 2* dan sebagainya.

Yang sebenarnya tidak berlaku. Saya sebagai kawan yang terlibat dalam eksport ini, kita tidak ada ambil ramin. Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu. Hanya secara kebetulan kapal itu rosak, rosak dan hanyut ke Batu Pahat dan hanyut ke Melaka sudah dia kata kita pula. Yang sebenarnya, itulah sebab saya katakan tadi. Saya akan berucap selepas ini Tuan Pengerusi fasal perkayuan tetapi ini untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya sebenarnya tidak sangsi. 10 tahun yang lepas semasa saya masih bertugas lagi di Jabatan Perhutanan Sarawak, saya pun telah membuat kajian tentang ramin bahkan saya juga membuat kempen tentang ramin di luar negara bahawa negara kita memang banyak bekalan ramin di dalam hutan gambut kita seperti di Sarawak, di Sabah dan di Semenanjung Malaysia.

Saya menunjukkan kepada komuniti antarabangsa bahawa pertumbuhan ramin ini adalah mampan ataupun *sustainable* di dalam hutan kita walaupun kita tebang begitu banyak tetapi pembesaran ramin ini selepas 45 tahun atau 25 tahun kita boleh tebang lagi balik, memang kita ada banyak ramin dan di negara kita walaupun ada 24 spesis ramin, 6 spesis itu adalah spesis yang komersial yang boleh diperdagangkan di peringkat antarabangsa.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sri Aman, hendak beri jalan?

**Dr. James Dawos Mamit:** Sri Aman, silakan.

**Tuan Jimmy Donald :** Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan hujah-hujah oleh Yang Berhormat bagi Mambong, tentang *sustainability* ramin ini dan saya ingin tahu apakah saranan beliau kepada kerajaan kita, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri kerana saya nampak yang penanaman semula adalah *arkasia*, mengapa beliau tidak menyarankan supaya ramin ditanam.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya memang ingin memberi tentang penanaman ramin ini, tetapi mungkin ia mengambil masa yang agak panjang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya tahu Yang Berhormat boleh cakap lima jam tetapi masa sudah hendak habis Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dr. James Dawos Mamit:** Tidak perlulah. Oleh yang demikian, ramin yang boleh membesar adalah di hutan gambut ataupun *peat-swam forest*. Jadi, yang enam spesis ini, yang komersial ini hanya yang terdapat di hutan gambut juga. Spesis *arkasia* manjung hanya ditanam di tanah bukit, bukannya di hutan gambut. Tetapi jika kita ingin mempercepatkan ramin ini untuk membesar, kita membuat suatu *treatment* yang dinamakan *civiculture treatment*. Apabila kita membuat *civiculture treatment* di hutan-hutan selepas pembalakan, ini akan menggalakkan ramin tumbuh dengan cepat.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh Butiran B - 060000 iaitu Jemaah Pemasaran Lada Hitam dan Butiran P - 11300 - Pembangunan Jemaah Pemasaran Lada Hitam. Seperti mana yang kita tahu lada ataupun *piper nigrum* di tanam di Sarawak kalau di Malaysia. 95% pengeluaran lada datangnya dari Sarawak dan lebihannya 5% datangnya daripada Sabah dan Johor.

Di Sarawak setakat ini, pengeluaran adalah 25,000 metrik tan setiap tahun dan daripada pengeluaran itu 90% adalah di eksport ke negara-negara lain. Harga lada ini memang turun naik setiap tahun. Kalau kita lihat statistik memanglah harga lada turun naik. Negara yang banyak membeli lada kita ialah East Asia lebih-lebih lagi negara Singapura. Saya pun tidak tahu kenapa Singapura membeli lebih banyak daripada negara-negara yang lain. Tetapi yang kita tahu ialah negara ini adalah *distributor* sahaja iaitu *trading house*.

Dia membeli lada daripada kita, lepas itu dia eksport ke negara-negara yang lain. Kalau kita lihat harga lada yang paling tinggi adalah pada tahun 2000. Lepas itu pada tahun 2001 dia menurun, tahun 2002 ia naik lagi sedikit, tahun 2003 ia menurun lagi, inilah harga lada.

Saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian, boleh atau tidak kementerian memberi satu subsidi bagi mengawal harga lada ini kerana inilah satu komoditi yang sangat penting di negeri Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar, lebih-lebih lagi di kawasan Parlimen Mambong. Ramai petani-petani kecil ataupun pekebun-pekebun kecil menanam lada di kawasan Parlimen Mambong.

Inilah yang saya ingin pohon agar kementerian dapat memberi subsidi harga lada seperti juga subsidi harga padi. Kalau ini dapat diberikan oleh kerajaan maka saya rasa petani-petani kecil di kawasan Parlimen Mambong dan di Sarawak, pendapatan mereka adalah menentu ataupun *sustainable*. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jasin.

**4.09 ptg.**

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga turut serta dalam membincangkan Butiran 050000 – Lembaga Perindustrian Kayu, 040000 – Lembaga Koko dan 030000 – Lembaga Getah Malaysia.

Berasaskan seperti yang telah disebutkan oleh sahabat saya tadi tentang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, kita rasa sudah sampailah masa dan ketikanya untuk kita, kerajaan mengambil suatu ketetapan yang diguna pakai mulai dari sekarang kerana daripada *figures* yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi, kebanyakan daripada kayu-kayu yang dieksport ke luar negara adalah kayu-kayu yang separuh siap iaitu kayu-kayu gergaji.

Kita sedang menghadapi masalah sekarang ini di merata-rata negeri, mungkin di Sabah berkurangan, Sarawak mungkin ada *surplus* mungkin sedikit dan negeri-negeri di Semenanjung, kawasan-kawasan hutan sekarang ini sudah berkurangan. Kita kena selamatkan industri-industri yang berasaskan kayu yang sedang membangun sekarang ini dengan lebih ditumpukan kepada bahan-bahan semula jadi.

Oleh yang demikian saya berharap supaya kementerian untuk menghentikan 100% pengeksporan kayu-kayu gergaji ini dan kita hanya benarkan untuk diekspor mana-mana kayu-kayu yang sudah dinilai tambah yang ada merupai barangan perabot dan sebagainya. Ini akan membantu industri-industri kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi masalah yang kita hadapi sekarang oleh kerana ada dua kementerian berkenaan dengan kayu tadi, Lembaga Perindustrian Kayu iaitu satu Lembaga yang berhubung kait dengan perusahaan kayu hiliran dan yang peningkan kepala kita sekarang ini, Jabatan Hutan pula tidak duduk dalam kementerian ini tetapi duduk dalam Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ini yang kita pening kepala.

Kalau cerita mengenai kayu ini biarlah di dalam satu kementerian begitu juga dengan Jabatan Hutan, kalau hendak letakkan dalam Kementerian Sumber Asli ini letakkan semuanya dalam kementerian ini, kalau hendak letakkan dalam Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi semuanya dalam Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi barulah tidak ada konflik. Kalau tidak begini kita takut nanti jabatan-jabatan ini berlaga pedang macam main *tensing* pula – masalah kayu ini dia kata di bawah kuasa dia, dia ini kata di bawah kuasa dia.

Apabila kita lihat dalam segi apa yang kita hadapi dalam perusahaan mengekspor kayu gergaji daripada negara-negara luar, kita lihat Jabatan Hutan datang, MTIB pun datang, dia kata kuasa dia, dia ini pula kata kuasa dia, akhirnya *nobody wins*, dengan izin.

Yang kedua ialah berkenaan dengan Lembaga Perusahaan Kayu. Saya juga telah bercakap beberapa kali bahawa Lembaga Kayu ini menguatkuasakan undang-undang mengeluarkan AP untuk eksport dan juga import. Untuk eksport, MTIB ini memungut ses daripada pengeksporan-pengeksporan. Jadi menjadi masalahnya, ses yang diimport ini pula diserahkan kepada satu badan yang dinamakan *Malaysia Timber Council (MTC)*. *Malaysia Timber Council* ini bukan lembaga tetapi didaftarkan di bawah Akta Syarikat. Jadi, duit-duit ses ini diserahkan kepada MTC. Yang menjadi masalahnya ialah orang-orang kita yang ada di Lembaga MTIB ini. Mereka ini

pegawai-pegawai kerajaan. Mereka mengikut dari kemudahan-kemudahan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Kalau pergi ke ekspo kayu di luar negara misalnya, pegawai-pegawai daripada MTIB ini tarafnya macam Ahli Parlimen ini paling tingginya – *Business Class* tetapi oleh kerana MTC didaftar sebagai syarikat awam semuanya *First Class* dan tidur di luar negara pun *five-star hotel*. Yang MTIB ini pula, maklum sahaja pegawai kerajaan, ketua pengarahnya lebih kurang Ahli Parlimen ini sahaja – *Business Class plane* tetapi pegawai-pegawai MTC semuanya *First Class*. Inilah yang menimbulkan masalah pada hari ini. Jadi, saya berharap dengan adanya Menteri baru di kementerian ini kita dapat melihat balik tentang peranan MTC ini. Jangan lepas tali sangat kerana ini adalah untuk masa hadapan industri kayu kita.

Berbalik kepada Lembaga Getah Malaysia dan Lembaga Koko Malaysia ini, saya hendak tahu perkara ini. Walaupun dalam segi perusahaan perladangan yang mana menguntungkan perladangan tetapi dalam dua produk ini, getah dan koko melibatkan juga pekebun-pekebun kecil. Bila disebut pekebun-pekebun kecil kementerian lain pula yang bertanggungjawab. Jadi, masalah yang kita hadapi pada hari ini kedua-dua industri ini sudah “*sunset industry*” - Lembaga Getah Malaysia kita peruntukan sampai RM45 juta, Lembaga Koko Malaysia RM23 juta.

Di Malaysia Barat ini dahulu kita sudah galakkan orang menanam koko. Kementerian melalui agensi mana pun menggalakkan orang menanam koko dan akhirnya kita melihat pengusaha-pengusaha koko lebih-lebih lagi pekebun-pekebun kecil banyak yang kerugian. Pada hari ini juga banyak di antara ladang-ladang yang menanam koko pun sudah mula menebang pokok-pokok tetapi kita hendak belanja apa?

Jadi, kita pada hari ini masih menunggu. Saya masih menunggu lagi dengan rakan - Ahli Yang Berhormat bagi Mambong Pengerusi *Backbencers* berkenaan dengan pertanian, kita masih menunggu hala tuju pertanian negara kita. Itu mungkin esok lusa. Ini ada berkaitan. Adakah kita hendak orang kampung kita ini esok menanam kelapa sawit sahaja atau menanam padi sahaja atau hendak menanam koko balik, ataupun hendak tanam getah balik? Tetapi kalau pada hari ini hendak tanam getah - kita tengok pada hari ini yang menoreh getah ini pun semuanya sudah berumur 60 – 70 ke atas. Orang-orang muda sudah tidak hendak menoreh getah.

Dahulu, zaman saya dengan RRI dahulu kita ada Pusat Latihan Getah, hari ini sudah tidak ada lagi. Sudah tidak ada. Yang diserahkan kepada RISDA pun RISDA sudah buat IPTS – sudah mengajar komputer, bukan mengajar getah lagi. Jadi, peruntukan wang macam itu banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bentong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jasin. Orang kampung, ya? Ini fasal pekebun getah. Kalau sudah orang menoreh getah, apa cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, kita dapati juga pokok getah ini kayunya memang disukai ramai untuk membuat perabot. Adakah cadangan daripada kementerian untuk kita menanam getah secara besar-besaran dan kita menggunakan kayunya sahaja kita pastikan bahawa pokok getah ini kita dapat perbanyakkan dan kita dapatkan hasil kayu getah ini? Apa pandangan Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih sahabat saya, orang kampung saya. Walaupun dia bertanding di Bentong tetapi dia anak Jasin, besar di Jasin.

Berkenaan dengan kayu getah ini, dahulu RRI sudah buat kajian untuk kita mencari satu klon yang baharu khusus untuk mengeluarkan balak getah tetapi sehingga ke hari ini tidak keluar lagi. Untuk ini pun kadang-kadang kita bercakap sahaja boleh menguntungkan pekebun kecil tentang kayu balak ini. Pekebun kecil ini kalau berkenaan dengan kayu getah ini tidak untung apa, kadang-kadang di akal sahaja oleh kontraktor-kontraktor.

Itulah sebabnya pada hari ini kita lihat susah bagi kita untuk hendak menjamin masa hadapan kayu getah. Tidak ada. Memang susah. Untuk kayu mungkin. Walau macam manapun, oleh kerana peruntukan yang besar telah diperuntukkan untuk Lembaga Getah Malaysia ini, saya berharap supaya Lembaga Getah ini tumpukan perhatian kepada *technology-based higher-end product* kerana kalau pada hari ini kita hendak harapkan kepada getah-getah bagi pengeluaran *tyre*, teknologi kita di Malaysia, walaupun kita *number one rubber producer* dalam dunia ketika dahulu, pada hari ini kita kalah dengan pengeluar *tyre* daripada Jepun, kita kalah dengan pengeluar *tyre* daripada Korea. Yang terakhir ini pun juga kita kalah dengan pengeluar *tyre* daripada Thailand.

Oleh yang demikian, kita minta Lembaga Getah Malaysia ini tumpukan perkara-perkara baru macam pernah kita perjuangkan daripada dahulu iaitu getah *suspension*

bagi jambatan-jambatan *highway* untuk mengelakkan daripada getaran bumi. Ha, ini mungkin ada *market*. Kalau kita hendak mengharapkan supaya orang kampung menanam getah saya rasa sudah tidak ada. Biar kita keluarkan getah ini sedikit tetapi kita dapat harga yang lebih pada masa akan datang dengan produk-produk yang lebih teknikal dan lebih *high-end*.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan Lembaga Kelapa Sawit. Saya berharap supaya Lembaga Kelapa Sawit ini dapat mengeluarkan satu tatacara ataupun kawalan terhadap pembeli-pembeli buah kelapa sawit di kampung-kampung. Sekarang ini, kata orang di kedai kopi "*hantam purari*", ikut suka dia sahaja berapa persen minyak yang hendak diletakkan sama ada 16%, 17%, 18% terpulung kepada yang membeli dan kalau harga kelapa sawit naik tinggi pun yang untung sekarang rata-ratanya ialah estet. Orang kampung untung tetapi untung selepas ditipu sedikit.

**Tuan Pengerusi [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Jadi, yang demikian saya berharap supaya kementerian untuk masa depan industri kelapa sawit ini yang melibatkan orang kampung kita kena datang dengan satu standard cara pembelian buah-buah kelapa sawit segar di kalangan orang kampung dan saya berharap supaya lesen-lesen pekilang kelapa sawit ini berilah peluang sikit pada pengusaha-pengusaha bumiputera kerana daripada kilang yang ada ini saya lihat tak sampai 10 peratus daripada bilangan seluruh kilang memproses kelapa sawit ini dipunyai oleh pengusaha-pengusaha bumiputera dan kita hendakkan supaya kilang-kilang ini *scattered* di semua tempat, jangan kata ditumpu di tempat tertentu sahaja kerana pada hari ini macam di kawasan saya di Jasin, apabila buah kelapa sawit melawas terlampau banyak, pekebun-pekebun kecil kelapa sawit ini terpaksa menghantar ke kilang di Muar dan Segamat.

Kadangkala oleh kerana buah terlampau lawas lori-lori yang membawa kelapa sawit ini terpaksa tunggu tiga hari, empat hari baru bari ditimbang.

**Tuan Pengerusi [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Kalau sudah sampai tiga, empat hari harga sudah turun Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Jadi, itulah saya hendak gulung ini Tuan Pengerusi. Terima kasih [*Ketawa*] saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kelana Jaya.

**1621 ptg.**

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Maksud Pembangunan 20 di bawah Butiran 00400 berkaitan dengan Pembangunan Lembaga Tembakau Negara.

Tuan Pengerusi, di negara kita pengeluaran daun tembakau sama ada diawet ataupun belum diawet telah menjana hasil yang bernilai sejumlah RM156.745 juta pada tahun 2002 berbanding dengan RM113.865 juta pada tahun 2001. Ini merupakan satu peningkatan dari segi penghasilan pengeluaran daun tembakau. Dalam pada itu, pasaran rokok tempatan adalah di sekitar 19 hingga 20 bilion batang setahun dengan penggunaan tembakau antara 11 hingga 12 juta kilogram setahun dan kita tahu bahawa pada tahun 2002 sebanyak 19.165 bilion batang rokok dikilangkan di Malaysia. Perkilangan batang rokok ini menggunakan tembakau tempatan adalah sebanyak 54.7 peratus, manakala menggunakan 45.3 peratus adalah pelbagai jenis tembakau import.

Dengan itu Tuan Pengerusi, Lembaga Tembakau Negara diberi tugas untuk memaju dan meningkatkan industri tembakau supaya lebih cekap dan berdaya maju dalam sumbangan kepada pembangunan sosial ekonomi negara. Saya hendak bertanya, apakah pihak Lembaga Tembakau Negara akan membuat kajian dan membuat pemasaran dan juga membuat penguatkuasaan yang setimpal dengan tanggungjawabnya di mana supaya kita kurangkan import daun tembakau dari luar negeri untuk membuat sebatang rokok di negara kita. Itu yang pertama.

Dalam pada itu juga Tuan Pengerusi, saya juga teringat pada 27 September yang lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan satu usaha yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan di mana mengadakan program inisiatif ke arah masyarakat bebas tembakau.

Di mana kita cuba berusaha untuk meningkatkan kesedaran umum tentang tembakau terutama bahaya rokok kepada kesihatan manusia dan antara usaha yang telah dijalankan adalah mewujudkan kawasan larangan merokok, menyediakan khidmat berhenti merokok dan juga mengadakan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan dan kempen-kempen anti merokok. Dengan itu saya hendak tanya, apakah dengan objektif yang telah pun diletakkan di atas bahu Lembaga Tembakau Negara ini iaitu

menyediakan khidmat sokongan, menyediakan infrastruktur yang lebih maju, yang wajar untuk meningkatkan pengeluaran daun tembakau ini.

Lembaga Tembakau Negara harus memainkan peranan yang belum tukar wajah, memainkan peranan yang baru, memainkan peranan misi yang baru supaya apa yang dilakukan oleh Lembaga Tembakau Negara ini selaras dengan hasrat kerajaan seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan bajetnya iaitu memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan dengan langkah menggalakkan gaya hidup yang sihat. Itulah satu perkara yang merunsingkan pemikiran saya. Di satu pihak kita ada Lembaga Tembakau Negara untuk menggalak dan meningkatkan pengeluaran tembakau yang menjana hasil pengeluaran yang begitu banyak dan dari satu pihak kita juga hendak menjaga kesihatan masyarakat.

Itu saja yang saya hendak bangkitkan di sini.

Perkara yang kedua, berkaitan dengan tanaman daun tembakau juga adalah dari segi guna tanah kita tahu bahawa tanaman daun tembakau ini memerlukan nitrogen di dalam kesuburan tanah itu berlipat ganda berbanding dengan tanaman-tanaman lain, maka ini adalah tidak begitu sihat bagi persekitaran dari segi *environmental study* kerana tanaman daun tembakau memerlukan nitrogen berlipat ganda berbanding dengan tanaman-tanaman lain. Maka saya rasa mungkin pihak kerajaan boleh mengkaji semula tugas dan tanggungjawab Lembaga Tembakau Negara, ini. Sekian saja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [ Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap Butiran 202000 berkenaan dengan Lembaga Tembakau Negara. Saya terpaksa pertahankan penanam-penanam tembakau ini selagi kerajaan tidak boleh menerima ataupun menjumpai tanaman alternatif kepada tembakau ini kerana penanam-penanam tembakau ini terlalu ramai terutama sekali di Pantai Timur kerana tanahnya sesuai dengan tanaman tersebut.

Kalau kita lihat tanam tembakau ini telah lebih daripada 30 tahun sebenarnya. Tiga puluh tahun ini terlalu lama. Sepatutnya pihak Lembaga Tembakau Negara telah membuat kajian dari masa ke masa kerana kita lihat sebahagian besar pengawet-pengawet terutama sekali mengalami kerugian. Kalau kita lihat sumbangan pengawet-pengawet tembakau ini kepada kerajaan terlalu banyak dan kalau kita

perhatikan betul-betul 95 peratus pengawet-pengawet ini terdiri daripada bumiputera dan sepatutnyalah kerajaan mengambil tindakan segera untuk membuat kajian bagi meningkatkan pengeluaran daun-daun tembakau hijau ini, demikian juga bagi memastikan supaya pengawet-pengawet ini mendapat keuntungan supaya tidak gulung tikar.

Kalau kita lihat atau buat kajian jumlah pengawet sekarang lebih kurang antara 300 sehingga 400 buah syarikat pengawet tembakau dan pengawet individu, penanam pengawet individu (PPI) sekarang ini lebih kurang 2,750 orang yang mempunyai ban-ban tembakau yang kecil yang mempunyai kuota-kuota juga yang kecil yang diberi secara anugerah kualiti oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional. Kita lihat jaminan kepada PPI ini saya tengok cukup-cukup tidak memuaskan kerana mereka ini walau pun diberi lesen untuk PPI tetapi mereka ini tidak mempunyai kemahiran. Mereka hanya mempunyai kemahiran dari segi menanam tembakau sahaja tetapi tidak kemahiran tentang pengawet tembakau itu, sedangkan pengawet ini perlu mahir terutama sekali waktu kita hendak *cure*, hendak mengeringkan daun tembakau itu, itu perlu *curer* yang betul-betul mahir, kalau tidak mutu daun kering ini akan jatuh lagi teruk yang menyebabkan harga pasaran daun tembakau kering ini terlalu rendah.

Kalau kita lihat daripada 30 tahun yang lepas ini, harga daun hijau tembakau masih lagi berada di tahap yang sama iaitu yang paling rendah ialah 30 sen daun hijau, yang paling tinggi ialah 83 sen, paling tinggi. Itu harga daun hijau. Kemudian rasionya masih lagi berada di antara 1:10. Sepuluh kilo daun hijau dapat satu kilo daun kering, masih berada di tahap yang sama walaupun 30 tahun kajian dibuat melalui pihak-pihak tertentu, khususnya MARDI dan Lembaga Tembakau sendiri.

Harga daun yang telah diawet oleh pihak pengawet ini ialah paling rendah ialah RM9 sekilogram dan yang paling tinggi ialah RM15.80 sen sekilogram. Daun sekerap yang tidak boleh dipakai lagi, daun sekerap yang hancur itu ialah RM9.20. Jadi, antara daun hijau dengan daun yang telah diawet ini, kita lihat ratio 1:10, kadang-kadang sampai peringkat 1:12. Apabila 1:12, sudah tentulah pengawet akan mengalami kerugian yang teruk. Kalau dapat antara 1:9, itu paling baik dapat keuntungan. Kalau 1:10 bermakna berada di tahap yang boleh dikira sama ada untung atau rugi.

Apa yang saya hendak sebut di sini ialah seperti mana sahabat saya sebutkan tadi, satu bahagiannya ialah berusaha untuk membela penanam-penanam tembakau,

satu agensi yang lain ialah berusaha untuk mengurangkan penghisap-penghisap rokok. Bagi saya, itu tidak penting, bagaimana untuk memperjuangkan supaya mengurangkan hisap rokok. Itu betul, bagus itu, tidak boleh kita tahan lagi. Yang penanam tembakau juga kita tidak boleh tahan setakat ini sehingga kita dapat satu tanaman alternatif.

Apa yang perlu kerajaan fikirkan sekarang ini ialah adakah boleh daun-daun kering yang telah diawet di Malaysia kita ini dieksport ke lain negara. Adakah boleh? Sedangkan sekarang ini, kilang-kilang itu tembakau berada di negara kita. Kilang-kilang rokok, kilang-kilang membuat rokok itu berada di negara kita. Beberapa kilang yang besar, beberapa syarikat yang besar. Sampai tidak cukup daun tembakau di dalam negara, diimport masuk daripada luar negara.

Apakah tidak boleh kita berusaha supaya tanaman daun tembakau ini banyak, kemudian kita eksport pula supaya kilang-kilang tembakau, kilang-kilang rokok yang berada di luar negara, ambil daun tembakau kita ini. Kita sendiri – kita kilang korban supaya pengilang rokok itu mati, rugi tidak boleh buat di negara kita. Setahun sekali kita menggunakan kaedah baru supaya kilang rokok itu tidak wujud lagi di negara kita, tetapi yang wujudnya ialah penanam, pengawet, itu yang berada di negara kita. Jadi, kita akan menjadi sebuah negara yang mengeksport daun-daun kering tembakau kepada pengilang-pengilang rokok yang berada di luar negara. Itu penting. Selagi kita merasai kedua-dua ini penting, iaitu mengurangkan menghisap rokok penting, menanam tembakau penting, maka kita berada dalam satu keadaan delima. Dua kementerian ini akan berada dalam satu keadaan delima.

Bagi saya yang ingin mempertahankan kedudukan orang kampung, penanam tembakau ini. Walaupun ada orang mengatakan PAS tidak menggalakkan menghisap rokok ini. Memang tidak galakkan hisap rokok tetapi menanam tembakau ini kita galakkan lagi sehingga ada tanaman alternatif. Bukan bermakna penanam tembakau itu mesti hisap rokok. Dia menanam tembakau untuk mendapatkan hasil, yang merokok ini barangkali orang lain yang merokok.

Tidak perlu difikirkan perkara itu, seperti mana tanaman-tanaman lain. Ada tanaman pokok yang lain, contohnya tanaman getah, kita hendak hasil daripada getah sahaja. Yang membuat hasil daripada getah ini orang lain. Itu umpama contoh saya berikan.

Kalau kita lihat sumbangan penanam tembakau ini kepada negara kita ini adalah terlalu banyak, tetapi pengawetnya terlalu banyak hutang juga sebab penanam tembakau ini ia mempunyai kaedah yang berlainan daripada tanaman yang lain, terutama cuacanya. Cuaca terlalu kering, tidak boleh. Cuaca terlalu banyak hujan, langsung mati daun tembakau

Kemudian tanah demikian juga. Ia lebih sesuai dengan tanah-tanah berpasir di tepi pantai, seperti mana yang berlaku di Terengganu, di Pasir Putih, di Bacok, di Tumpat, Pasir Mas. Itu tanah-tanah berpasir, sesuai dengannya. Jadi, oleh kerana keadaan cuaca yang tidak menentu di akhir-akhir ini menyebabkan ramai di kalangan pengawet-pengawet tembakau mengalami kerugian dan ramai juga yang mengalami, yang mempunyai hutang-hutang lapuk.

Saya ingin sebutkan di sini sebab-sebab kenapa mereka ini mengambil hutang lapuk, terutama sekali ialah kos pengeluaran tembakau tidak pernah dikaji sejak 1985 lagi. Sebagaimana yang sepatutnya setiap tiga tahun sekali berbanding dengan rokok dinaikkan kira-kira 300%, boleh dikatakan setiap tahun. Rokok naik harga tiap-tiap tahun, kadang-kadang sampai 300% tetapi kajian untuk penanam-penanam tembakau ini supaya kos pengeluaran itu tidak tinggi, tidak pernah dibuat. Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian, mengapakah perkara ini tidak diambil kira.

Demikian pula peningkatan kos dan upah semenjak 20 tahun kebelakangan ini juga meningkat 3 kali ganda. Kos baja juga, walaupun kerajaan bagi subsidi tetapi masih lagi tinggi kalau hendak dibandingkan dengan tanaman-tanaman yang lain. Kita tengok R&D – R&D ini kita tengok masih lagi tidak sampai ke tahap bagaimana untuk mendapatkan hasil yang baik, mutu yang baik.....

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya! Sila.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya tertarik dengan analisis dan juga penerangan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat terutama di Kelantan, penanam tembakau di Kelantan. Memang sekarang kita ada mengalami satu masalah delima, di mana satu kementerian kita akan menggalakkan lagi, mempertingkatkan lagi keberkesanan

penanaman tembakau, pada masa yang sama kementerian lain tidak menggalakkan merokok atau kempen antimerokok.

Saya hendak tanya sedikit, apa penjelasan daripada Yang Berhormat. Tadi, Yang Berhormat kata apakah cara dan apakah analisis ataupun penyelidikan telah dibuat. Saya hendak tanya, kalau tidak silap saya lebih daripada 80% penanam tembakau di negara ini adalah tertumpu di Kelantan iaitu parti pimpinan Yang Berhormat. Apakah cara atau apakah inisiatif yang telah dimulakan ataupun ditingkatkan oleh kerajaan negeri pimpinan parti Yang Berhormat untuk berganding bahu dengan kerajaan pusat untuk mengurang ataupun menyelesaikan ataupun mengurangkan masalah tanaman. Saya hendak penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Puchong. Memang Kerajaan Kelantan dengan penuh sedar bekerjasama dengan pihak Lembaga Tembakau Negara (LTN) dalam mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak penanam-penanam tembakau. Terutama sekali dari segi membina saluran-saluran air untuk mengeringkan air sewaktu musim tengkujuh. Itu kerajaan negeri telah memberi kerjasama dengan memberi laluan, tanah-tanah itu diberi untuk dibuat saluran air oleh Lembaga Tembakau Negara.

Kemudian.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Gulung sudah. Allahuakbar. Saya gulung ya. Saya ingin mengetahui ataupun ingin bertanya kepada pihak Lembaga Tembakau Negara, khususnya, melalui kementerian ini, setakat hari ini, apakah kerajaan masih lagi merasa sudah cukup hasil yang diperolehi sekarang ini, satu hektar purata hanya 850 kilogram sahaja, iaitu kalau hendak dikira tiga kali ganda purata hasil terendah kalau hendak dibandingkan dengan dunia luar sekarang ini. Jadi, apakah kerajaan merasa puas hati, sudah cukup?

Kemudian, apakah kerajaan masih mempercayai kepada monopoli pihak pembeli-pembeli daun kering oleh pengilang-pengilang rokok ini ataupun *buyers market* ini. Kalau kerajaan rasa sudah puas hati maka pihak penanam dan pengawet-pengawet ini rasa cukup dukacita kerana kerajaan tidak berusaha bersungguh-sungguh supaya pihak pembeli daun kering daun kering ini tidak monopoli *market* dan menindas pada penanam-penanam dan pengawet-pengawet di seluruh tanah air ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**4.39 ptg.**

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 01000 – Pentadbiran Dan Penyelidikan dan seterusnya kepada 06000 – Lembaga Lada Hitam.

Pertama, Tuan Pengerusi, kita telah dikejutkan apabila kita melihat pasaran-pasaran antarabangsa, harga minyak satu tong berharga USD50. Jadi, apabila kita melihat perkara yang macam itu, kita teringat *reserve* minyak di Malaysia ada, mungkin dalam masa 50 tahun lagi tidak ada. Tetapi kalau kita tengok *export earning from commodities and commodity base product* Januari hingga Disember 2003, untuk *palm oil, palm kernel oil, oil chemical, palm base product, palm kernel cake*, jumlahnya USD27.734 bilion dan hasil dari minyak USD37.263 bilion.

Jadi, ini menunjukkan pendapatan kita dari kelapa sawit adalah begitu baik dan masa depan begitu cerah dan saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menentukan kita mara ke hadapan dengan lebih berkesan untuk menentukan apabila minyak dari perut bumi tidak ada lagi, kita sudah ada satu komoditi yang sedia ada untuk menentukan negara Malaysia ini akan terus kaya dan bahagia.

Saya juga ingin tahu apakah penyelidikan yang telah dibuat untuk menentukan iaitu kelapa sawit ini boleh digunakan untuk menukar minyak diesel. Oleh kerana pada tahun 1996 kita Ahli-ahli Parlimen ke kementerian ini dan di sana kita melihat enjin kereta *Mercedes* dipasang menggunakan diesel dari *palm oil* dan saya menyarankan dan meminta kementerian memohon lebih banyak lagi wang untuk menggalakkan saintis-saintis yang bertaraf antarabangsa supaya mereka datang ke Malaysia dan membuat penyelidikan.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Setuju tidak kalau kita katakan bahawa tentang kelapa sawit ini dari segi R&D kita agak lembap sedikit, walhal dalam kelapa sawit ini kita

dapat menyelamatkan banyak duit negara. *Biomass* ataupun bahan buangan kelapa sawit boleh *generate electricity* dan teknologi hari ini sudah ada di Canada tetapi kita tidak mahu memulakan, begitu juga dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang diesel daripada minyak kelapa sawit. Kita harus pertekankan R&Dnya kerana mungkin pada hari ini kos untuk mengeluarkan diesel daripada kelapa sawit agak tinggi sedikit tetapi kalau R&D kita ini, kita berikan tumpuan kemungkinan kita akan dapat menurunkan kos itu dan kita tidak payah banyak mengimport minyak daripada luar negeri.

Minyak yang sudah ada kelapa sawit ini, kita sudah boleh membuat diesel, begitu juga dengan dahan, pelepah-pelepah kelapa sawit. Kita selalu gembar-gemburkan, walhal benda itu boleh dibuat kertas tetapi belum kita dapat penemuan yang sah tentang perkara itu kita sudah gembar-gemburkan. Kita sudah berjumpa dengan kaedah untuk membuat kertas daripada pelepah-pelapah kelapa sawit tetapi *that was five years, six years ago* tetapi sampai ke hari ini tidak ada. Jadi, saya berharap dengan peruntukan Yang Berhormat minta tadi supaya Lembaga Kelapa Sawit ini memberikan tumpuan yang lebih kerana ini adalah masa depan kita.

Kelapa sawit ini kita sudah tanam merata-rata di seluruh negara, ini masa depan negara kita. Jadi, mesti ada R&D yang lebih hebat dilakukan terhadap produk-produk sampingan daripada minyak kelapa sawit ini. Setuju tidak dengan saya.

**Tuan Jimmy Donald:** Memang bersetuju 100%. Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ingin melihat negara kita ini sebagai *bill gate of the kelapa sawit industry* dengan izin, kita membuat penyelidikan, kita mencari otak-otak yang bergeliga dari seluruh dunia apa-apa yang kedapatan kita paten supaya walaupun ada negara-negara lain yang menanam kelapa sawit, mereka harus menggunakan paten kita dan harus dipaksa datang ke sini supaya kita membuat aktiviti-aktiviti hiliran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Aman. Saya amat tertarik tentang hujah-hujah Yang Berhormat tadi tentang diesel daripada minyak kelapa sawit. Tuan Pengerusi, yang sebenarnya diesel daripada minyak kelapa sawit ini adalah *methyl ester*. *Methyl ester* ini adalah bahan bakaran juga, tetapi di dalam CPO kandungan *methyl ester* amat berkurangan tetapi di dalam *biomass* di dalam batang kelapa sawit ini oleh

sebab banyak *cellulose* di dalam batang kelapa sawit ini, maka ini boleh digunakan untuk menghasilkan *methyl ester* yang seharusnya boleh menggantikan diesel untuk bahan bakar di dalam kenderaan kita. Ini adalah penting oleh itu bersetuju tidak Yang Berhormat bagi Sri Aman menyarankan agar R&D untuk menggunakan *cellulose* dalam batang kelapa sawit ini untuk menghasilkan *methyl ester*.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Pengerusi, itulah hasrat saya tadi saya minta kerajaan, kementerian *go on head hunting* seluruh dunia cari saintis-saintis yang pandai bawa ke sini beri mereka gaji yang tinggi, kita minta mereka membuat *research day and night* kalau dapat. Oleh kerana mengapa negara Amerika sudi mengorbankan nyawa di *Middle East* sebab minyak, tetapi kalaulah kita dapat mengeluarkan diesel dari kelapa sawit saya rasa mereka akan keluar dari Iraq besok pun.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya juga diberitahu penyelidik-penyelidik, saintis-saintis kita sebahagian dari mereka adalah *government servant*, orang yang bertugas dengan kerajaan. Saya minta kalau mereka pandai, kalau mereka bijak membuat penemuan yang baik mereka harus diberi jawatan yang tinggi, gaji yang tinggi, gaji yang lumayan dan kita jangan memaksa mereka bersara apabila umur mereka sampai ke 56 tahun. Kalau mereka dapat menyumbang sampai umur 86 tahun pun boleh juga, kita beri mereka tugas, gaji mengikut kebolehan mereka.

Tuan Pengerusi seterusnya juga perhubungan antarabangsa. Ini saya rasa mungkin dari kementerian kita dari masa ke semasa menghantar pegawai-pegawai orang yang pandai, orang yang bijak pergi ke luar negeri untuk memasarkan, untuk memujuk, untuk melobi, supaya hasil kelapa sawit kita dapat diterima di seluruh dunia.

Tuan Pengerusi, yang saya tidak bosan memberitahu, kerana saya juga telah berkhidmat di *civil service*, apa yang saya nampak satu daripada kerenah *civil service* ini ialah *boss* mereka suka betul pergi ke luar negeri untuk makan angin.

Makan angin duduk kelas pertama, duduk *business class*, tetapi orang yang memang pandai, orang yang bijak kadang-kadang dia tidak bawa kerana peruntukan tidak mencukupi, itu yang pertama. Jadi, mereka ini menjadi *passenger*, saya pun sekali-sekala mengikuti persidangan antarabangsa dan saya nampak dari negara jiran kita ada dua, tiga orang. Oleh kerana mereka adalah pegawai kerajaan mereka *boss*, tidak ada orang yang berani melawan *boss*, mereka selalu 'melantik' diri mereka

pergi ke luar negeri. Dan apabila di luar negeri, apabila orang berbincang, mereka seperti patung, tidak ada sumbangan apa-apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Donald:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta kementerian kaji siapa yang patut, siapa yang dapat menyumbang. Kawan saya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, ROI dia, ini saya rasa tepat betul. Kalau dia tidak dapat menyumbang walaupun dia KSU, walaupun dia Timbalan Menteri, walaupun dia Setiausaha Parlimen, jangan bawa dia.

Untuk menggulung, Tuan Pengerusi, saya minta subsidi untuk Lembaga Lada Hitam ini oleh kerana kita nampak tembakau pun ada subsidi, padi pun ada subsidi, sampai Rakan Muda pun ada subsidi. Apabila kita tengok orang lepak, kita bagi mereka peruntukan. Tetapi orang yang menanam lada hitam ini, mereka ada keluarga, mereka ada anak, mereka ada cucu yang harus dihantar pergi sekolah dan lada hitam ini adalah satu komoditi yang susah ditanam, tetapi ada masa depan yang cerah.

Saya rasa kita haruslah memberi layanan kepada mereka seperti yang diberi kepada penanam-penanam komoditi yang lain. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada lagi lima yang hendak bercakap. Oleh kerana ramai hendak bercakap dan Menteri kena menggulung petang ini, saya bagi lima minit. Yang Berhormat bagi Ledang.

**4.52 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyentuh kepada Butiran 30000 – Lembaga Getah Malaysia. Tuan Pengerusi, Lembaga Getah Malaysia mempunyai tanah seluas lebih kurang 2,000 ekar di Sungai Buloh. Satu ketika dahulu, lebih kurang tiga tahun yang lalu, LGM ataupun Lembaga Getah Malaysia hampir membina sebuah makmal penyelidikan getah termaju di dalam negara Malaysia yang lokasinya di Sungai Buloh, tetapi projek tersebut ditangguhkan ataupun dibatalkan bukan kerana tidak ada peruntukan, kerana Lembaga Getah Malaysia tidak dapat menepati kehendak Majlis Perbandaran Shah Alam yang menghendaki supaya *master plan* dimajukan bagi pembangunan tanah seluas 2,000 ekar tersebut.

Lembaga Getah Malaysia tidak dapat memenuhi permintaan MPSA ataupun Majlis Perbandaran Shah Alam, langsung projek tersebut dibatalkan, tidak ada tindakan langsung. Sedangkan kepada saya walaupun MPSA sekarang meminta supaya dimajukan *master plan*, saya tidak nampak rundingan selanjutnya tidak boleh dibuat seolah-olah Lembaga Getah Malaysia....

*[Yang Berhormat bagi Kimanis masuk ke dalam Dewan]*

Selamat datang Timbalan Menteri yang tadi keluar, kemudian masuk balik. Seolah-olah Lembaga Getah Malaysia tidak serius di dalam mengusahakan makmal tersebut, sedangkan kita tahu Lembaga Getah Malaysia mempunyai peranan yang besar untuk membangunkan industri getah. Kita sudah merdeka 47 tahun. Banyak produk getah dikeluarkan, tetapi kepada saya tidak cukup setakat produk getah seperti tayar dan lain-lain termasuklah alas bangunan dan alas jambatan.

Saya menjangkakan setelah kita merdeka 47 tahun, setelah usia Lembaga Getah Malaysia begitu lama, produk-produk lain termasuklah mungkin bahan untuk menggantikan bitumen untuk membina jalan raya dan sebagainya. Inilah peranan Lembaga Getah Malaysia dan saya amat kecewa, bukan kerana peruntukan tidak ada, projek tersebut ditangguhkan, tetapi kerana tidak dapat memenuhi kehendak MPSA.

Jadi, Tuan Pengerusi, kalaulah Lembaga Getah Malaysia tidak serius di dalam memajukan perkara ini, saya yakin banyak lagi inisiatif ataupun kajian-kajian lain yang berkaitan dengan getah Malaysia tidak dilanjutkan semata-mata kerana mereka tidak serius, sedangkan kepimpinan negara serius. Kita mengukur daripada prestasi dan kita tertunggu-tunggu apakah kajian-kajian yang terbaru yang dikeluarkan oleh Lembaga Getah Malaysia.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak cukup, saya masuk satu lagi tentang tembakau. Tentang tembakau pula, Butiran 20000, saya menyokong pandangan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi dan kepada saya, penanam-penanam tembakau perlu dibela. Tetapi untuk satu jangka masa yang panjang, bukan kita hendak memamatkan industri tembakau tetapi kepada saya mesti ada satu kajian. Bukan tembakau ini untuk hisap rokok sahaja. Mungkin satu masa nanti, tembakau boleh dijadikan ubat atau boleh dijadikan pewarna. Di sinilah peranan serius tadi. Kalau Lembaga Getah Malaysia perlu serius, Lembaga Tembakau Malaysia pun perlu serius.

Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, mudah-mudahan mendapat perhatian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong. 4.56 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, dalam lima minit, susahlah sedikit. Walau bagaimanapun, halaman 203, Butiran 020000 – Lembaga Tembakau Negara dan juga Butiran 050000 – Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan dua perkara yang dipesan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dia kata saya tidak cakap banyak mengenai kementerian beliau, tetapi di sini mengenai tembakau.

Pada satu ketika, misalnya 28 September 2000, pihak industri tembakau sudah berjumpa dengan bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir untuk membincangkan bagaimana industri pengawet tembakau itu dapat dikeluarkan, *exceed retreat*. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang memang ada sebutkan mengenai macam mana kita dapat memelihara industri ini.

Walaupun bagaimanapun, Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya tidak setuju dengan Yang Berhormat terus menghisap rokok, bukan itu sahaja, tetapi kita mesti dari segi ekonomi atau dari segi sosioekonomi kita, kita mesti mempertimbangkan dengan semasak-masaknya bagaimana kita dapat *exceed*, keluarkan ataupun bagaimana kita dapat menggunakan tembakau untuk penggunaan yang lain. Saya tidak tahulah. Tetapi Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak boleh, dia satu batang setiap jam.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Menyampuk*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, yang penting sekali kita mesti mempertimbangkan dalam 20 atau 30 tahun ini, ekonomi tembakau...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...dalam 30 tahun ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lima minit, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak apalah, dia tambahlah, Yang Berhormat bagi Kepong punya fasal. Tembakau punya fasal.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lima minit sahaja, macam mana hendak beri jalan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kepong. Kalau tembakau tidak dijadikan rokok, hendak dijadikan apa? Songel sajakakah? *[Ketawa]* Dan Yang Berhormat bagi Kepong tidak boleh berterima kasih dengan sayakah? Saya pembayar cukai.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mesti, kita mesti mempertimbangkan macam mana kita hendak menguruskan masalah tembakau dan ketagihan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang tidak dapat dibendung dan *[Disampuk]* tidak dapat dibanteras.

Dalam 30 tahun ini, dari segi ekonomi, gantian import mengurangkan tukaran asing pada kadar statik 55%, RM20 bilion mengurangkan peningkatan dibawa masuk penyeludupan rokok pada kadar statik 23%, RM40 bilion. Cukai dan eksais menjadi perolehan kerajaan termasuk lain-lain cukai hiliran termasuk RM58 bilion. Pulangan dan keuntungan pengilang-pengilang rokok termasuk lain-lain keutamaan dan perolehan RM168 juta. Ini memang suatu angka yang begitu besar untuk industri tembakau dan industri hiliran.

Di sini, Tuan Pengerusi, kalaulah pihak dasar kementerian untuk mengendurkan daripada industri ini, macam mana kita boleh ganti dan macam mana kita boleh menghentikan dan mengurangkan import itu kerana kehilangan tukaran asing yang begitu banyak.

Di sini saya hendak mengulang, sebagai konsesi duti import untuk *retreat*, untuk mengundurkan lebih industri ini, pada tahun 2001 ada satu perjanjian yang ditandatangani oleh Timbalan Menteri Kewangan pada 31 Disember 2001 dan dianggarkan satu konsesi duti import sebanyak RM50 juta setahun. Tabungan ini diwujudkan dengan andaian bahawa sebarang pengurangan cukai import yang dinikmati oleh pengilang-pengilang rokok itu wajar disalurkan semula kepada industri itu. Ini sebagai kesinambungan bantuan yang dimulakan oleh pihak kerajaan kepada penanam tembakau sebanyak RM22.5 juta sebagaimana disempurnakan oleh bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Di sini saya hendak membangkitkan, ke manakah perginya konsesi duti import ini? Kalau tidak silap saya, RM50 juta setahun, sekarang ada tiga atau empat tahun, sejumlah lebih RM200 juta. Saya berharap Yang Berhormat dapat menyiasat ke mana perginya konsesi itu diimport ini untuk skim *retreat* bagi para penanam tembakau.

Seterusnya mengenai Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Di sini saya tidak mahu membincangkan mengenai faktor politik. Cuma di Terengganu, kerana

pertukaran kerajaan, pihak Menteri Besar hendak adakan satu kajian kertas putih untuk industri kayu di negeri Terengganu. Hendak adakan kertas putih, saya tidak bantah, dia mungkin hendak menyempurnakan industri kayu di Terengganu. Itu memang kita galakkan, itu satu perindustrian atau pembangunan yang mapan, itu memang kita galakkan.

Tetapi walau bagaimanapun, sementara itu, kita tidak boleh hendak jejakkan perindustrian itu. Kalau kita hendak adakan satu kajian, satu kertas putih, biar kita buat siasatan untuk kertas putih. Jangan kita menjejaskan perindustrian kayu kerana ini satu negara yang demokrasi berparlimen. Walaupun kita tukar kerajaan, kita mesti kekalkan apa-apa yang betul; industri, perdagangan dan sebagainya, kekal dengan betul kecuali seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia hisap lebih, kita mesti hentikan, itu mesti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ada lima minit lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Lima minit sudah selesai.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Selesai? *[Ketawa]* Ya, saya akan gulung. Memandangkan kementerian ini hendakkan pembangunan industri perkayuan dan memberikan perkhidmatan dalam aspek pengurusan, pemasaran dan pembangunan kepada industri ini dengan lebih cekap dan berkesan ke arah mewujudkan perusahaan kayu-kayan berdaya maju.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau kita hendak adakan kertas putih, itu perkara baik tetapi jangan kita, saya ulangi, menjejaskan industri itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Petra Jaya.

**5.04 ptg.**

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian berkaitan dengan B.20 – 00101, B.20 – 04000, 070200, 080700 – Lembaga Koko Malaysia.

Kalau kita lihat dalam perancangan Lembaga Koko Malaysia ialah pertama, untuk mempertingkatkan pengeluaran biji koko, kedua, memperkukuhkan dan menyeimbangkan pasaran. Kalau fakta daripada penelitian yang saya buat, kita mendapati bahawa pengurangan dalam penanaman koko secara komersial telah

menunjukkan penurunan yang amat jelas. *Survey* 2003 yang dijalankan menunjukkan hanya tinggal 45,364 hektar yang ditanam. Penurunan dikatakan disebabkan oleh harga murah bermula tahun 1990.

Jadi akibatnya banyak penanam koko ditinggalkan (*abandon*) yakni 25.6%. Ini mendatangkan kesan di mana hasil bijian koko kering menunjukkan penurunan sebanyak 23.9% pada tahun 2003. Manakala import Malaysia ke atas bijian koko kering pada tahun 2003 adalah berjumlah RM1.07 bilion iaitu sebanyak 234,773 tan. Majoriti bijian koko kita diimport dari Indonesia. Eksport kita berkaitan dengan bijian koko hanya RM82 juta.

Jadi kemusykilan yang bermain di otak saya ialah, dengan import yang begitu banyak, yakni RM1.07 bilion tadi, mengapakah pengurangan penanaman dan penawaran koko di Malaysia? Apakah insentif yang telah diambil oleh kementerian dalam menggalakkan penanaman koko ke atas tanah yang ditinggalkan?

Kedua, adakah sebarang mekanisme bagi mengawal harga supaya penanam-penanam koko terutamanya pekebun-pekebun kecil ini terbela? Ketiga, setakat mana usaha meningkatkan pengeluaran biji koko berjaya dilaksanakan? Keempat, apakah *net result* dengan izin, di antara import dan eksport koko keseluruhannya untuk negara kita? Yang terakhir, adakah kerajaan akan menggalakkan pengeluaran koko dan memberi insentif kepada pekebun-pekebun kecil supaya mereka mendapat bantuan dalam konteks harga koko bila harga turun.

Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Sabak Bernam. Yang bangun tadi boleh cakap, saya bagi peluang.

#### **5.07 ptg.**

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Alhamdulillah. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Dewan yang mulia. Kita ingin menyentuh B.20 – 01000 hingga B.08000 dan B.00505. Kita memang menyokong sepenuhnya malah menghargai usaha pihak kerajaan melalui pelbagai lembaga ini khususnya kelapa sawit untuk meningkatkan lagi nilai tambah dan harga kelapa sawit ini.

Dalam konteks ini, rakyat di Sabak Bernam khususnya, semakin ramai yang mengubah tanaman kelapa kopra, kelapa biasa, Malaysian Tall dengan kelapa sawit. Sungguhpun demikian, kita ingin mencadangkan kepada kementerian yang berkenaan,

satu nilai tambah di mana kalau kita buat satu perbandingan di Sabak Bernam, lima ekar kelapa sawit dalam sebulan boleh mendatangkan pendapatan RM1,500. Sementara satu ekar tembikai susu sebulan boleh mendatangkan pendapatan RM2,000. Begitu juga dengan empat ekar longan tanpa musim yang saya telah bangkitkan boleh mendatangkan pendapatan RM2,000. Saya ingin mengulangi, lima ekar kelapa sawit mendatangkan pendapatan RM1,5000. Begitu juga dengan satu ekar ternakan ikan keli, satu bulan boleh mendapat pendapatan RM3,500.

Oleh kerana itu, kita mencadangkan supaya kementerian ini memberi satu nilai tambah di mana di kawasan lima ekar ini sebagai contoh, bawah pokoknya adalah kawasan yang biasanya lapang dan bersih, oleh kerana itu kita minta supaya pihak kementerian membuat satu kajian khusus sama ada tempat ini sesuai untuk katanya, mana yang menternak kambing, ayam, lembu dan kemudian macam di Selangor dibuat percubaan menanam pokok Kacip Fatimah yang dikatakan boleh mendatangkan satu keuntungan yang jelas. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua ini kalau saya tidak bawa, Tuan Pengerusi, saya tidak boleh balik kampung iaitu mengenai pekebun kecil 5,000 keluarga di Sabak Bernam. Kalau Selangor 10,000 keluarga, seluruh negara saya difahamkan ada 25,000 keluarga yang terlibat dengan penanaman kelapa copra *Malaysian Tall*. Kita dapati tidak ada satu badan yang membela ataupun memberikan perhatian secara khusus terhadap masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil ini.

Pada tahun 2001 hingga 2002 kita dapati harga kelapa ini sebiji bawah daripada RM0.05. Tetapi dengan ihsan daripada pihak kementerian dan juga kerajaan negeri khususnya negeri Selangor maka negeri Selangor mendapat subsidi bernilai RM5.5 juta pada 2002 dan RM6 juta pada 2003. Tetapi ini sebenarnya berbahaya saya ingin hendak nyatakan kerana tidak ada satu jaminan bahawa harga kelapa ini akan kekal. Oleh kerana itu Sabak Bernam ingin mencadangkan seperti juga komoditi yang lain supaya satu bentuk lembaga diwujudkan. Lembaga Kelapa Sawit umpamanya diwujudkan supaya dapat berbuat sesuatu bagi menjamin harga kelapa ini akan kekal balik. Kalau buat masa ini harga kelapa ini sebenarnya antara RM0.40 hingga RM0.45. Jadi Alhamdulillah, tetapi setakat manakah harga ini boleh dikekalkan.

Jadi, oleh kerana itu kita ingin mencadangkan supaya jawatankuasa ini dibentuk atau kita ingin mencadangkan satu lagi pilihan yang mungkin diperlukan oleh

kementerian ini ialah diwujudkan satu pengurusan pusat seperti yang dibuat di Selangor bagi tanaman padi di mana tanah-tanah yang kebanyakannya terbiar ini dapat diuruskan oleh pihak pusat tertentu dan pihak kementerian disarankan untuk menyediakan satu peruntukan khusus bagi tujuan ini yang kelak akan membantu pihak petani ataupun pekebun kecil kelapa. Kemungkinan ada penindihan tanggungjawab di antara kementerian ini dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, yang ini kita serahkan kepada pihak berwajib kedua-dua kementerian untuk mengatasinya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu.

**5.12 ptg.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan 010100 iaitu Kemajuan Industri Komoditi Perhubungan Antarabangsa dan Khidmat Sokongan. 010200 Kemajuan Industri Komoditi dan Perancangan Korporat, dan juga 11100 Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Menjadi objektif Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk kita mempertingkatkan kelebihan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa dan selain daripada itu juga ialah untuk memastikan bahawa pengeluaran kita mendapat tempat di pasaran antarabangsa selain daripada usaha kita untuk kita menembusi pasaran yang baru ini.

Dalam konteks ini pasaran komoditi negara harus bertindak secara kreatif bukan mengamalkan strategi *conventional*, dengan izin iaitu yang disebut sebagai iaitu *grower-shipper* ertinya sekadar menanam seterusnya kita mengeksport keluar. Tetapi di antara keduanya itu iaitu pemrosesannya memberi *value-added, the value change* ini harus diberi penekanan dan di sinilah memerlukan kita melakukan dan mendapat peruntukan yang besar dari segi R&Dnya.

Dalam konteks ini juga pengeluar-pengeluar tempatan perlu mempertingkatkan keupayaan kita untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar berkos rendah seperti Vietnam yang sedang muncul dengan begitu hebat dan perkasa juga China yang sedang meningkat sekarang ini.

Tuan Pengerusi, perkara seterusnya yang hendak saya timbulkan ialah tentang mempertahankan produk-produk komoditi Malaysia di pasaran antarabangsa daripada serangan pesaing. Ini termasuklah isu yang membabitkan eksport minyak sawit kita khususnya ke India yang masih berlarutan iaitu persoalannya sekarang ini terdapat semacam satu aturan yang memberi diskaun berat sebelah terhadap minyak sawit berbanding dengan minyak soya. Harga minyak sawit mentah pasti akan lebih tinggi berbanding dengan sekarang tetapi menjadi sebaliknya disebabkan diskaun berat sebelah yang diamalkan oleh pasaran sekarang.

Mengapa, mengapa perlu ada diskaun kepada harga minyak sawit mentah? Mengapa, mengapa kita terus berdepan dengan diskriminasi diskaun yang sangat tinggi? Dengan duti import yang berbeza di kalangan negara pengimport utama yang mengakibatkan implikasi besar kepada harga minyak sayur di pasaran dunia, India khususnya yang merupakan pengeksport terbesar minyak sawit sebanyak 3.5 juta tan setahun. Tahun lalu misalnya mengenakan duti import ke atas minyak sawit lebih tinggi berbanding minyak soya.

Duti importnya sebanyak 65% bagi minyak sawit mentah dan 70% bagi minyak sawit diproses, nyata lebih tinggi berbanding 45% bagi minyak soya. Pada mulanya memang alasan India diterima iaitu mereka mahu melindungi kepentingan pengeluaran-pengeluaran minyak sawit di negara mereka. Masalahnya, duti import yang tinggi ini terus diamalkan dan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan penurunan dan dikaji semula.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail:** Dengan ini saya mencadangkan supaya kita memberi tumpuan kepada pembangunan produk-produk ditambah nilainya melalui kegiatan hiliran dan meneroka lebih banyak pasaran baru dalam meluaskan eksport kita. Selain daripada itu, ahli-ahli yang menyelidik di bidang R&D terutama di bidang industri sawit ini harus memikirkan strategi-strategi kita agar kita dapat mempertingkatkan daya saing terutama berdepan dengan China dan juga Vietnam yang sedang meningkat daya saing mereka terutamanya mereka berkeupayaan untuk mengeluarkan hasil produk mereka pada kos yang lebih rendah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian, selepas itu kementerian menjawab.

**5.17 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dalam masa yang sedikit ini perkara Kepala B.20 mengenai Butiran 03000 Lembaga Getah Malaysia. Kalau saya sempat saya sentuh sedikit tentang Butiran 04000 Lembaga Koko Malaysia.

Tuan Pengerusi, status Malaysia sebagai pengeluar getah asli kelima terbesar di dunia, adakah dengan status pengeluar getah kelima terbesar di dunia ini akan menjadikan Malaysia juga sebagai sebuah negara yang akan ke hadapan, akan menjadi sebuah negara yang berinovasi dan proaktif dalam menghasilkan terutama dalam industri penghasilan produk yang berasaskan getah. Ini persoalan yang ingin saya ajukan kepada kementerian ini supaya Malaysia bukan sahaja menjadi sebuah negara yang kekal dan kalau boleh kembali sebagai pengeluar terbesar getah asli dunia tetapi mestilah menghasilkan juga produk dalam bentuk produk yang berasaskan kepada getah.

Malah, apa yang membimbangkan saya ialah berdasarkan statistik keluasan tanaman getah merosot di antara tahun 1993 hingga tahun 2003 iaitu daripada 1.76 juta hektar merosot kepada 1.32 juta hektar. Ini saya minta penjelasan kepada kementerian yang berkenaan kenapakah perkara ini boleh berlaku sedangkan pada saya dalam kita perlu berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar getah asli terbesar di dunia kenapakah keluasan tanaman getah ini merosot dengan begitu ketara sekali.

Satu lagi statistik yang mencatatkan bahawa 70% getah asli yang dikeluarkan dalam negara ini adalah dalam bentuk *latex* manakala Malaysia juga satu-satunya negara dalam dunia ini yang mengeluarkan getah asli EMR secara komersial. Tetapi perlu diingat bahawa kedudukan Malaysia itu tidak begitu menonjol kerana ruang pasaran yang terhad dalam penggunaan EMR ini melainkan beberapa kegunaan untuk pembuatan tapak kasut dan pelekat sahaja.

Berdasarkan kepada fakta dan statistik ini saya merasakan kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia ini mestilah memikirkan suatu langkah yang lebih berinovasi supaya negara kita akan muncul bukan sekadar kita hanya mengimport bahan-bahan yang berasaskan getah daripada luar negeri tetapi kita juga mampu sebagai sebuah negara yang mengeluarkan barang-barang yang berasaskan kepada

getah kerana kita ada bahan metah ini dan kita masih lagi bertahan pada tahap negara yang kelima pengeluar getah asli yang terbesar dalam dunia ini.

Saya ingin berkongsi suatu maklumat daripada suatu kajian, suatu *research* yang telah dibuat oleh Institut Teknologi Nuklear Malaysia (MINT), yang mana dalam suatu kajian yang telah mereka buat, telah memperkenalkan suatu formula dengan mengadunkan EMR ini dengan bahan *thermoplastic* iaitu *Poly Vinyl Chloride (PVC)* yang boleh dimanfaatkan untuk menghasilkan beberapa produk dan yang paling utama ialah suatu produk yang bernama Jalur Cuaca (*Weather Strips*) yang boleh digunakan untuk kenderaan dan juga untuk kegunaan bangunan.

Dengan ini saya merasakan bahawa kementerian ini perlu melihat secara lebih fokus tentang kajian-kajian yang dihasilkan ini supaya dalam suatu aspek yang lain, kajian-kajian yang begitu baik, kajian-kajian yang sebegini spesifik dapat kita manfaatkan, dan saya rasa kementerian perlu melihat, tidak salah rasanya, kalau kementerian memberikan bajet, tambahan belanjawan terhadap produk-produk yang dihasilkan daripada kajian-kajian yang sangat besar maknanya ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, menyentuh tentang perkara ...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nak tanya sat, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa dia sudah nak habis, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nak cakap fasal R&D.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Tak mengapalah, rakan baik. Tak mengapa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik tentang Yang Berhormat mengatakan iaitu *research* dan sebagainya, kita sedia maklum satu ketika dulu getah adalah pendapatan negara yang terbesar tetapi sekarang minyak mengambil alih, adakah Yang Berhormat sedar bahawa R&D ini amat perlu untuk kita wujudkan industri kecil-kecilan di kawasan-kawasan di mana tanaman getah masih ada supaya ia dapat diwujudkan dalam kawasan-kawasan estet dan sebagainya, ataupun dalam kawasan tanaman getah supaya penoreh-penoreh getah ini juga akan terlibat dari segi pertumbuhan ekonomi.

Yang Berhormat pun tahu getah ini kalau mai musim hujan dia tidak boleh memotong dan kalau musim daunnya gugur, pun tidak boleh memotong. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan juga cuba membuat R&D supaya kita wujudkan industri-industri kecil daripada hasil getah ini supaya dapat dipasarkan dan memberi manfaat, keuntungan kepada penoreh-penoreh getah. Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Ya, sebab itulah tadi saya minta pihak kementerian supaya lebih proaktif, lebih berinovasi. Kalau boleh, di kawasan saya sendiri pun banyak pekebun kecil getah yang saya rasa mereka perlu bukan sahaja bergantung kepada hasil torehan getah itu tetapi maknanya kalau ada kilang-kilang, kalau ada industri kecil membuat selipar dan seumpamanya, membuat tayar-tayar, ini akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, Butiran 04000 tentang Lembaga Koko Malaysia. Ini juga saya melihat supaya kementerian memandang serius tentang industri koko ini dan saya ingin bertanya sama ada klon-klon yang pada suatu ketika dulu menjadi suatu kebanggaan negara, di mana MARDI telah mengadakan suatu *research* yang baik yang menghasilkan KKM1 hingga KKM25 kalau tidak silap saya, adakah klon-klon ini masih berkembang ataupun adakah MARDI masih terus menjalankan penyelidikan supaya industri ini terjamin dan tanaman koko ini akan mengeluarkan buah ataupun hasil yang lebih baik dengan hasil-hasil ataupun dengan klon-klon yang lebih bermutu. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menjawab. Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.26 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Aman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian termasuk Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat

bagi Sri Aman, Yang Berhormat bagi Ledang, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Petra Jaya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi, saya agak bimbang sedikit oleh sebab tidak ramai yang begitu berminat di peringkat dasar yang mengambil bahagian tentang kementerian ini sedangkan kementerian ini telah pun menghasilkan pendapatan eksport yang begitu besar pada tahun 2003, iaitu hampir RM60 bilion dan oleh itu soalan-soalan yang bernas yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat begitu penting untuk kita memantapkan lagi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ini.

Saya juga berterima kasih atas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah pun diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, dan di antaranya Yang Berhormat bagi Mambong yang telah pun membangkitkan isu bahawa Sarawak merupakan pengeksport paling tinggi dari segi *volume* tetapi dari segi nilai pula agak kecil berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai eksport yang diperolehi oleh Sarawak adalah rendah jika dibandingkan dengan *volume*, seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, ialah oleh sebab barangan kayu-kayan yang dieksport adalah menampakkan barangan yang kita katakan *Veneer Process* yang bernilai rendah seperti kayu balak, kayu bergergaji dan papan lapis manakala daripada Semenanjung pula, barangan kayu-kayan yang telah pun dieksport adalah barangan yang bernilai tinggi termasuklah perabot dan juga kayu kemai dan barang-barang yang bernilai tinggi.

Pada tahun 2003, untuk makluman Yang Berhormat bahawa industri perabot telah pun mengeksport sebanyak RM5.8 bilion dan kita mengharapkan bahawa kedua-dua negeri di Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak akan menggunakan *resource* mereka secara yang terbaik atau *optimum utilization*, dengan izin, supaya mereka boleh mengeluarkan barangan yang bernilai tinggi supaya pendapatan akan setimpal dengan eksport ataupun kayu yang telah pun dihasilkan daripada hutan-hutan mereka.

Yang Berhormat juga telah pun membangkitkan tentang isu yang hangat diperdebatkan dalam forum antarabangsa, iaitu di antaranya cadangan Indonesia untuk mengenakan ataupun kayu ramin ini daripada *diuplist* daripada *Annex III CITES* kepada *Annex II* di *Conference of Parties to CITES* yang berlangsung di Bangkok. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kita memang menghadapi beberapa

masalah tentang perkara-perkara seumpama ini terutama sekali yang melibatkan kayu kayan dengan negara jiran kita, dan alasan negara Indonesia mencadangkan meletakkan ramin di bawah *Annex II* ialah untuk mengatasi masalah pembalakan haram yang berleluasa yang mana didapati dengan populasi yang ramai akan menyebabkan ramin ini menjadi pupus sekiranya ia tidak dibendung.

Ini terpujanglah kepada kerajaan Indonesia untuk meletakkan ramin di bawah *Annex II* dan Malaysia sebagai parti kepada *CITES* perlu untuk menghormati hasrat negara tersebut. Walau bagaimanapun, Malaysia juga berhak menentang tindakan Indonesia atas alasan bahawa keluaran ramin yang dihasilkan adalah dari rantau yang diurus secara mapan, yang kita katakan bahawa ramin itu bukan sepatutnya sengaja dikeluarkan dari Indonesia tetapi kita juga mempunyai kayu ramin yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa ramin ini dihasilkan daripada paya dan *peat soil* dan oleh itu Malaysia juga mempunyai bilangan ramin yang besar. Oleh itu kita menghormati tindakan yang diambil oleh Indonesia. Walau bagaimanapun, Malaysia juga telah mengambil langkah-langkah penguatkuasaan, tegas selaras dengan peraturan *CITES* bagi pengeksporan produk-produk yang berasaskan ramin ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, boleh sambung besok?

**Datuk Anifah bin Aman:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***